


Volume II
No. 37



Friday
10th December, 1965

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

SECOND SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA

CONTENTS

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 5481]

BILL:

The Supply (1966) Bill—

Committee of Supply (Twelfth Allotted Day)—

Head S. 63 [Col. 5353]

Head S. 65 [Col. 5405]

Head S. 66 [Col. 5405]

Head S. 67 [Col. 5405]

Head S. 68 [Col. 5405]

Head S. 69 [Col. 5405]

Head S. 70 [Col. 5405]

Head S. 71 [Col. 5405]

Head S. 72 [Col. 5482]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Second Session of the Second Dewan Ra'ayat

Friday, 10th December, 1965

The House met at Half past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of National and Rural Development, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
- „ the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ the Assistant Minister of Finance, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).

- The Honourable the Parliamentary Secretary to the Minister of Health,
ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Labour,
ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ the Parliamentary Secretary to the Deputy Prime Minister,
ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja
(Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN
(Sarawak).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

The Honourable ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).

- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN (Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ ENCHE' TAJUDDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

- The Honourable ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim Bandar Bharu).
 „ ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
 „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
 „ ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
 „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
 „ ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
 „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
 „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
 „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
 „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
 „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungei Siput).
 „ the Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
 „ the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
 „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
 „ the Assistant Minister without Portfolio, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).
 „ the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance, ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
 „ ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
 „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
 „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
 „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI (Pasir Mas Hulu).
 „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
 „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
 „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
 „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
 „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
 „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
 „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
 „ ENCHE' THOMAS KANA (Sarawak).
 „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
 „ DATO' KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
 „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
 „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

The Honourable DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATO' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

BILL

THE SUPPLY (1966) BILL

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Twelfth Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker *in the Chair*)

SCHEDULE

Head S. 63—

Resumption of debate on Question:

That the sum of \$10,908,824 for Head S. 63 be agreed to stand part of the Schedule.

Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Enche' Sulaiman bin Bulon): Tuan Pengerusi, sekarang sampai-lah pula pada soalan Perbelan-

jaan Khas yang menunjukkan tambahan bagi keseluruhan sa-jumlah \$99,055 ia-itu lebih daripada peruntukkan pada tahun 1965. Tambahan ini ada-lah terutama-nya di-sebabkan membuka kelas² pelajaran dewasa di-Sabah dan Sarawak, dan juga mengambil alih tanggung-jawab bagi melaksanakan Rancangan Pembangunan Dharurat di-Sabah dan di-Sarawak di-bawah Kementerian ini.

Bantuan wang kepada Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji, di-bawah Pechahan-kepala 32, telah juga di-kurangkan sa-banyak \$10,000. Wang ini ada-lah di-kehendaki oleh Perbadanan tersebut kerana menyelenggarakan perjalanan pentadbiran bagi tahun 1966. Bagaimana pun, saya suka mengambil kesempatan memberi tahu Ahli² Yang Berhormat sakalian bahawa Perbadanan ini, hingga sekarang telah berjaya mendaftarkan sa-ramai 18,640 orang penyimpan dan telah mengumpulkan wang sa-banyak \$1,947,845. Wang simpanan ini telah di-jadikan tanaman modal di-dalam lapangan perniagaan dan perusahaan yang berfaedah. Saya

sukachita juga menyatakan di-sini bahawa Perbadanan ini, sa-hingga sekarang telah menunjukkan tanda² kejayaan. Saya tidak-lah shak lagi bahawa Perbadanan ini akan memainkan peranan yang sangat berharga dan berkesan ka-araf pembangunan ekonomi negara, terutama sa-kali di-kawasan luar² bandar.

Peruntokan sa-jumlah \$280,000 di-bawah Pechahan-kepala 34—Pengeluaran Buku² Text. Ada-lah di-kehendaki bagi menchetak buku² text, termasuk-lah buku² tambahan bagi kegunaan kelas² pelajaran dewasa. Buku² text ini ada-lah di-jual kapada pelajar² dengan harga 25% daripada harga mengeluarkan-nya.

Peruntokan sa-banyak \$280,000 ini, di-bawah Pechahan-kepala 35—Kursus Latehan Kaki-tangan dan Guru² ada-lah di-kehendaki bagi melateh guru² dan kaki-tangan kelas² pelajaran dewasa. Peruntokan ini ada-lah perlu bagi melateh guru² yang baharu diambil, kaki²-tangan, berkenaan dengan chara² mengajar orang² dewasa dan tata-ra'ayat. Mereka akan di-beri kursus supaya dapat melateh dan menanamkan semangat baharu pembangunan, supaya menambah pengetahuan berkenaan dengan tujuan² Kerajaan terhadap Ranchangan Pelajaran Dewasa, dan dasar pemerentahan dapat di-sampaikan.

Peruntokan ini juga akan di-gunakan bagi mengadakan kursus² ulang-kaji untuk guru².

Peruntokan sa-jumlah \$38,000 di-bawah Pechahan-kepala 41, ada-lah juga bertujuan bagi membeli tiga buah Land Rover yang akan di-gunakan oleh Pasokan Kereta Penerangan bagi pelajaran dewasa. Dua buah akan ditempatkan dan di-tugaskan di-negeri² Sabah dan Sarawak. Tuan Pengerusi, kereta² ini di-jangka akan menjalankan kempen² penerangan berkenaan dengan Pembangunan Luar Bandar, terutama sa-kali berkenaan dengan tugas baha-gian pelajaran dewasa.

Akhir-nya, sukachita-lah saya menyatakan bahawa anggaran peruntokan biasa Kementerian ini tidak-lah menunjukkan tambahan wang yang banyak

jika di-bandingkan dengan peruntokan dalam tahun 1965 yang lalu. Dan peruntokan ini telah di-kurangkan dengan sa-rendah²-nya yang boleh didapati, bagi mempersesuaian dengan gerakan ekonomi Kerajaan yang sedang berjalan sekarang ini. Tuan Pengerusi, saya dengan hormat-nya mengemukakan Anggaran ini untuk menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Terima kaseh.

Enche' Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Dengan izin Tuan, sukachita-lah saya berchakap, walau pun sedikit, atas S. 63, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tuan Pengerusi, Kementerian ini ada-lah satu Kementerian yang paling menarek perhatian seluruh ra'ayat. Dengan ada-nya pembangunan luar bandar, maka terdengar-lah bagi kita hari ini, rioh di-dalam negara kita dengan jalan raya, balai raya, masjid raya, kelinik raya dan semua-nya. Semua ini, Tuan Pengerusi, ada-lah idaman ra'ayat dan kehendak ra'ayat. Semua ra'ayat yang ada kemanusiaan tentu mahu semua-nya ini. Jalan raya, balai raya dan lain² lagi. Hanya kalau-lah ra'ayat itu tidak manusia

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat ini, di-atas Kepala mana-kah yang dia berchakap itu. Butir mana-kah? Dan kalau-lah saya tidak salah faham di-atas soal ini—ada pun peruntokan ini sa-mata² untuk gaji saraan pejabat dan sa-bagai-nya. Dan saya fikir tentu-lah kita dapat mengeluarkan fikiran itu tat kala kita mengemukakan Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama, kalau-lah hendak di-sebut jalan raya—dewan orang ramai atau sa-bagai-nya.

Enche' Mustapha bin Ahmad: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Jadi maksud-nya ada-lah Kementerian ini salah satu di-antara tugas Pegawai ini mengelolakan perkara² yang demikian. Jadi di-dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini saya mengharap kan jangan lagi timbul, setelah kita bersidang pada tahun ini, kata² yang tidak memuaskan oleh semua pehak ia-itu bukan sahaja kata²

itu datang daripada Ahli² Yang Berhormat yang biasa ada kata² itu daripada Menteri sendiri bahawa ra'ayat atau pun Kerajaan di-dalam negeri kita ini ada yang mahu dan tidak menerima Pembangunan Luar Bandar. Pada hal-nya perkara itu tidak timbul, Tuan Pengerusi Ra'ayat di-mana sahaja mahu Pembangunan Luar Bandar ini kerana ra'ayat di-dalam negeri ini membayar chukai, ra'ayat negeri Kelantan juga membayar chukai, ra'ayat negeri Johor juga membayar chukai, ra'ayat negeri Trengganu juga membayar chukai. Jadi kalau-lah dengan kata² sa-bagai "excuse" ra'ayat salah satu daripada negeri kita ini tidak kita mahu terima luar bandar, sengaja hendak menudoh, kerana tidak mahu membuat Pembangunan Luar Bandar dalam negeri yang berkenaan itu ada-lah satu pengkhianatan, Tuan Pengerusi. Sebab itu saya mengharap-kan sa-telah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Negara kita ini yang berjumlah \$10,908,824 jangan-lah lagi menimbulkan masaalah² yang tidak baik di-masa hadapan. Sebab, dengan kata² yang demikian sa-olah² ada satu pihak mahu membodohkan orang lain pada hal ra'ayat dalam negeri ini tidak semua bodoh dan tidak semua cherdek.

Mengenai Kelas² Dewasa, Tuan Pengerusi, saya harap pihak Kerajaan chuba meneliti kembali tentang pelaksanaan-nya Kelas Dewasa ini. Kami bukan menentang Kelas Dewasa, itu ada-lah satu projek baik, maksud baik, tetapi di-dalam pelaksanaan-nya Kelas Dewasa ini sa-bagaimana yang berlaku di-dalam negeri Kelantan ia-lah Kelas Perikatan. Kalau orang tidak orang kuat Perikatan, orang itu mustahil walau pun hendak menjadi guru Kelas Dewasa. Soal layak tidak layak itu ada-lah masaalah lain; atas layaknya itu ada-lah di-tentukan kuat atau tidak dia di-dalam Perikatan dan UMNO. Ini tuan² tidak usah menyangkal: ini ada-lah kejadian² biasa di-dalam negeri Kelantan, Ma'af-lah kalau perkara itu menyakitkan hati tuan². Bagitu juga penyelia²-nya dan bagitu-lah semua kaki-tangan di-dalam Kelas² Dewasa itu ada-lah dari orang Perikatan. Apa-kah wang dalam negara ini di-keluarkan oleh orang² Perikatan

sahaja maka keuntungan-nya dapat kapada orang Perikatan sahaja? Saya perchaya tuan boleh membuat lebeh banyak daripada itu lagi. Tuan² di-dalam Dewan ini lebeh daripada 2/3, tuan² boleh membuat apa sa-suatu tuan mahu. Tetapi sanggup-kah tuan² melakukan satu pengkhianatan kapada chara² yang tidak sa-betul-nya memberi kepuasan kapada semua pihak. Jadi saya mengharapkan Menteri yang berkenaan di-dalam memilih guru, penyelia dan lain² lagi bagi Kelas Dewasa ini biar-lah kelas itu berhasil, biar-lah orang² akan mengajar itu orang² yang berkebolehan dan tidak di-tentukan walau pun daripada siapa, asalkan dia warga negara Malaysia ini, ada-lah berhak ikut serta di-dalam memberi khidmat di-dalam Kelas Dewasa ini.

Mr Chairman: Ada orang hendak minta penjelasan.

Enche' Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, ada-kah maksud Ahli Yang Berhormat itu penyelia² dan guru² dewasa orang yang tidak ada berkebolehan? Minta penjelasan—penyelia² dan guru² yang ada sekarang?

Enche' Mustapha bin Ahmad: Tuan Pengerusi, ada juga kadang² guru² Kelas Dewasa itu pandai murid daripada guru banyak di-tempat saya, sebab murid itu kadang² dia mengaji sekolah kelas enam atau kelas berapa, dia keluar, tetapi tidak ada kerja lain, dia minta juga, dia ikut serta di-dalam kelas itu supaya chukup orang-nya maka dia juga ikut serta. Kalau hendak orang-nya pun boleh saya beri tahu satu hari kapada tuan.

Jadi saya mengharapkan Tuan Pengerusi, Kelas Dewasa ini supaya di-kaji balek dan di-adakan satu jawatan-kuasa memilih guru² dan memilih penyelia²-nya dan jangan-lah di-tumpukan hanya kapada orang² Perikatan sahaja kerana wang itu ada-lah wang ra'ayat, dan kemajuan-nya itu biar meliputi pada keseluruhannya. Kalau tidak, saya perchaya, tidak akan berhasil Kelas Dewasa ini. Dan saya perchaya nampak-nya walau pun tidak berhasil, tetap juga Menteri yang berkenaan akan menjalankan juga. Saperti

kita katakan dalam negeri Kelantan sangat sedikit orang yang belajar Kelas Dewasa ini, tetapi kerana guru itu orang kuat Perikatan, kerana tidak ada kerja lain, terpaksa di-adakan juga perkara itu dan di-jalankan juga Kelas Dewasa itu, supaya chukup dia itu. Kerana upah "form" laku sahaja \$4 satu malam, tidak usah-lah ada murid pun tidak apa! Jadi perkara yang demikian saya rasa merugikan negara kita yang sedang menghendaki wang yang begitu banyak untuk pembangunan² masaalah² lain. Kalau-lah kira satu perkara itu tidak "constructive" dan tidak "efficient", maka baik-lah perkara itu di-ketepikan kalau kita benar² jujur di-dalam usaha kita untuk memberi pendidikan Kelas Dewasa ini kepada seluroh ra'ayat.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu mengatakan mengajar orang dewasa ini tidak berguna biar orang itu jahil sa-lama²-nya saperti di-Kelantan?

Enche' Mustapha bin Ahmad: Itu-lah Ahli Yang Berhormat bodoh sedikit, Tuan Pengerusi, dan dia kurang pendengaran sedikit. Saya telah mengatakan tadi kami tidak menentang Kelas Dewasa. Barangkali dia agak tua sedikit kepala sudah botak—tidak berapa dengar.

Terima Kaseh, Tuan Pengerusi.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya minta Ahli Yang Berhormat terek balek perkataan² yang mengatakan botak dan bodoh tadi. Saya minta dia terek balek kalau tidak parliamentary—telah berkali² perkara itu di-lakukan chara biadab dalam Perlimen ini.

Mr Chairman: Ya-lah, saya fikir botak itu berkenaan dengan diri sendiri, rasa saya itu tidak patut-lah perkataan itu di-gunakan dalam Majlis ini. Saya fikir molek-lah perkataan itu di-terek balek.

Enche' Mustapha bin Ahmad: Kalau Tuan Pengerusi perintah demikian, saya juga minta dia terek balek perkataan biadab tadi—baharu saya terek balek.

Mr Chairman: Perkataan biadab itu dia hendak juga terek balek. Sebab perkataan biadab itu

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya mengatakan kelakuan yang macham itu ada-lah chara biadab—bukan ahli itu yang biadab. Dia kata saya ini botak—diri sendiri itu—chara itu, saya katakan ini tidak kena-mengena. Ini fasal diri, diri kena terek balek, ini saya cheritakan kelakuan, erti-nya tidak kena-lah chara macham itu.

Mr Chairman: Saya fikir dia boleh menggunakan perkataan biadab sebab tidak menepati kapada diri masing².

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Malacca Utara): Tuan Pengerusi, wakil dari Tanah Merah belum terek balek.

Mr Chairman: Dia sudah terek balek.

Mr Chairman: Tidak ada orang hendak berchakap? Saya hendak kemukakan.

Enche' Hanafiah bin Hussain (Jerai): Tuan Pengerusi, saya mengalukan² peruntukan yang telah di-adakan di-muka 543, Kepala 32 untuk Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji sa-banyak \$174,000. Ini ada-lah sa-bagai tunaian janji Kerajaan untuk menolong Perbadanan tersebut menjalankan tugas²-nya untuk menggalakkan orang² Islam yang akan menjadi bakal² haji menyimpan wang dalam Tabong Haji. Saya faham bahawa sanya sampai sekarang Tabong Haji sudah berjalan lebeh dua tahun dan wang kutipan-nya sudah di-jalankan sudah lebeh 18 bulan dan jumlah wang simpanan sekarang saya faham lebeh 2 million ringgit. Ini kalau di-bandingkan dengan tekaan² dan anggaran² yang telah di-anggarkan oleh Jawatan-kuasa Penubohan Perbadanan beberapa tahun dahulu, menjadi satu kejayaan yang sunggoh² chemerlang. Tetapi walau pun begitu, pada pendapat saya banyak juga lagi chara² kegiatan² yang Perbadanan ini, dengan sokongan daripada Kementerian, boleh menjalankan untuk mendapat dengan lebeh banyak lagi berlipat² ganda akan wang² untuk di-simpan oleh bakal haji.

Saya menarek perhatian Kerajaan kepada jumlah bakal² haji yang akan atau pun yang sudah berchadang hendak menunaikan fardhu haji pada tahun hadapan. Yang saya di-beri tahu jumlah-nya lebeh kurang 7,000 orang. Di-situ, Tuan Pengerusi, pukul rata jumlah wang yang akan di-gunakan, yang akan di-belanjakan, oleh bakal² haji tersebut tidak kurang daripada 14 million ringgit, 14 million ringgit adalah satu angka yang sangat tinggi dibandingkan dengan pendapatan orang² Muslimin keselurohan-nya. Maka dimana wang \$14 million sekarang? Kalau kita selideki betul² kita dapati kebanyakan daripada wang tersebut tersimpan di-merata² tempat. Kalau umpama-nya kita boleh menjalankan satu chara untuk menggalakkan mereka itu menyimpan wang itu dalam Tabong Haji bukan-lah Perbadanan pula boleh menggunakan wang tersebut untuk menjayakan pembangunan negara.

Tahun sudah, dalam bahathan perbelanjaan kira², saya sudah menchadangkan juga. Dan chadangan saya itu tidak mendapat sambutan daripada Kerajaan. Mengapa? Saya tidak tahu. Tetapi chadangan ini, saya ingat, boleh di-laksanakan dengan tidak bagitu mahal belanja-nya. Kalau umpama-nya kita galakkan atau pun kita adakan satu chara undang² untuk mengkehendakkan tiap² bakal haji sa-tahun sa-belum mereka naik haji menyimpan wang dalam Tabong Haji. Tiap² bakal haji yang datang berjumpa penghulu, yang datang berjumpa Tuan² Pegawai Daerah untuk menyatakan hasrat-nya hendak menunaikan fardhu haji dikehendakkan dia-nya menunjokkan boki dan dalil daripada Tabong Haji yang ia-nya sudah menyimpan wang sa-kurang² satu tahun dalam Tabong Haji. Kalau umpama-nya kita hendak mana² bakal haji hendak naik haji dalam tahun 1968, kita katakan daripada sekarang mereka mesti menyimpan wang dalam Tabong Haji dan wang chukup umpama-nya \$1,600—bagi tiap² sa-orang itu sudah tersimpan dalam Tabong Haji sa-belum habis tahun 1966. Maka apabila bakal haji tersebut datang berjumpa Pegawai Daerah pada awal tahun 68 menyatakan hasrat-nya hendak naik haji, dia

boleh menunjokkan dalil bahawa sa-nya dia sudah menyimpan sa-tahun wang-nya dalam Tabong Haji.

Maka dengan chara bagitu, tiap² tahun Tabong Haji ini ada menyimpan wang atau pun boleh menyimpan wang tidak kurang daripada 10 million ringgit pukul rata. Dan wang ini akan di-keluarkan kembali kepada bakal² haji tersebut apabila ia-nya hendak menunaikan fardhu haji. Dalam pada itu pula ada lagi bakal² haji untuk tahun 1969 untuk tahun 1970 yang akan menyambungkan menyimpan wang dalam Tabong Haji dari sa-masa ka-samasa, tidak kurang daripada 5 million ringgit tiap² masa ada. Dahulu masa kita galakkan orang menyimpan wang dalam Tabong Haji akan mengadakan perkhidmatan² yang perchuma. Tabong² Haji akan mengadakan pertolongan² kepada orang² bakal haji. Yang saya faham sampai sekarang Tabong Haji belum dapat lagi menguruskan hal² ini dengan sebab kesulitan² yang belum dapat di-atasi.

Saya minta kepada Kementerian tersebut tolong-lah mengurus dan minta kerjasama daripada Pejabat Urusan Haji di-Pulau Pinang supaya chara² bagaimana Perbadanan Haji boleh dapat bersama² bekerja dengan Pejabat Urusan Haji dapat memberi perkhidmatan kepada bakal² haji dan akan memberi galakan kepada orang² yang menyimpan wang dalam Tabong Haji. Tetapi yang terjadi sekarang-nya pula ia-lah Tabong Haji ini sekarang menjalankan kerja-nya menolong pula Sheikh² Haji dalam Tanah Melayu dan menolong agency² Travel Agency—untuk membeli teket² bagi pehak bakal² haji. Tetapi Tabong Haji sendiri tidak ada mendapat apa² menafa'at atas perkhidmatan² mereka. Sa-balek-nya pula, kalau Tabong Haji boleh menjalankan kerja² ini memberi perkhidmatan kepada bakal² haji, tetapi di-kenakan sa-bagai commission atau pun pendapatan ka-atas Travel² Agency dan Sheikh Haji di-Tanah Melayu, maka ini ada membawa keuntungan pula kepada Tabong Haji.

Sudah dua tahun orang menyimpan wang dalam Tabong Haji, tetapi sampai sekarang banyak sungutan²

daripada orang² yang menyimpan wang di-dalam Tabong Haji tidak mendapat hasil daripada simpanan mereka. Keuntungan tidak dapat di-berikan. Mana itu keuntungan? Ini suatu perkara aneh sebab apa? Kita sudah berjaya menyimpan wang bermillion² ringgit daripada orang² miskin, daripada orang² bakal haji. Kita dahulu berjanji kita hendak berikan keuntungan kepada mereka tiap² tahun, sekarang mana keuntungan itu? Apa-kah masalah itu kita sudah ada mempunyai wang banyak kita tidak tahu untuk menanamkan, kita tidak tahu untuk menggunakan wang itu untuk menchari keuntungan? Kalau mereka simpan wang dalam Bank, sa-kurang² lima persen mereka sudah dapat. Yang susah pula-nya, saya faham, dalam undang² di-tubuhkan Tabong Haji itu, dalam perenggan 8 mengatakan sa-belum Tabong Haji boleh mengeluarkan untong Tabong Haji kena chari keuntungan sa-kurang²-nya 10% untuk di-ketepikan dan si-simpan dalam Tabong Simpanan Reserve Fund. Sa-lain daripada 10% keuntungan, baharu boleh di-berikan keuntungan kepada bakal² penyimpan, bakal² haji, yang menyimpan wang dalam Tabong Haji.

Kalau begitu-lah, Tuan Pengerusi, chara-nya Tabong Haji menjalankan kerja, saya ingat sampai bila masa pun Tabong Haji tidak dapat mengeluarkan keuntungan untuk orang² yang menyimpan wang. Dan kalau begitu di-jalankan kerja, maka kita tidak menunaikan janji kita kepada orang² yang menyimpan wang dalam Tabong Haji. Kalau kita chuma mendapat keuntungan 5%, 7%, maka kesemuanya ini kena di-simpan dahulu dan sa-lebih nya itu baharu boleh di-berikan kepada orang yang menyimpan tidak ada menafaat simpan wang dalam Tabong Haji.

Jadi saya minta-lah Kerajaan tolong membereskan soal ini dan kalau boleh mana² saham dan harta kita yang boleh kita jual, yang boleh membawa keuntungan kepada Tabong Haji, jual-kan. Dan keuntungan itu di-gunakan pula membeli harta lain meningkat ganda. Saya tahu soal² ini mesti di-timbangkan oleh Jawatan-kuasa Ta-

bong Haji, Jawatan-kuasa Penanaman Modal. Di-sini pula, nampak dalam perjalanan dua tahun ini di-antara Jawatan-kuasa Penanaman Modal dan Jawatan-kuasa Badan Pertubohan Haji, tidak begitu beres. Siapa yang ada kuasa di-atas perkara ini di-atas perkara menggunakan wang Tabong Haji hendak di-tanamkan untuk menchari keuntungan? Tiap² satu masaalah yang hendak di-jalankan mesti di-rasakkan kepada Investment Panel, Jawatan-kuasa Penanaman Modal. Jawatan-kuasa Penanaman Modal, menchadangkan bagini—bagini yang ta' lari dan sesuai dengan chadangan yang di-datangkan oleh Jema'ah Pengarah. Siapa punya nasihat yang akan di-ambil. Ini undang² kurang terang, dalam pada itu sudah bertarek berbalah, maka wang ra'ayat tidak dapat di-gunakan bagi menambah keuntungan yang banyak. Kalau boleh biarlah undang² yang di-Perengan 8 itu di-pinda sedikit supaya dapat juga orang² penyimpan wang itu mene'mati keuntungan² yang mereka berhak mendapat-nya. Kalau umpama-nya 10% sangat tinggi untuk di-simpankan dalam Reserve Fund, di-kurangkan jadi 4% atau pun 5%.

Lagi satu, saya merayu kepada Kerajaan, dahulu masa kita tubuhkan Tabong Haji, kita katakan kepada umum, wang² yang kita simpankan itu kita akan gunakan untuk orang² Islam, kerana ini wang orang² Islam untuk naik haji. Kalau kita belikan harta rumah atau pun bangunan, kita mesti jaminkan bahawa sanya rumah bangunan itu kita akan sewakan juga kepada orang² Islam. Sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Enche' Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam membahatkan anggaran belanja Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Baharu tadi kita telah mendengar ucapan daripada wakil PAS, ia-itu wakil Tanah Merah. Beliau berkali² menyebut ra'ayat negeri ini membayar chukai, ra'ayat negeri ini membayar chukai. Saya tidak faham-lah ada-kah beliau itu baharu sedar pada hari ini yang ra'ayat negeri ini membayar chukai.

Tuan Pengerusi, dalam ucapan-nya tadi, Ahli itu telah membuat keterangan—dia tidak menentang pelajaran dewasa ini, tetapi sa-tahu saya, pada masa yang sudah Kerajaan PAS, orang² PAS, ra'ayat² daripada PAS, menentang pelajaran dewasa. Jadi, apabila pelajaran dewasa ini telah berjaya, dan di-Kelantan, umpama-nya, s-tengah² ra'ayat negeri itu telah sedar berhubung dengan guna pelajaran dewasa ini dapat mengechap dan membuka mata Pelajaran Dewasa ini, jadi ra'ayat Kelantan sekarang, tidak boleh hendak di-kuda² oleh orang² PAS lagi dengan jasa pelajaran dewasa. Ini-lah yang di-gaduh²kan oleh wakil PAS itu, baharu ini-lah pula beliau berucap menyokong, tetapi menuduh guru² kelas dewasa dan menuduh yang kelas dewasa ini ia-itu Kelas Perikatan.

Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak berchakap panjang dalam hal ini, tetapi sa-bagai ahli PAS, sa-buah Parti Islam, saya berharap-lah penganjur² PAS ini berdiri dengan chara lemah-lembut, berbudi pekerti, supaya dapat menarek orang lain menjadi ahli PAS, tetapi kalau kasar, lebeh kasar, lebeh mulut-nya lebeh geram melepaskan geram yang bukan², bukan sahaja ra'ayat, terutama sa-kali orang Melayu akan menyokong PAS, tetapi akan menyedarkan orang Melayu yang PAS ini sa-mata² topeng sahaja

Enche' Mustapha bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya hendak memberi penjelasan sedikit. Parti saya tidak meminta nasihat daripada dia. Kami sudah mempunyai kedudukan kami sendiri, ta' usah nasihat dalam hal itu.

Enche' Abdul Karim bin Abu: Saya tidak berapa dengar tadi!

Mr Chairman: Terangkan-lah sedikit.

Enche' Mustapha bin Ahmad: Parti saya tidak menghendaki nasihat daripada Ahli Yang Berhormat itu, sudah chukup-lah, kami pun sudah mempunyai chara² kami sendiri, terima-kasih-lah.

Enche' Abdul Karim bin Abu: Baiklah, terima kaseh, tetapi tujuan saya

bukan nasihat, kerana saya hendak membukakan tembelang PAS.

Tuan Pengerusi, sekarang saya masok pada muka 518, S. 63—Pelajaran Dewasa. Sa-kali lagi-lah saya merayu kepada Menteri yang berkenaan berhubung dengan gaji Pengelola. Maseh ada lagi gaji pengelola ini di-beza²kan, saya tidak tahu-lah apa sebab-nya, di-harapkan supaya gaji pengelola ini dapat di-samakan diserata tanah ayer kita ini dan rayuan saya di-Melaka—saya tidak tahu di-negeri lain—penuntut kelas dewasa ini boleh di-katakan 85% ia-lah perempuan, tetapi tidak ada sa-orang Penyelia pun di-Melaka yang terdiri daripada orang perempuan, orang wanita. Jadi saya harap dapat-lah bagi pehak Menteri, buka sekolah ini besok, mendapatkan penyelia perempuan di-negeri Melaka.

Muka 523 berhubung dengan bantuan kepada bakal² haji. Wang yang di-untokkan sangat kurang daripada tahun yang lepas. Saya berharap yang bantuan ini dapat di-berikan peruntukan yang lebeh, kerana berhubung dengan hal ini ra'ayat di-kampung² berkehendakkan penerangan untuk memberi sokongan pada menjayakan bakal² haji—Perbadanan Bakal² Haji ini. Kira-nya peruntukan ini kechil, tentu-lah pegawai² yang berkenaan ta' dapat hendak menyelenggarakan tugas-nya. Baharu tadi sa-orang wakil dari Jerai telah berucap dengan panjang lebar berhubung dengan hal ini. Saya tidak tahu-lah, barangkali saya silap—dia dahulu, rasa saya, menjadi Pengerusi Tabong Haji. Ya! Yang Berhormat wakil Jerai. Jadi, chadangan² yang di-kemukakan-nya itu patut masa dia dahulu sudah di-buat, tetapi tentu-lah bagi pehak Kementerian mengambil berat, terutama sa-kali berhubung dengan rayuan yang saya kemukakan ia-itu pegawai² yang menjalankan tugas berhubung dengan hal ini, kalau-lah kurang wang, kurang belanja, tentu-lah ta' dapat hendak memberi penerangan, atau lain² berhubung dengan kejayaan Badan ini.

Muka 524, berhubung dengan kursus. Ini juga kekurangan wang. Saya perhatikan, pada hal kira-nya kelas²

dewasa ini murid²-nya orang² ramai, dalam sa-buah kampung di-adakan kursus berhubung dengan kelas dewasa, berhubung dengan kemajuan luar bandar, atau lain²—ini-lah chara-nya yang sa-baik² mendapatkan penerangan dan ra'ayat tentu-lah lebeh² jelas lagi, nyata dan terang perkara² yang di-buat oleh Kerajaan kita. Kursus ini sangat memberi kesan, boleh jadi ini juga yang di-takutkan oleh PAS, penerangan kepada ra'ayat seperti kursus ini, kerana apabila ra'ayat telah sedar atas khidmat Kerajaan Perikatan, tentu-lah ra'ayat akan memberikan sokongan lebeh penoh lagi kepada Kerajaan Perikatan.

Berhubung dengan kereta motor ini juga, saya merayu supaya Kementerian dapat meletakkan pada tiap² Negeri sa-buah kereta motor ini, kerana ini berjasa betul di-tayangkan wayang gambar. Pada masa sekarang sangat-lah susah hendak memberi tayangan wayang gambar, kereta itu datang daripada Ibu Pejabat. Kadang² ada sa-buah kampung yang tertunggu² hendak mendapatkan kereta ini di-tunjukkan wayang gambar, tiba² tidak datang. Jadi, kalau-lah ada tiap² sa-buah Negeri sa-buah kereta motor ini, dapat sokongan lagi ra'ayat negeri di-kampung² kepada kelas dewasa dan yang berhubung dengan Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja atas S. 63 ia-itu berkenaan dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, dan saya hendak menyentuh S. 63, muka 518, Butiran (27)—Pelajaran Dewasa. Saya berpuas hati-lah dengan apa yang telah di-terangkan oleh Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar di-dalam Kementerian-nya sejak pagi sa-malam, dan saya meng-ucapkan juga sa-tinggi² tahniah di-atas kejayaan rancangan pelajaran dewasa, terutama-nya di-dalam negeri Perlis.

Sa-bagaimana yang telah di-katakan oleh Yang Berhormat Wakil daripada Tanah Merah yang mengatakan bahawa Kerajaan Perikatan hanya memandang kepada orang Perikatan sahaja, itu ada-lah da'awa yang tidak benar dan boleh di-katakan satu da'awa yang

bohong, kerana di-dalam negeri Perlis, Tuan Pengerusi, ada orang² PAS yang telah di-pilih oleh Kerajaan menjadi guru dewasa dan mereka itu pun telah berpuas hati dengan rancangan² yang telah di-kemukakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini, tetapi walau bagaimana pun, ada juga daripada mereka yang maseh memandang bahawa pelajaran dewasa ini ada-lah satu pelajaran yang sepi, satu pelajaran yang tidak menguntungkan ra'ayat. Bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Wakil Tanah Merah ini, Tuan Pengerusi, saya berfikir, bahawa sa-buah negara yang merdeka dan sa-buah negara yang berkehendakan kepada pembangunan, terutama sa-kali dalam perkembangan masharakat, ra'ayat mahu-lah mempunyai pelajaran, pandai menulis dan pandai membacha, kerana ra'ayat² akan menerima segala alat² kemudahan ia-lah menerusi penerangan. Tetapi jikalau sa-kira-nya ra'ayat maseh buta huruf, tidak tahu menulis dan tidak tahu membacha, maka amat-lah susah bagi sa-sabuah Kerajaan itu hendak menjalankan penerangan² kepada ra'ayat². Oleh kerana itu saya memandang, jika di-dalam soalan Pertahanan Negara, Kementerian ini atau Kerajaan dapat mengadakan satu undang² ia-itu memaksa orang² supaya mengambil bahagian. Dalam masa-lah ini pun, Tuan Pengerusi, saya memikirkan ini masa-lah pertahanan juga, kalau ra'ayat maseh tidak tahu menulis, tidak tahu membacha dan buta huruf, maka akan menjadi kuchar-kachir-lah negara. Oleh yang demikian, saya mengeshorkan kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, supaya mengadakan satu undang² mewajibkan kepada mereka² yang berumur 50 tahun ka-bawah mesti masok belajar dalam kelas² dewasa. Kerana, dengan chara yang demikian, dapat-lah kita menyingkirkan, sa-kurang²-nya kita dapat tahu, siapa dia yang ta'at setia kepada negara ini dan siapa dia yang maseh menjadi pengkhianat kepada negara ini. Jadi dengan yang demikian, Tuan Pengerusi, itu-lah sahaja pandangan saya dalam pelajaran kelas dewasa ini dan begitu juga saya berharap-lah supaya Wakil Tanah Merah, jangan-lah membuat tuduhan yang melampau, yang tidak

akan memberi satu keuntungan kepada bangsa kita seluroh-nya. Sekian, terima kaseh.

Enche' Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya suka juga berchakap atas Kepala 63. Yang pertama, Tuan Pengerusi, saya berasa berkewajipan-lah kepada saya untuk memberi penghargaan yang tinggi kepada semua pegawai² yang telah menjalankan kerja² mereka dari dalam Kementerian ini. Hasil daripada kerja² mereka telah kita nampak dengan jelas, segala kemajuan², terutama sa-kali daerah² saya, di-mana pembangunan yang sedang di-jalankan dengan pesat-nya. Jadi rasa saya usaha ini ia-lah satu usaha yang saya, bagi pihak pengundi dan orang² daerah saya, menguchapkan ribuan terima kaseh.

Tuan Pengerusi, saya berharap sungoh pun pada masa ini ada juga usaha² yang telah di-jalankan supaya pegawai² daripada pejabat Kementerian ini memberi nasihat supaya nasihat² itu memberi semangat kepada mereka² yang menerima segala ranchangan² luar bandar ini, bekerja kuat dan menuju kepada matlamat yang di-tuju² oleh kita. Jadi, terutama sa-kali, Tuan Pengerusi, yang saya berharap lebeh² giat ia-itu dalam Lembaga Kemajuan Tanah, di-mana di-tempat saya ada dua tiga ranchangan supaya lebeh lagi rapat antara pegawai² yang menyelenggarakan ranchangan ini dengan peserta²-nya dengan tujuan peserta² itu lebeh giat, suka dan mahu kemajuan yang mereka itu akan dapat kemudian hari kelak. Jadi dengan chara ini-lah, Tuan Pengerusi, kita akan memandang kepada satu masa yang gemilang pada masa hadapan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya berasa betul besar hati menengok peruntukan wang sa-banyak \$75,000 di atas Sub-head 28 ia-itu muka 523—Bantuan² kepada Perkumpulan Kebangsaan Perempuan, Malaysia. Ini rasa saya, sunggoh pun wang-nya kechil, tetapi rasa saya ini-lah satu pemberian yang juga besar ma'ana-nya kepada membantu Perkumpulan ini lebeh giat lagi masok ka-kampong² dan juga mendapatkan orang² kampong—kaum² ibu—bersatu dengan mendapatkan

segala pelajaran² social yang di-kehendaki oleh Kumpulan ini. Saya pandang dalam daerah saya pekerjaan² ini sangat giat di-jalankan, tetapi bantuan ini, saya rasa, jikalau dapat di-bantu lebeh supaya dapat pegawai tetap daripada Kumpulan ini menjalankan usaha-nya dengan lebeh giat lagi. Pada masa ini, sa-tahu saya, negeri saya chuma ada satu sahaja pegawai negeri-nya. Jikalau dapat di-tambah lagi dengan mendapat wang lebeh daripada Kumpulan ini, saya perchaya lagi lebeh giat mereka² itu menjalankan usaha-nya. Sunggoh pun begitu, rasa saya, sa-kali lagi saya menguchapkan terima kaseh kepada pegawai² yang sa-orang yang ada di-negeri saya itu terpaksa berjalan beratus² batu tiap² bulan untuk menemu² orang² kampong mengumpul-kan orang² kampong menubuhkan Kumpulan ini. Tetapi tentu-lah, Tuan Pengerusi, kerana sebab sa-orang, negeri besar, tentu-lah perkara ini sulit untuk mendapat kejayaan yang penoh.

Jadi saya harap-lah dapat pandangan Kementerian ini supaya mendapatkan perkumpulan ini lagi, mendapatkan tambahan yang lebeh daripada negeri² yang luas saperti negeri saya, kechuali macham negeri Selangor ini di-mana perhubungan-nya sangat chepat, tetapi negeri saya negeri yang besar, perhubungan-nya jauh, patut-lah Kumpulan memberi keutamaan kepada negeri saya, kerana negeri saya—negeri Pahang—negeri yang maseh belum maju lagi maseh orang² kampong-nya sa-bagaimana negeri² disabelah barat sana.

Rasa saya itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, sa-kali lagi saya menguchapkan memberi penghargaan yang penoh kepada kerja² yang telah di-jalankan seluroh Kementerian ini terhadap pembangunan negara dan saya berharap pada masa hadapan kegiatan² mereka itu tidak lagi mundur bahkan bertambah lagi pada masa hadapan, terima kaseh.

Enche' Soh Ah Teck (Batu Pahat): Mr Chairman, Sir, with your permission, I would like to speak a few words under Head S. 63, calling the attention of the Honourable Minister to certain problems that are prevailing. What I

refer to, Sir, concerns the disbursement of Federal funds for approved projects to States and districts. Of course, I do not know when, or how early or late, such funds go or are allocated to the States. But certainly in the districts, these warrant tickets come usually towards the end of the year—usually in the last quarter of the year. Take, for example, this year. It came only some time in September for Batu Pahat alone, and within the few months before the end of the year, work for so many projects could not be carried out satisfactorily. Contractors too have to raise their costs owing to the limited time available for them to complete projects, and moreover work is often being delayed by inclement weather which is usually prevailing at this period of the year. So I hope

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, apa yang saya katakan tadi perbahathan tidak begitu memakan masa yang panjang walhal perkara itu patut di-bawa dalam masa kita mengemukakan *Development Estimates—First Malaysian Plan*. Jadi soal dihadapan kita ini sa-mata² untuk gaji, saraan, guru² dan kaki-tangan, jadi kita memakan masa di-sini dan memakan masa di-sana barangkali tidak cukup masa kita nanti. Saya harap perbahathan itu akan di-bawa masa kita mengemukakan *First Malaysian Development Plan*.

Enche' Soh Ah Teck: Well, I thank the Honourable Minister for his explanation. But, of course, these projects do come under the Ministry of National and Rural Development. Thank you, Sir.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit atas Head S. 63 ini di-dalam soal Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tuan Pengerusi, apa yang saya suka hendak sentoh ia-lah soal Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Mr Chairman: Muka, butir, berapa?

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Muka surat 519, Butiran (50)

Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian ini mengeluarkan arahan² yang tepat kepada Pengerusi² Lembaga Kemajuan Tanah yang ada di-seluruh Malaysia ini. Sebab apa yang saya tahu, Tuan Pengerusi, di-kawasan saya ada satu Lembaga Kemajuan Tanah di-Kampong Rahmat Chalok, Besut, dan ranchangan ini telah pun berjalan daripada tahun 1958 lagi, tetapi apa yang mendukachitakan kepada peserta² yang ada di-dalam ranchangan itu ialah soal hutang yang mereka terpaksa pikul dan bunga daripada hutang itu juga mereka terpaksa pikul tetapi sudah sampai 8 tahun sekarang ini, bila mereka tanya berapa banyak-kah . . .

Enche' Sulaiman bin Bulon: Saya minta penjelasan. Dalam Butiran (50) ini ia-lah soal gaji, Tuan Pengerusi, tambahan dan sa-bagai-nya—tangga gaji tidak ada fasal hutang dan sa-bagai-nya di-sini. Jadi saya harap-lah kalau ada perkara itu nanti dalam masa membahathkan Pembangunan Malaysia Yang Pertama itu barangkali sesuai-lah, tetapi kalau tentang butir ini tidak nampak-lah saya yang bagaimana boleh kita membahathkan kerana soal gaji, saraan kepada lembaga itu dan sa-bagai-nya. Saya harap patut-lah masa kita membahathkan peruntukan itu nanti kita boleh bahathkan lebih panjang.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya mahamkan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada hubongannya dengan peserta² di-dalam-nya itu, yang saya telah nyatakan bahawa peserta² di-dalam kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan bertanya dengan Pengerusi berapa banyak hutang dia yang sudah ada dan berapa banyak bunga yang sudah di-kenakan, sudah 8 tahun yang mereka itu tidak tahu dan ini ada-lah salah satu daripada sebab musabab-nya yang peserta² tidak puas hati kadang² terhadap Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah ini yang mereka telah meletakkan salah sangka terhadap Pengerusi itu. Mereka memikirkan bahawa pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar atau pun tegas-nya pihak Kerajaan telah pun menyampaikan kenyataan² itu

sebab mereka tidak yakin bahawa dalam masa 8 tahun kata Pengerusi itu, alasan-nya pehak Juru Kira² belum lagi mengesahkan kira² bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

Jadi pada hari ini juga saya ingin mendapat keterangan daripada Menteri yang berkenaan ini benar-kah kira² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini belum lagi di-odit atau pun di-pereksa kira²-nya itu. Saya harap benar² mendapat jawapan ini supaya dapat-lah saya menyampaikan perkara ini kepada peserta² di-dalam Lembaga Kemajuan Tanah di-Kampung Rahmat Chalok di-Besut itu supaya tidak timbul perselisihan faham di-antara peserta² dengan Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah di-Kampung Rahmat itu.

Tuan Pengerusi, harus Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah tahu bahawa beberapa kali perselisihan faham telah berlaku di-kawasan itu maka ini-lah satu daripada sebab musabab-nya yang menimbulkan tidak puas hati mereka itu. Jadi kalau soal ini kita tidak dapat terangkan dengan sa-sungguh²-nya maka akan datang-lah pula tuduhan bagaimana pernah Wakil Hilir Perak mengatakan pehak PAS ini menghasut kepada peserta² itu mengatakan hutang, mengatakan bunga, mengatakan begitu dan bagini

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat itu, waktu dia menjadi Menteri Besar dalam negeri Kelantan tidak-kah timbul perselisihan faham di-antara penduduk yang ada dalam tanah itu dengan Manager yang menjalankan kerja itu dengan sebab hasutan orang² PAS seperti Yang Berhormat daripada Besut itu sendiri, tidak-kah ada dalam masa dia menjadi Menteri Besar perkara ini timbul?

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Soal itu ta' payah-lah saya menjawab sebab dia menyebutkan saya menjadi Menteri Besar negeri Kelantan, dan saya tidak pernah menjadi Menteri Besar negeri Kelantan, saya pernah menjadi Menteri Besar negeri Treng-

ganu dia patut ingat sedikit kepala-nya itu, jangan

Tuan Haji Othman bin Abdullah: di-Besut, bukan Kelantan.

Mr Chairman: Bila sa-orang bangun jangan-lah dua² bangun. Bila sa-orang bangun hendak berchakap yang lain hendak-lah duduk.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tidak-kah pernah berlaku perkara ini waktu dia menjadi Menteri Besar Trengganu?

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan sebab dia sudah salah. Tuan Pengerusi, ini-lah perkara yang saya mengatakan saya tidak mahu timbul tuduh-menuduh di-dalam Dewan ini. Kalau penjelasan khas-nya saya tuju-kan supaya siapa pun tidak boleh mengatakan apa² kepada peserta² itu

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Bukan-kah boleh dihantar surat soalan yang bertulis untuk di-jawab dengan bertulis? Mengapa Yang Berhormat hendak berchakap panjang²

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, saya sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat juga seperti tuan dari Melaka Utara itu berhak menyampaikan sa-suatu di-dalam Dewan ini.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak: Tuan Pengerusi, soalan yang timbul hujung-nya tadi, wakil daripada Besut minta jawapan yang bertulis kata-nya, telinga saya dengar dalam Majlis ini. Jadi dia berchakap panjang² buat apa, tanya sahaja dengan bertulis dia jawab-lah dengan bertulis.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, wakil daripada Melaka ini tidak dengar betul², saya mengatakan siaran bertulis. Siaran dan tulisan itu lain, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, sa-kali lagi saya harap Ahli² Dewan ini dengar betul². Saya mahu Menteri atau Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar yang ada di-hadapan saya ini mengeluarkan satu

salinan bertulis kepada Pengerusi Kemajuan Tanah Persekutuan khas-nya kepada Kampong Rahmat Chalok kalau di-kawasan lain saya tidak mahu, sebab itu ada-lah kawasan saya dan saya bertanggung-jawab kepada ra'ayat di-kawasan saya.

Enche' Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu): Penjelasan, adakah Chalok itu kawasan tempat peserta² yang berarak kerana lapar pada masa Yang Berhormat itu menjadi Menteri Besar Trengganu, itu-kah atau kawasan lain?

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, berarak belum, tetapi peserta saya ini terima kaseh kepada wakil daripada Kuala Trengganu Utara menimbulkan persoalan ini. Pernah berlaku di-waktu saya menjadi Menteri Besar negeri Trengganu orang² di-dalam itu berhimpun chuba hendak berarak apa-kah sebab-nya, Tuan Pengerusi, ia-lah kerana pengkhianatan yang telah di-lakukan oleh Kerajaan Perikatan oleh kerana PAS memerintah di-Trengganu maka bah-nya bantuan dan pinjaman-nya itu tidak mahu dibagikan

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu tahu dasar Kerajaan PAS tidak mahu menerima bantuan daripada Kerajaan Pusat pada waktu itu—pada waktu itu Kerajaan PAS, baik di-Kelantan mahu di-Trengganu, tidak mahu menerima bantuan² itu dan telah memfatuakan bahawa bantuan itu merupakan bantuan yang haram. Bukan-kah ini dia punya dasar?

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Terima kaseh lagi kepada wakil Hilir Perak menimbulkan soalan ini. Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya masaalah-nya bukan kami tidak mahu terima bantuan itu, apa yang menjadi ketegangan di-antara Kerajaan PAS dengan Kerajaan Pusat yang di-pegang oleh Perikatan berhubung dengan perkara Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini ia-lah pehak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Timbalan Perdana Menteri mahu supaya Kerajaan PAS yang di-pimpin oleh saya pada masa itu menyerahkan

bulat² tanah itu kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Maka ini-lah soal besar dan ini-lah sampai hari ini menjadi masaalah Tuan Pengerusi, bukan soal kami sudah terlampau banyak. Tuan Pengerusi

Mr Chairman: Dalam perkara ini saya berhentikan bahathan di-antara PAS dengan Perikatan. Ada orang yang hendak berchakap?

Enche' Tama Weng Tinggang Wan (Sarawak): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit berkenaan dengan bekalan perbelanjaan di-bawah Kepala S. 53 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan bahawa Kepala S. 63 ini ada-lah sabahagian bekalan perbelanjaan sabanyak \$7,260 untok Pejabat Pegawai² Kerajaan Negeri Sarawak. Di-muka 519 dan 520 bilangan (9).

Tuan Pengerusi, di-dalam Dewan ini saya telah tarek perhatian Ahli² Yang Berhormat tentang hal² yang terjadi di-negeri kami—Sarawak, banyak penerangan di-keluarkan di-dalam Dewan ini dan di-dalam surat² khabar diseluroh Malaysia berhubung dengan tujuan Kerajaan Pusat, dan memberi bantuan kepada ra'ayat Malaysia khas-nya orang² asli mengambil bahagian di-dalam perusahaan untuk chadangan ini ia-lah Dewan ini pun telah meluluskan Rang Undang² MARA.

Tuan Pengerusi, tetapi apa² yang di-buat oleh Kerajaan Sarawak tidak-lah sesuai dengan chadangan Kerajaan Pusat. Baharu² ini Kerajaan Sarawak telah membahagi area² kawasan hutan yang besar² kepada orang² yang tertentu, dan di-dalam daerah Baram dari mana ra'ayat bumiputera datang, maka satu area kawasan² besar telah di-bahagi kepada sa-bilangan ketua² kaum sahaja. Dan sa-bilangan ra'ayat yang tinggal berhampiran area (kawasan) besar ini tidak di-ambil perlu. Tuan Pengerusi, kira-nya tujuan membantu ra'ayat bumiputera hendak-lah ditubuhkan satu kelas baharu yang meninggalkan keperluan-nya sendiri. Saya perchaya yang hanya menimbulkan perasaan tidak puas hati di-kalangan ra'ayat oleh kerana tidak ada jalan di-dalam sa-barang apa pun

menolong ekonomi mereka atau meninggikan taraf hidup mereka.

Tuan Pengerusi, oleh yang demikian saya bersungguh² meminta Kerajaan Pusat bila mana meranchangkan sa-barang scheme untuk faedah ra'ayat bumiputera hendak-lah benar² memberi bantuan kepada ra'ayat jelata dan bukan satu scheme hanya membesarkan hak² utama kepada sa-bilangan orang² yang tertentu. Tuan Pengerusi, maka saya menerangkan Kepala S. 57, muka 496 Kehutanan, Pechahan-kepala 43 ahli² ekonomi hutan²

Mr Chairman: Muka berapa?

Enche' Tama Weng Tinggan Wan: Muka 496.

Mr Chairman: Sudah habis?

Enche' Tama Weng Tinggan Wan: Sudah habis—orang habis saya maseh

Mr Chairman: Jadi kalau sudah habis, dudok-lah agak-nya. (*Ketawa*).

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya berchakap sedikit menyentoh dalam Kementerian ini untuk mendapat perhatian. Yang pertama saya hendak menyatakan dalam bahagian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan S. 63 Butiran (50) walau pun perkara ini saya fikir ada berupa dasar, tetapi oleh sebab dalam Pembangunan kelak boleh jadi saya tidak dapat berchakap, saya nyatakan dengan sa-berapa rengkas. Kita telah berasa bangga dengan Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah lebeh 60 buah ranchangan telah diwujudkan dalam negeri ini.

Tetapi ada satu perkara yang mendatangkan ungutan kepada ra'ayat berhubung dengan peserta² itu, ada mereka yang mempunyai tanah. Jadi tidak benar² Lembaga ini memberi kepada orang yang tidak ada tanah. Ada orang yang mempunyai tanah banyak mereka dapat menjadi peserta dalam Lembaga Kemajuan Tanah. Mereka ini pandai—waktu dia diterima masuk dalam peserta Lembaga itu mereka ada tanah. Mereka pergi ka-Pejabat Tanah—di-potong nama-

nya, di-bagi kepada orang lain. Untuk mengatasi masalaah ini, saya gemar mengeshorkan kepada Kementerian ini supaya di-masa akan datang, borang² yang hendak di-masokkan dalam ranchangan ini sayugia-lah di-sahkan oleh Penghulu dan Ketua Kampong di-tempat itu, yang benar² pemohon ini tidak ada mempunyai tanah. Dengan itu, saya fikir baharu-lah dapat di-atasi sungutan² dan baharu benar² dapat Kerajaan memberikan ka-utamaan dalam ranchangan ini kepada mereka yang betul² tidak ada tanah—betul² yang miskin.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas S. 63—Pelajaran Dewasa. Bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar dan Pembangunan Negara—Penambahan Penyelia². Saya berasa bangga atas kemajuan Pelajaran Dewasa dalam negeri ini. Tetapi satu perkara yang saya minta—oleh sebab menengokkan ramai penuntut² kelas dewasa itu daripada orang wanita, sayugia kita fikirkan penyelia ini kita bagi peluang kepada orang² wanita juga. Hal yang macham ini telah selalu kita chakapkan dalam Dewan ini, dan telah mendapat berbagai² alasan yang Jabatan ini tidak dapat menerima penyelia² itu daripada wanita.

Saya membawakan perkara ini, Tuan Pengerusi, ia-lah dengan hasrat daripada orang wanita sendiri dalam kawasan yang ramai penuntut²-nya. Dalam sa-buah negeri yang ramai penuntut²-nya, kenapa kita tidak bagi peluang kepada wanita ini menjadi penyelia pada tempat² yang sesuai yang boleh selamat wanita itu menjalankan kerja. Bukan sahaja kerja yang macham ini ringan—hatta wanita berani ka-hadapan mengorbankan jiwa-nya untuk mempertahankan tanah ayer. Maka soal menjadi penyelia kelas dewasa ini pada sisi orang wanita, ada-lah perkara yang enteng—yang boleh di-buat. Saya harap Kementerian ini dapat memper-timbangkan.

Yang kedua, oleh sebab ramai penuntut kelas dewasa ini orang² yang sudah tua—sudah dewasa, mata mereka sudah rabun, jadi Kementerian ini juga ada memberi chermin mata. Oleh

sebab banyak peserta² yang berumor lanjut itu hendak masuk dalam kelas ini, dan banyak pemohon² belum dapat di-sempurnakan, saya harap Kementerian ini dapat bekerjasama dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat, supaya banyak memberikan chermis² mata itu kepada ibu² kita dan pak² tua kita yang menjadi penuntut kelas dewasa.

Yang ketiga-nya, berhubung dengan buku² pelajaran dewasa. Saya mengharapkan buku² yang di-keluarkan oleh Kementerian ini khas-nya, ada berhubung dengan hal-ehwal ugama, jangan-lah terjadi bagaimana sa-buah buku—buku Islam. Walau pun dalam negeri Johor tidak mengharamkan—dia tidak berasa gemar buku itu masuk kadalam negeri Johor kerana ada didalam buku itu berupa shubhah dalam hal² i'tikad kita orang Islam. Jadi, saya mengharapkan pada masa akan datang, buku² pengeluaran dalam Kementerian ini supaya dapat sa-belum daripada di-chetak, kerjasama daripada negeri² atau pun daripada Majlis Ugama Raja² Melayu. Hal yang sa-macam ini tidak-lah mendaratkan satu tuduhan kepada ra'ayat bahawa bila kata buku Islam itu tidak boleh masuk dalam negeri Johor. Orang ramai marahkan Kementerian. Saya harap pada masa akan datang, pengeluaran buku², khas-nya buku yang berupa ugama, mesti dapat penelitian dan penyesuaian daripada Jabatan Ugama dalam tiap² negeri.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dalam muka 323—Perbadanan Haji. Ini juga ada dalam Kementerian ini. Saya merayu-lah juga, bagaimana yang telah saya chakapkan dahulu, kalau boleh Lembaga Perbadanan Haji ini, supaya di-beri kuasa dalam urusan mentadbirkan bakal² haji. Saya fikir, dengan ada-nya kuasa di-beri kepada Perbadanan ini, maka Perbadanan ini akan dapat ramai lagi orang² Islam menyertai dalam Tabong Perbadanan Haji. Itu sahaja-lah Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, saya ingin hendak mengambil bahagian sedikit sahaja dalam Kementerian ini. Terutama sa-kali, saya hendak sentoh muka 323 fasal Tabong

Haji tadi. Dan perkara yang pertama yang saya hendak sebut dalam perkara ini ia-lah tentang kekurangan peruntukan bagi Tabong Haji pada tahun ini. Sedang orang yang masuk menjadi peserta Tabong Haji makin ramai. Urusan makin banyak dan penerangan makin perlu kepada orang ramai di-kampung. Penerangan yang berupa risalah dan sa-bagai-nya mesti di-keluarkan dengan banyak-nya. Dan ini harus di-keluarkan dengan menghen-daki belanja. Bagaimana di-kurangkan perbelanjaan tahun ini daripada tahun lepas, sedang kemajuan yang di-chapai oleh Tabong Haji pada masa ini adalah lima kali ganda daripada apa yang di-jangkakan patut di-chapai pada masa ini. Kita chapai lima kali ganda lebeh baik daripada apa yang sa-patut-nya di-chapai. Maka, saya berharaplah supaya peruntukan ini dapat di-timbang sa-mula.

Saya juga sangat hairan dengan serangan yang datang daripada Ahli daripada Jerai kepada Tabong Haji ini. Mengetahui bahawa beliau sendiri sa-orang bekas Pengurus Besar Tabong Haji dan sa-orang yang bersama² mengasaskan Tabong Haji ini, jikalau ada apa² kekurangan dalam Tabong Haji ini, sa-patut-nya beliau bersama bertanggung-jawab kerana beliau yang mula² mengasaskan ini dengan beberapa orang yang lain. Sa-patut-nya serangan ini tidak datang daripada beliau, sa-patut-nya datang daripada orang luar daripada orang yang bersangkutan-paut dengan Tabong Haji ini. Dan saya

Enche' Hanafiah bin Hussein: Tuan Pengerusi, sahaja dia na' chari hal-lah, Yang Berhormat Ahli dari Kuala Trengganu Utara. Saya tidak ada mengecham siapa pun. Saya chuma berchakap memberi penerangan, memberi penjelasan dan chadangan². Tidak ada saya menyakiti hati orang.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, perchakapan daripada Ahli daripada Jerai, menimbulkan keraguan kepada orang ramai. Pertama, tentang pertelengkahan antara Jawatan-kuasa Penanaman Modal dengan Jawatan-kuasa Pengarah dan bagaimana akhirnya dan apa jadi nasib wang yang

di-pertaruhkan oleh orang ramai dalam Tabong Haji. Ini semua menimbulkan keraguan yang besar. Saya baharu berchakap kita kurang peruntukan untuk penerangan, datang lagi orang yang begitu besar pengaruh-nya—bagitu besar pengalaman seperti Ahli daripada Jerai membesarkan keraguan itu. Tentu kita berhajatkan penawar yang lebih besar lagi bagi hendak menghapuskan keraguan yang timbul dengan tidak sengaja barangkali, oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jerai.

Enche' Mustapha bin Ahmad: Tuan Pengerusi, ada-kah Ahli Yang Berhormat daripada Jerai tadi, tidak betul penjelasan-nya itu? Kalau betul, apa salah-nya dia bangkitkan perkara itu.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya bukan kata betul tidak betul. Tetapi, saya mencheritakan bagaimana kejayaan Tabong Haji yang telah ada ini. Dengan ada-nya penerangan yang salah letak itu akan mengurangkan keperchayaan orang. Dan perkara yang baik ini akan rosak. Pada hal barangkali Ahli² daripada PAS sendiri suka benda ini jaya dengan baik. Jadi, kita yang suka perkara yang baik, kejayaan ini, dengan chara tidak sengaja boleh merosakkan fikiran orang ramai—dengan sa-patah dua patah perchakapan yang tidak sengaja keluar daripada orang² yang ada pengaruh-nya kepada orang² yang menyimpan dalam Tabong Haji itu.

Enche' Hanafiah bin Hussein: Tuan Pengerusi, saya tersinggong sedikit dengan perchakapan Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara yang mengatakan tujuan yang saya chakapkan tadi hendak menjatuhkan Tabong Haji. Itu sa-mata² karut dan bohong. Tujuan saya sa-mata² untuk memperkuat lagi Tabong Haji. Kalau umpama-nya ada kekurangan perjalan chara sekarang, itu bukan tanggungan saya. Saya sudah berhenti—sudah lebih daripada sa-tahun. Chuma saya menunjokkan bagaimana kita boleh memperelok lagi pentadbiran dalam Tabong Haji ini. Saya sokong Tabong Haji 100%. Semua chadangan saya, kalau Yang Berhormat dengar betul²—dia punya spirit, dia punya kemahuan dalam itu, ada-lah untuk

meninggikan. Kalau umpama-nya dia ada bagitu, dia jangan ungkit²kan pula. Dengan chara dia mengungkitkan pula, dan memperbesarkan benda yang tidak ada—itu menjatuhkan Tabong Haji.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya terima kaseh banyak-lah kapada penerangan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Jerai yang baharu ini. Kerana ini boleh barangkali mengembalikan sa-mula sedikit keperchayaan orang kapada Tabong Haji. Jadi, tujuan saya ada-lah baik supaya jangan-lah bergegar keperchayaan yang bagitu susah payah di-bena, termasuk oleh Ahli Yang Berhormat daripada Jerai sendiri. Dan jasa Tabong Haji bukan main besar, supaya jangan-lah keperchayaan itu bergegar. Dan tidak sa-kali menudoh bahawa beliau itu hendak menjatuhkan Tabong Haji. Tetapi dengan chara dia membuat sedikit tegoran—dua tiga perkara, boleh jadi ada yang mengena—dia tidak sedar benda itu—barangkali takut terhuit keperchayaan orang ramai yang telah membacha atau mendengar ulasan uchapannya di-radio.

Tuan Pengerusi, kemudian saya beraleh kapada muka 518 tentang Lembaga Kemajuan Kampong dan Perusahaan, yang sekarang ini ia-lah bernama MARA. Sekarang ini, MARA telah mengambil alih keseluruhan Secretariat Melayu bagi membantu orang Melayu dalam perniagaan daripada Kementerian Perdagangan. dan saya merasa pada hari ini MARA memegang peranan yang sangat besar dalam pembangunan ekonomi kita.

Ada satu perkara yang saya suka menarek perhatian Rumah yang mulia ini ia-itu untuk hendak membaiki ekonomi orang Melayu supaya ada perimbangan ekonomi dengan kaum yang bukan Melayu sangat salah kalau kita kata sudah ada sedikit perimbangan dengan 10 orang beli share atau satu orang jadi Director atau dua orang jadi kompeni Director. Itu tidak menjadi satu tanda yang kita sudah ada sedikit bahagian dalam ekonomi kerana share yang kita beli barangkali orang yang ada dengan share biasa belum tahu share itu kekal dalam tangan kita, kerana perkara ini perkara

speculation. Saya tengok benda ini mahal naik harga nanti besok boleh jadi sa-puluh orang yang beli share besok di-jual-nya kerana dia dapat daripada \$1 di-beli di-jual dengan \$2.50. Jadi sudah hilang entah mana pergi-nya share itu pula. Nanti dia beli share lain lagi jadi ini bukan merupakan suatu perkara, suatu sifat yang "concrete" daripada penyertaan orang Melayu dalam ekonomi dengan hanya ada membeli share atau pun peruntukan share sahaja. Jadi suatu perkara yang sunggoh² di-punyai dan di-miliki oleh orang Melayu dan bumiputera baharu merupakan penyertaan orang Melayu dan bumiputera dalam ekonomi dan baharu merupakan satu langkah yang "concrete" bagi menchapai perimbangan ekonomi dalam tanah ayer kita ini. Dan ini-lah perkara tanggungan yang berat yang akan di-tanggong oleh MARA pada masa ini untuk membena, untuk memegang tanggong-jawab ini.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya beredar kepada FLDA atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Saya tidak hendak sebut-lah fasal Chalok, fasal yang di-keluarkan oleh wakil daripada Besut tadi kerana fasal hutang. Fasal ini sudah lagu lama-lah dalam kempen Pilihan Raya memanjang² lima enam tahun ini, ini-lah modal yang di-laungkan dari Pantai Timor, ta' usah sokong-lah ini Perikatan dan ini semua membawa ka-Ranchangan Tanah nanti kena hutang, nanti ada bunga, nanti macham² perkara begitu Perikatan menang di-Trengganu begitu pun PAS makin kalah di-Kelantan

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Saya ingin mendapat penjelasan daripada wakil Kuala Trengganu Utara. Peserta² yang dudok didalam Lembaga Kemajuan Tanah itu berhutang atau pun wang itu di-bagi "free" begitu sahaja dan wang itu ada-kah kena bunga atau pun tidak? Ini saya minta di-jelaskan, jangan chakap kempen-lah, itu-lah, ini-lah.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Ini perkara di-ketahui oleh Ahli Yang Berhormat itu semenjak dia menjadi Menteri Besar bahkan sa-belum men-

jadi Menteri Besar lagi. Tidak guna tanya lagi—bukan minta penjelasan lagi. Ini segi kempen lagi dalam Dewan ini juga.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Saya tidak kempen itu, terangkan. Sebab itu faktor yang besar yang mengenai peserta dalam itu, jangan pusing ka-lain.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Jadi itu-lah, Tuan Pengerusi, chara berfikir orang² PAS ini. Jadi bagaimana kita harap dia akan memimpin kemajuan negeri.

Jadi satu perkara, Tuan Pengerusi, Ranchangan Tanah FLDA ini ada dua jenis tanaman, satu untuk jangka panjang ia-itu getah atau kelapa sawit, dan satu untuk "cash crop" tanaman yang boleh di-jual dengan chepat. Saya hendak berchakap tentang "cash crop" ini kerana ini kepada orang² yang dalam Ranchangan Tanah FLDA susah mendapat pasaran, dia tanam lada, dia tanam sayor, dia tanam apa, tetapi harga terlalu murah tidak pergi ka-pasar tidak ada tempat hendak di-jual. Jadi ini saya ingat tanggungan yang berat yang akan di-pikul oleh FAMA atau Lembaga Pemasaran Persekutuan yang bernasib baik sahabat kita Ahli Yang Berhormat daripada Jerai menjadi Pengerusi-nya, memegang tanggong-jawab yang besar sekali tentang menghuraikan masalah pemasaran ini terutama kepada Ranchangan Tanah yang besar yang dibuka oleh Kerajaan macham FLDA ini kerana kalau "cash crop" ini orang yang bersusah payah begitu bagini kemudian pargi jual kalau lada ini satu sen satu kati apa hendak jadi berapa sen sangat. Akhir-nya dia orang itu putus asa tidak tanam langsung. Akhir-nya menchari ka-lain—akhir-nya minta keluar daripada tanah itu hendak chari kerja lain-lah berkuli pun tidak apa-lah datang satu perasaan putus asa pada masa itu. Jadi ini putus asa ini bukan kerana tanah tidak banyak di-bagi—8 ekar, atau 10 ekar tetapi kalau hendak getah enam tahun baharu dapat hendak di-toreh sementara enam tahun ini dia harus hendak menanggong anak isteri tetapi "cash crop" ini tidak dapat hendak di-pasarkan, tidak dapat hendak di-jualkan

maka dia terpaksa lari daripada tanah itu. Maka ini soal yang harus di-hurairkan—chara pemasaran terutama oleh Lembaga Pemasaran Persekutuan atau FAMA ini. Kemudian. Tuan Pengerusi,

Enche' Hanafiah bin Hussain: Soal ini telah di-binchangkan dengan chukup jelas. Chuma dia mengulang² perkara yang kita sudah ketahui (*Ketawa*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuhan pun berkata beringat²-lah kerana beringat² memberi munafa'at kepada orang yang mu'min dan Ahli daripada Jerai itu belajar Arab juga.

Tuan Pengerusi, akhir sa-kali saya beredar kepada Pelajaran Dewasa dan saudara² daripada PAS nampak jeling² kepada saya. Takut saya hendak balas. Saya ini tidak mahu balas kepada orang PAS ini, fasal Pelajaran Dewasa ini dia dengan dewasa macham manusia dengan ta'un. Takut-nya kepada dewasa ini macham manusia ini takutkan penyakit ta'un. Jangan sebut ta'un kepada manusia, manusia lari jangan sebut Pelajaran Dewasa kepada orang PAS dia mesti lari atau mesti mati.

Enche' Mustapha bin Ahmad: Masaalah tidak timbul—takut! Kami sadi- kit pun tidak takut. Ahli Yang Berhor- mat itu sendiri kami tidak takut. Kerajaan Perikatan lebeh besar dari- pada kami, kami tidak takut (*Ketawa*). Tetapi yang kami katakan perlaksanaan kelas dewasa ini merugi- kan bagi "Public interest" dan "public" pitis punya orang

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Chara hendak mendzahirkan rasa takut itu macham²-lah. Tuan Pengerusi, manu- sia ini pandai mewarnakan chara masing². Dia ini sa-benar-nya sa-kali di-mana masok kelas dewasa di-situ- lah orang banyak, tidak, hendakkan PAS—itu sahaja. Kunchi saya beri tahu kepada Dewan yang mulia ini. Jadi oleh itu boleh tengokkan perkara ini perkara yang berguna dan hendak di-gunakan oleh PAS sendiri untuk faedah dia tidak dapat, maka di-jalan- kan juga oleh mereka itu satu ran- changan lain sa-bagai barangkali

langkah balas atau tindak balas kepada ranchangan ini nama-nya Ranchangan Muballiqu. Tiap² daerah, tiap² jajahan itu ada-lah mulballiqu entah berpuloh² "part-time" tetapi tidak berjaya. Jadi dengan sebab itu asal nampak kelas dewasa mesti di-kecham, mesti di- marah, macham-lah musang yang tengok buah anggor masak, tidak dapat merasa faedah-nya dia kata tidak boleh, jauh. Dia jauh kata-lah macham² ini-lah gaya-nya PAS ini musang-lah, ini pelajaran dewasa ini buah anggor- lah.

Kemudian, Tuan Pengerusi, kerana hendak menghabiskan masa, tadi ada di-sebut, saya tidak hendak berpan- jangan dengan PAS—ini-lah saya ingat pelajaran dewasa ini entah dia takut begitu macham mana takut pun tidak apa

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Fasal apa dia ulang banyak sangat fasal takut. Tuan Pengerusi, kami sa-kali lagi menyatakan bahawa kami tidak takut kepada kelas dewasa ini sebab parti kami pun tidak ber- kongsi, tidak berikat—kami berdiri di- atas nama bangsa Melayu. Itu-lah menunjukkan lojik-nya keberanian kami ini. Kechil sahaja kelas dewasa ini.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Kenapa yang bersunggho² sangat itu, kenapa? (*Ketawa*).

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Orang² Melayu ini tidak boleh di-katakan penakut kalau maseh lagi berjiva

Enche' Mustapha bin Ahmad: Ta- kut kepada hujjah, takut kepada pengarah!

Mr Chairman: Ada lagi sa-siapa yang hendak berchakap?

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah (Kelantan Hilir): Tuan Pengerusi, dalam perbahathan Kementerian Kemajuan Luar Bandar ini terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih di-atas kejujoran dan keikhlasan Yang Berhormat Wakil dari Jerai yang telah memberi constructive criticism

atau pun memberi nasehat yang berguna dan berfaedah. Dan sa-bagai-mana yang saya tahu wakil Jerai ini ia-lah sa-orang Accountant, Chartered Accountant, dan sa-orang Chartered Accountant, Tuan Pengerusi, dia mempunyai pengalaman yang chukup. Bukan-lah bagaimana wakil Trengganu Utara tidak tahu alif, ba, ta, di-dalam perkara Accountancy ini. Jadi saya fikir bagini-lah di-harap di-dalam Rumah yang mulia ini.

AN HONOURABLE MEMBER: *Rises.*

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Masa ta' ada.

Mr Speaker: Dia tidak benarkan.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Saya, ini-lah nasib Dewan yang mulia ini apabila berdiri sa-orang wakil dan memberi nasehat yang membena, maka ada-lah sahaja kechaman² dan fitnah² yang di-lemparkan dengan tidak dipedulikan ada-kah nasehat ini berguna atau tidak. Chuma kerana hendak untuk memuaskan nafsu hati yang kotor itu.

Tuan Pengerusi, saya berchakap di-bawah S. 63, muka 523 bilangan Pechahan-kepala 32 ia-itu bantuan kapada Perbadanan Wang Simpanan kapada bakal² haji, Malaya. Ada-lah perkara yang di-timbulkan oleh Yang Berhormat wakil dari Jerai, ia-lah satu perkara yang sangat penting ia-itu laba atau untong belum lagi di-bayar kapada orang² yang membeli saham atau pun share, atau pun orang yang telah menginvestkan wang mereka itu di-dalam Perbadanan itu. Saya fikir ada-lah membayar dividend atau untong dan laba kapada orang yang telah menginvestkan wang mereka itu ka-dalam Perbadanan ini, ia-lah satu incentive atau inducement untuk hendak menarek orang itu lebeh² lagi menginvestkan wang mereka itu di-dalam Perbadanan ini. Dan ini-lah policy yang paling penting sa-kali. Semua gudang², company², kalau company² itu tidak membayar, laba atau interest atau dividend kapada saham² atau share holders-nya maka tetap orang tidak akan lagi menginvestkan

wang mereka itu di-dalam Perbadanan atau Company yang tersebut. Jadi sekarang ini kalau sa-kira-nya Perbadanan ini membuat laporan keterangan di-kampong² meminta orang ramai supaya mereka itu menginvestkan wang mereka itu di-dalam Perbadanan ini, tetapi Perbadanan ini hingga sampai sekarang ini belum membayar lagi dividend. Maka tidak ada incentive, tidak ada inducement, sebab itu-lah orang tidak berapa menyokong atau pun suka menginvestkan wang mereka itu dalam Perbadanan ini. Ini suatu perkara yang penting dari segi perdagangan dan perniagaan.

Kalau kita hendak majukan betul², Perbadanan ini maka dengan sa-berapa chepat, hendak-lah dividend itu di-bayar. Baharu-lah orang² yang lain lagi yang belum lagi menginvestkan wang mereka itu dalam Perbadanan ini apabila mereka itu melihat dividend itu telah di-bayar maka orang² itu akan beramai² pula memasukkan wang mereka; akan menyambungkan wang mereka itu di-dalam Perbadanan ini. Ini perkara sangat penting.

Yang satu lagi point yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Wakil daripada Jerai tadi ia-itu tidak ada co-operation di-antara investment committee dengan Jawatan-kuasa yang menjalankan Perbadanan. Kalau tidak ada co-operation, tidak ada kerjasama, di-antara investment committee dengan Jawatan-kuasa yang menjalankan pekerjaan Tabong ini, bagaimana-kah pekerjaan ini akan berjaya? Ini satu perkara yang paling penting. Kalau sa-kira-nya hendak di-jayakan per-tabongan ini, maka hendak-lah co-operation yang chukup lichin, kerjasama di-antara dua badan ini, mesti ada, baharu-lah pekerjaan Perbadanan ini akan berjaya. Concept ini, nasehat ini ia-lah nasehat yang membena. Saya terima kaseh kapada Yang Berhormat wakil Jerai.

Lagi satu perkara yang telah dibangkitkan tadi ia-itu mengikut Undang² Perbadanan ini hendak-lah 10% daripada dividend itu di-salurkan ka-sabagai Reserve Fund. Saya fikir 10% ini sangat tinggi. Kerana kita

takut kalau di-kekalkan juga 10% ini sa-bagai Reserve Fund barangkali untong yang di-dapati oleh Perbadanan ini tidak menchukupi 10%, tidak menchukupi 12%. Kalau sa-kira-nya Perbadanan ini chuma dapat ke-untungan 12%, maka 10% daripadanya hendak-lah di-salorkan menjadi sa-bagai Reserve Fund. Jadi 2% sahaja yang boleh di-bayar sa-bagai dividend. Ini perkara yang kechil sa-kali. Harus barangkali 10% hendak di-dapat sa-bagai untong atau dividend pun susah. Dengan yang demikian, maka Perbadanan ini sampai bila sa-kali pun tidak dapat mengeluarkan dividend-nya kepada share holders-nya. Ini suatu perkara yang paling penting di-dalam segi perniagaan dan perdagangan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang suka saya hendak berchakap ialah di-muka 518. Saya tidak akan mengambil masa yang banyak chuma sedikit sahaja ia-itu Adult Education, pelajaran dewasa sa-bagaimana yang telah berulang² kali kami menerangkan dalam Dewan yang mulia ini. Kami tidak-lah bangkang tentang perkara kelas dewasa ini. Kami menyokong. Chuma yang kami membangkangkan, chuma yang kami tidak bersetuju ia-lah policy² berkenaan dengan bersangkut-paut dengan mengambil guru² dan bukan sa-takat itu sahaja bahkan juga banyak daripada kelas² dewasa ini yang chuma-nya mempunyai penuntut 4 orang sahaja tetapi di-tulis di-dalam daftar bahawa sa-nya kelas² ini mempunyai 21 orang. Dan perkara ini bukan-lah sahaja kami yang membangkitkan di-dalam perkara ini. Baharu di-minggu yang lalu Yang Berhormat wakil daripada Kuala Kangsar sendiri telah membangkitkan soal ini di-dalam Rumah ini. Jadi apabila kami menimbulkan perkara yang tidak puas hati ia-lah dengan chadangan dan tujuan supaya di-perbaiki perkara yang tidak baik ini.

Enche' Ahmad bin Arshad: Rises.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Masa tidak ada lagi. Jadi orang yang menegor, di-pandang sa-bagai me-

nantang perjalanan kelas dewasa. Ini tidak betul dan di-chapkan orang ini sa-bagai orang PAS atau pun lagu ta'un. Boleh-kah di-katakan kepada wakil daripada Kuala Kangsar itu sa-bagai ta'un?

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara di-muka 519 ia-itu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Di-sini juga saya suka-lah hendak menyampaikan rayu hal kepada Yang Berhormat Menteri Muda bahawa ada di-tempat² Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah ini tindasan politik di-jalankan. Kalau dia tahu orang ini orang kuat PAS walau pun sudah sampai satu tahun lebeh dia telah menjalankan kerja-nya sa-bagai peserta di-dalam lembaga itu terus di-pechat. Dan saya akan serah satu surat rayu hal daripada orang yang telah teraniaya di-dalam perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Muda bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar.

Saya telah menerima satu surat daripada sa-orang peserta yang telah di-aniaya yang telah di-pechat daripada satu kemajuan, Rancangan Kemajuan Tanah ini, kerana dia itu orang kuat PAS. Sekian.

Enche' Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Saya hanya hendak berchakap sedikit sahaja ia-itu dalam hal Kementerian ini dalam S. 63. Pada 'am-nya saya nampak sa-telah saya ikuti perkara ini dengan kenyataan yang benar apa benda yang timbul sekarang ini tidak-lah sa-macham dua atau tiga tahun dahulu dan apa yang di-chakapkan sekarang ini tidak-lah sa-besar mana yang di-bangkang oleh puak Pembangkang yang mengatakan perkara² yang bersangkut-paut dengan hal yang di-sebutkan tadi.

Saya chuma hendak masuk, yang pertama sa-kali S. 63, Pechahan-kepala 31 dan 34 berkenaan dengan Pengelola Pelajaran Dewasa dengan Penolong Pengelola Pelajaran Dewasa yang peringkat dua dan peringkat satu.

Perkara ini, patut saya mengambil peluang ini hendak berchakap, kerana

penentuan tingkatan Pengelola pada permulaan dahulu, patut-lah sekarang ini bukan sahaja di-kaji, tetapi patut di-ubah dengan serta-merta, melihatkan keadaan² yang sa-benar, terutama sekali bagi pehak negeri Melaka, juga Pulau Pinang, dan Trengganu. Saya perhatikan tanggong-jawab yang sa-benar bagi beliau yang bertugas ini tidak ada beza-nya dengan Penyelia² yang mendapat tingkatan yang pertama. Saya tidak payah agak-nya, hendak menokok, hendak menambah, dari hal perkara yang saya sebutkan ini, memadai-lah kalau saya katakan bahawa mereka ini tanggong-jawab-nya langsung² tidak berbeza dengan Penyelia² tempat lain di-kelas² pun. Dahulu barangkali belum chukup, atau pun belum banyak, tetapi sekarang ini, saya rasa telah lebeh, kalau kita hendak timbangkan, atau hendak ubahkan kedudukan ini. Jadi, saya tidak-lah mahu, dalam pentadbiran ini, ada tempat-nya yang betul, ada tempat yang tidak betul, wal hal kalau hendak di-bandingkan dalam hal apa pun dalam sa-buah negeri itu, tiap² Ketua Pejabat-nya itu ada-lah sama standard-nya. Setia-usaha Kerajaan Negeri Melaka, saya rasa, darjat-nya sama juga dengan Setia-usaha Kerajaan Negeri Sembilan, begitu juga Negeri Johor dan dalam hal kelas dewasa ini pun, saya nampak orang² di-Melaka pun banyak juga-lah yang masuk kelas dewasa ini.

Kemudian saya masuk kepada muka surat 524, Pechahan-kepala 37—Membeli Buku Kutub khanah. Dalam ucapan dasar, saya telah berchakap untuk menambahkan lagi pelajaran pengetahuan, atau pun jalan pemikiran hidup kepada murid² kelas dewasa ini, yang sekarang ini ada hubungan-nya dengan kutub-khanah kelas dewasa, tetapi dalam tahun ini, saya nampak Kementerian ini telah pun mengurangkan daripada \$22,000 pada tahun yang lalu jadi \$10,000 sahaja, wal hasil apa yang saya tahu dalam kawasan saya pada peringkat permulaan, kutub-khanah ini tidak-lah sa-banyak yang sekarang ini di-tubuhkan di-merata² kampong dan saya nampak buku² yang ada di-dalam kutub-khanah kelas dewasa ini, saya rasa belum-lah

chukup, atau pun belum-lah boleh kita harap akan dapat memimpin sa-benar²-nya pehak penuntut², atau pun orang² dewasa—pelajar² kelas dewasa ini dapat berpandu kepada buku² pelajaran ini, dan saya harap kepada Kementerian ini akan dapat memikirkan, atau menambahkan lagi peruntukan bagi pemberian untok membeli buku kutub-khanah ini, kerana saya nampak perkara ini sangat mustahak, dan pada pandangan saya kutub-khanah yang di-dirikan di-kampong², atau pun bagi kelas² dewasa ini, saya rasa, patut-lah jalan-nya tidak-lah sama, atau pun tidak-lah boleh kita ikut bagaimana kutub-khanah biasa, atau pun kutub-khanah yang ada di-merata tanah ayer kita yang di-gunakan oleh orang ramai kerana dalam masaalah menarek pelajar² ini supaya gemar membacha buku² yang berkaitan dengan pelajaran dewasa ini, saya rasa elok kutub-khanah ini di-anggarkan sama juga dengan anggaran kita memberi buku² kepada Pechahan-kepala 34 ini. Tidak-lah chukup buku sa-buah, atau dua sahaja dalam sa-buah kutub-khanah dewasa, kerana saya nampak untok menggalakkan mereka ini membacha, tidak-lah pada kita menunggu mereka itu meminjam, hendak meminjam buku, melainkan mesti-lah dengan chara kelas, ia-itu menguntokkan minggu yang pertama, minggu yang kedua di-tukarkan buku dan terpaksa-lah kutub-khanah dewasa ini hendak di-banyakkan lagi pada kelas² dewasa yang pada masa akan datang, dan saya nampak ada satu perkara yang patut hendak di-beri-tahu kepada Kementerian ini, ia-itu buku² penerangan daripada tiap² Jabatan, terutama sa-kali penerangan kemajuan, umpama-nya kemajuan luar bandar yang ada bertulis dalam Romanise dalam bahasa kebangsaan yang bergambar, atau pun kemajuan—Penyata Kemajuan Ibu Kota, mithal-nya, yang ada bergambar dan lain² itu, patut di-hantar kerana ini satu daya penarek, kalau kurang dia dapat membacha, tetapi dengan chara gambar tadi dapat juga kita menambahkan kegemaran mereka ini dalam masaalah pelajaran dewasa untok menggunakan kutub-khanah dewasa ini.

Saya patut hendak berchakap juga fasal kemajuan tanah, dan saya hendak memberi kesimpulan sedikit dalam satu minit, kerana saya nampak masa pun tidak mengizinkan saya hendak mengulas banyak ucapan daripada pehak² kawan saya daripada sa-belah sana. Yang sa-benar-nya sekarang ini, kesimpulan-nya dari pada Rancangan F.L.D.A., daripada Rancangan Kemajuan Tanah ini, orang² di-sabelah PAS nampak-nya memang sangat dia termengkelan, dia yang sa-benar-nya tidak dapat hendak menunjukkan apa kegagalan dalam rancangan daripada pehak Perikatan. Saya tidak dengar daripada pehak sini, kerana Rancangan Tanah F.L.D.A. ini banyak dalam kawasan Perikatan, chuma di-sana sedikit dan di-sana dia hendak menutupkan penipuan pentadbiran Kerajaan PAS menjual tanah, meng-gadaikan tanah yang 510,000 ekar itu, di-chari-lah jalan mengatakan itu dan ini dalam hal rancangan tanah bagi pehak Perikatan.

Lagi sa-kali saya hendak tegaskan bahawa ra'ayat yang mendapat tanah F.L.D.A. ini, sekarang ini sedang bershukor—dan tidak-lah sa-bagaimana yang di-katakan oleh Wakil Besut atau pun Wakil² yang lain—sedang bershukor sekarang ini kerana mana² yang telah berjaya sudah ada mengorder scooter mengorder Morris Minor secondhand pun sudah ada. Ini betul, kalau hendak tahu, datang-lah ka-Menggong atau datang Kemendor di-Melaka boleh nampak dengan terang. Rancangan pertama telah dapat di-toreh dan dapat kemajuan yang betul dan ra'ayat yang di-katakan berhutang banyak begitu bagini, tidak timbul kerana potongan hutang pehak F.L.D.A. telah pun mengator, menyunsunkan benda itu daripada mula sampai sekarang ini dan tidak terasa langsung dalam masa pembayaran. Jadi yang lain itu biar-lah Menteri sendiri menjawab-nya. Terima kaseh.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, saya chuba menjawab dengan sa-berapa ringkas yang boleh kerana nampak-nya kebanyakan daripada Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini menyokong penoh di-atas

apa usaha dan daya kita bagi menjalankan kerja² kita di-dalam rancangan ini. Jadi saya terlebih dahulu menguchapkan terima kaseh.

Biar-lah saya menjawab berhubung dengan soalan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat dari Tanah Merah tentang kesulitan yang di-hadapi oleh peserta² di-dalam rancangan tanah F.L.D.A. di-Chalok di-Trengganu. Ahli dari Besut, Tuan Pengerusi, bukan Tanah Merah, ma'afkan saya.

Sa-benar-nya ia-lah mengenai chukai² di-Kelantan dan saudara kita telah menjawab tadi dan di-atas perlaksanaan kelas² pelajaran dewasa yang dia tidak merasa puas hati, maka suka-lah saya menyatakan, Tuan Pengerusi, bahawa tidak ada perbezaan-nya yang kita jalankan di-Kelantan dan juga di-negeri² lain², pada memilih guru², Penyelia² dan sa-bagai-nya, untuk melancarkan rancangan pelajaran dewasa itu. Maka rasa saya tidak-lah patut sangat di-katakan ada perselisihan dan ada yang tidak puas hati di-antara kalangan ra'ayat di-Kelantan bahkan kelas² pelajaran dewasa di-Kelantan itu ada berjalan dengan baik dan sempurna dan semua guru² ada-lah di-pilih daripada bukan sahaja orang² Perikatan tetapi juga daripada gulongan orang² PAS sendiri pun ada di-Kelantan. Maka tentang ada pilih kaseh dan sa-bagai-nya ini, agak saya tidak-lah timbul pada waktu ini.

Tentang di-katakan kebanyakan daripada mereka ini tidak ada kebolehan dan sa-bagai-nya, barangkali ini tidak-lah betul sama sa-kali kerana kalau-lah mereka itu di-pilih daripada gulongan orang yang tidak ada mempunyai kebolehan maka tidak akan kita mendapat kejayaan yang sa-bagitu penoh di-Kelantan bagi menyajikan kelas² pelajaran dewasa di-sana dan mereka ini walau pun pada mula-nya, kita pilih tidak daripada mereka yang mempunyai kelulusan yang chukup, tetapi ada-lah mereka itu di-beri latehan dengan sa-chukup-nya tatkala mereka menyandang jawatan itu.

Dan daripada saudara Yang Berhormat dari Jerai yang banyak mengemukakan soalan² berkenaan dengan Tabong Haji, maka saya merasa sangat

berbesar hati di-atas tegoran² yang di-buat-nya dan di-atas tegoran itu maka Kementerian ini akan menjalankan dengan sa-baik²-nya sa-bagaimana yang di-kehendaki. Tetapi, Tuan Pengerusi, ada-lah Tabong Haji ini chuma dua tahun lebeh sahaja umur-nya dan ada-lah kerja² dan usaha² yang di-jalakan itu dalam masa yang sengkat itu ada-lah lebeh daripada dugaan, maka sebarang apa yang hendak di-jalakan tentu-lah menempoh berbagai kesulitan dan menempoh berbagai² kesukaran, maka tidak-lah dapat kita hendak menjalankan sa-bagaimana satu Badan yang boleh berdiri di-atas kaki-nya sendiri. Tetapi walau bagaimana pun segala shor dan pandangan-nya yang di-berikan oleh Yang Berhormat daripada Jerai itu akan kita menjadikan panduan.

Suka-lah saya hendak menerangkan kepada Dewan ini di-atas apa yang sudah di-jalankan sa-takat ini oleh Badan ini. Pada masa sekarang bilangan penyimpan daripada bulan Disember, 1964 hingga Disember, 1965 ini ada-lah 19,000 orang dan jumlah wang yang di-simpan hingga sekarang ini ia-lah \$1,930,000 dan jumlah penanaman modal sa-hingga ini ia-lah \$1,012,840.30. Tanah di-Jalan Ipoh, Section 48, telah di-beli dengan harga \$72,706; 360,000 Stock biasa Hume Industries (Malaya) Limited; 360,470 saham Malayan Sugar Manufacturing Limited, Prai, \$47,000; 12 buah rumah terrace kawasan 3 Setapak Garden Ltd, \$165,000; 51,000 stock biasa Malayan Tobacco Co., Ltd, \$99,561.40, 8,000 stock Straits Trading Co., Ltd, \$48,572.90, 220,000 saham biasa Dunlop Malayan Industries Ltd, jumlah \$220,000. Jadi sekarang ini jumlah penanaman modal kita ia-lah \$1,012,840.30. Maka ini-lah dapat kita tanamkan modal-nya dan saya per-chaya Ahli² Yang Berhormat sakalian dapat memikirkan di-atas kemajuan yang telah terchapai dari semenjak mula tertuboh-nya Tabong Haji ini.

Perbadanan Tabong Haji ini ada-lah yang kebanyakan daripada menjadi ahli-nya sekarang ini ia-lah daripada golongan pegawai² Kerajaan, Polis dan Askar dan sambutan dari penduduk kampung walau pun tidak begitu

banyak, tetapi makin sa-hari sa-makin bertambah juga dan ini terhad kepada musim, kerana orang² kampung sedia ma'alum mereka tidak ada mempunyai pendapatan yang tetap, maka keadaan mereka ada-lah mengikut musim, sa-umpama padi, musim mengetam atau musim yang lain², musim ikan dan sa-bagai-nya, maka tidak-lah dapat kita tetapkan saperti mana kita dapat terima daripada kakitangan Kerajaan. Jadi sa-takat itu-lah yang dapat kita penohi waktu ini dan di-harapkan akan kita tambah lagi kejayaan-nya masa hadapan ini. Jadi tentang hendak memberikan bonos atau keuntongan kepada mereka yang menjadi ahli saperti mana yang Kerajaan telah berjanji, maka ini ia-lah kita belum lagi dapat atau membuat atau mengadakan satu Undang² untok membolehkan membayar bonos dan keuntongan yang di-dapati. Walau bagaimana pun Kerajaan akan menyelenggarakan perkara² ini terlebih dahulu.

Sa-takat itu-lah dapat di-jawab soalan dan shor Ahli Yang Berhormat daripada Jerai, insha'allah pada masa yang akan datang kita dapat perbaiki lagi, tentang kemajuan hendak di-jalakan oleh Badan Tabong Haji ini.

Saudara kita dari Melaka Selatan merayu supaya gaji Pengelola² tidak di-bezakan. Ini sudah-lah di-jawab pada masa mula kita membathatkan ucapan dasar ia-itu kita bagi pehak Kementerian ini akan berusaha mengkaji sa-mula dan membaiki keadan ini. Kita harap sedikit masa lagi kita dapat keputusan yang mu'tamad di-atas gaji atau elaun bagi Pengelola² yang di-Melaka, Pulau Pinang dan Trengganu itu. Juga Yang Berhormat itu ada menyatakan walau pun terdapat beberapa banyak pelajar² daripada kaum wanita di-dalam kelas² pelajaran dewasa, tetapi tidak begitu banyak Penyelia² daripada kaum² wanita. Maka suka-lah saya hendak menerangkan kepada Yang Berhormat ini walau pun daripada peringkat Penyelia tidak begitu ramai bilangan ahli daripada kaum wanita, tetapi guru² ada-lah juga boleh di-katakan sa-paroh daripada kaum wanita sendiri, jadi saya rasa tentang itu tidak-lah begitu berasa iri hati terhadap itu kerana kebanyakan

guru² daripada pelajar² ini juga di-beri daripada guru² kepada kaum wanita sendiri. Jadi kalau kita adakan banyak bilangan Penyelia² daripada kaum wanita boleh jadi menempoh kesukaran kerana kawasan yang di-tugaskan kaum wanita boleh jadi menempoh kesukaran kerana kawasan yang di-tugaskan kepada Penyelia ini ada-lah luas dan kelas² yang di-buka sa-hari² untuk mereka mengajar ini ia-lah kelas kadang² banyak bilangan kelas itu di-buka waktu malam hari, waktu petang hari dan bukan terdapat sa-bagaimana kita mengajar kanak² di-sekolah, di-buka sekolah waktu pagi, tetapi kebanyakan kelas yang ada kita buka dalam pelajaran dewasa ini ia-lah kelas yang bersesuaian dengan masa orang² di-dalam kampung itu. Jadi kalau-lah Penyelia wanita ini berjalan waktu malam, waktu petang hari so-orang diri, tentu-lah memberikan bahaya samata² kepada mereka berjalan di-kampung².

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra-Padang Terap): Ada-kah Menteri Muda ini sedar masa kita menjalankan kempen² pilihan raya kaum ibu mengambil bahagian bersama dalam kempen² pilihan raya tidak kira siang dan malam dan di-mana² sahaja tempat, sama ada kampung² yang jauh terpenchil, kaum ibu tidak kira takut bahkan bersama² menjayakan.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tuan Pengerusi, saya sedar, tetapi kalau kita pergi kempen pilihan raya itu tidak pernah berjalan sa-orang beramai, berkereta, berbasikal, berjalan kaki pun beramai². Tetapi kalau-lah Penyelia ini nanti masuk ka-kampung² berbasikal sa-orang dan kelas di-buka pukul 8.00 malam, balek pukul 9.00 malam, kemudian di-antara pukul 9.00 hendak sampai ka-rumah barangkali dua jam pukul 11.00 malam barangkali itu-lah yang di-fikirkan.

Datin Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Pengerusi, untuk penerangan. Tidak-kah Yang Berhormat Menteri Muda tahu sa-tengah² negeri sudah pun beri peluang ini kepada kaum² wanita seperti negeri Kedah dan Trengganu lain²-nya itu, saya dapati tidak ada

kesulitan tentang Penyelia perempuan menjalankan tugas seperti yang telah di-sebutkan oleh Menteri Muda tadi. Pandai-lah dia menchari jalan untuk menjalankan tugas yang di-berikan kepada-nya.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Itu memang tempat yang di-pileh lebeh awal di-mana yang mereka boleh jalan balek dengan senang, tetapi kebanyakan tempat² itu-lah yang susah-nya hendak di-beri lebeh ramai daripada itu tetapi di-mana tempat yang di-fikirkan boleh, itu memang-lah sudah di-berikan, macham di-Perak tidak ada sa-orang pun, di-tempat lain di-Trengganu, di-Pahang yang lain lagi ada di-berikan, tetapi saya rasa itu-lah perkara yang sangat menyentoh Kementerian ini. Tetapi walau bagaimana pun kita akan memperbaiki keadaan itu bila kita fikirkan mustahak dan munasabah dan ada di-pakai lagi Penyelia akan di-fikirkan mengadakan kaum wanita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan juga menyebutkan berkenaan dengan Tabong Haji. Saya sudah banyak terangkan tadi. Berkenaan dengan kursus bagi guru² Yang Berhormat itu churiga sebab kurang tahun ini, saya rasa ini ia-lah kerana ada-lah kita hendak menyahut seruan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ia-itu hendak memotong 10 peratus daripada tiap² Kementerian dan ini ada-lah mengikut kehendak itu dengan sebab itu-lah kita terpaksa kurangkan sedikit. Walau bagaimana pun perkara ini dapat di-atasi untuk membolehkan bergerak-nya kursus ini pada tahun yang akan datang.

Bagitu juga minta di-tambahkan kereta penerangan kerana hari ini tidak cukup. Kita sedar tentang ini tetapi Ahli² Yang Berhormat sakalian faham keadaan kewangan kita pada masa ini dan kereta² penerangan ini kita di-tempat²kan di-tempat² yang tertentu ia-itu kita mempunyai zone, kita adakan tempat zone dan tempat ini kita tempatkan yang boleh mengawasi kawasan² yang seperti itu. Dan tambahan yang di-adakan baharu² ini ia-lah kerana hendak memberi kereta itu di-Sarawak dan di-Sabah, kerana Sabah dan Sarawak tempat baharu mereka belum ada

lagi kereta yang sa-macam itu dan kita harapkan boleh bergerak maju di-wilayah negeri Borneo sana.

Kemudian Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Utara menchadangkan ia-itu hendak-lah kata-nya menetapkan undang² supaya mewajibkan orang² yang berumur 50 tahun ka-bawah itu mesti belajar di-kelas² dewasa, kerana itu boleh dapat mengukorkan ta'at mereka kepada negara dan sa-bagai-nya. Saya rasa undang² ini belum-lah ada di-jalankan dan saya rasa kelas pelajaran dewasa ini bukan-lah satu kelas pelajaran yang tetap yang kita hendak jalankan buat sa-lama²-nya, tetapi ada-lah sedikit masa yang tertentu sahaja ia-itu sa-takat masa yang boleh kita membasmikan buta huruf bagi mereka² yang tidak dapat peluang belajar dahulu. Tetapi lama-kelamaan mereka yang buta huruf ini akan dapat di-hapuskan dan saya rasa tidak-lah mewajibkan sangat kita hendak mengadakan undang² di-atas soal ini.

Kemudian Yang Berhormat dari Temerloh menyebutkan tentang Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, hendak-lah pegawai²-nya menjalankan pentadbiran dalam ranchangan itu lebeh rapat dengan peserta²-nya dan ini memang-lah chara yang di-buat di-jalankan dan arahan yang di-berikan supaya pegawai² dalam kemajuan tanah ini merapatkan diri mereka melateh peserta² memimpin mereka dalam perkara yang mewajibkan mereka di-dalam menjaga keselamatan peserta² di-dalam ranchangan kawasan masing².

Bantuan kepada W.I. ia-itu Per-kumpulan Perempuan, maka di-dalam buku anggaran itu nyata-lah ia-itu dahulu-nya peruntukan ini di-bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat. Tetapi sekarang ini ada-lah di-masokkan di-bawah Kementerian kita—Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya dapat kita meng-ambil alih kumpulan itu di-bawah ranchangan kita supaya dapat di-sesuaikan perjalanan W.I. itu dengan Pelajaran Dewasa. Maka dengan itu sahaja-lah boleh dapat Perkumpulan perempuan ini berjalan lebeh pesat, lebeh maju, lebeh berjaya kalau-lah

dapat di-sampaikan sa-hingga ka-kampong² di-mana ada Kelas² Pelajaran Dewasa boleh kita bergerak maju.

Tentang hendak menambah lagi Pegawai atau pun State Organiser bagi tiap² negeri ini ada-lah satu pandangan yang baik, tetapi soal ini soal kewangan dan kita harap di-masa tidak lama lagi kita dapat menimbangkan perkara ini supaya dapat di-tambah atau pun sa-balek-nya.

Ahli dari Batu Pahat, soalan-nya tadi tidak dapat di-bahathkan. Kapada saudara dari Besut berhubung dengan Ranchangan Tanah di-Chalok, Ranchangan Tanah di-Chalok ini belum-lah siap lagi dan pekerjaan maseh di-jalankan sa-hingga ini dan getah maseh belum dapat di-potong lagi atau di-toreh dan perkara ini memakan masa yang lama lagi dan apabila getah ini sudah sampai umur enam tahun baharu-lah dapat di-jalankan segala chukai dan sa-bagai-nya, segala hutang dan sa-bagai-nya di-sana. Oleh sebab perkara² ini belum dapat di-siap—belum lagi ini tetap, maka segala apa yang di-soal tadi tidak-lah dapat di-kemukakan sa-hingga-lah sampai masa-nya yang saya katakan tadi. Dan saperti kira² tidak di-odit yang di-katakan-nya tadi itu tidak-lah benar bahkan ada-lah pada tiap² tahun di-odit kira² di-sana. Jadi saya harap jawapan itu akan memuaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Besut.

Yang Berhormat wakil Sarawak—tidak langsung ada kena mengena dengan perkara kita di-Kementerian ini ia-itu berkaitan dengan hutan. Maka perbahathan telah di-tolak.

Ahli dari Muar Utara berkehendakan supaya borang² mereka yang masok—yang hendak masok menjadi peserta F.L.D.A. ini hendak-lah di-buat, di-lakukan oleh Ketua² Kampong, Penghulu². Soal ini memang-lah apa yang telah di-sebutkan itu memang itu-lah yang kita buat sa-hingga masa ini ia-itu borang² ini di-hantarkan kepada Pegawai² Jajahan, Pegawai² Jajahan akan membahagi²kan kepada Penghulu²-nya dan Ketua² Kampong mengikut syarat² yang di-kehendaki.

Enche' Ahmad bin Arshad: Yang saya maksudkan dalam borang itu di-bubuhkan pengsahan dengan mengatakan bahawa bakal peserta ini memang orang yang tidak mempunyai tanah, kedudukan borang sekarang walau pun borang itu di-beri melalui saluran Penghulu² dan Ketua Kampong tetapi Ketua Kampong tidak ada berhak memberi satu pengakuan atas borang itu. Ini apa yang saya tahu berhubung dengan borang² yang sedang di-lancarkan sekarang. Jadi yang saya maksudkan dalam borang itu juga di-beri peluang kepada Penghulu atau Ketua Kampong mengesahkan bahawa bakal peserta ini memang benar² orang yang tidak mempunyai tanah, itu sahaja.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Jadi nampak-nya dalam borang itu tidak bertulis begitu sahaja-lah; perkara yang sa-umpama itu boleh-lah di-nasihatkan sahaja. Penambahan Penyelia juga Ahli daripada Muar tadi meminta supaya Penyelia Wanita ini di-tambah, seperti yang mana yang saya sudah menjawab tadi, dan begitu-lah jawapan saya kepada Yang Berhormat Muar Utara. Tentang chermin mata pula ini ada-lah selalu di-buat—selalu di-jalankan ia-itu di-mana ada mereka yang mata-nya tidak begitu jelas hendak membaca—hendak menulis atau pun mata-nya kurang baik. Biasa-nya ia-lah Penyelia dalam kawasan itu akan menerima permintaan daripada persaorangan dan Penyelia akan sampaikan kepada Organiser-nya atau pun kepada Pengelola-nya dengan Pengelola ini biasa-nya akan berunding dengan State Welfare Officer ia-itu Pegawai Masharakat Negeri. Jadi selalu-nya perkara ini dapat di-timbangkan dan saya tidak tahu-lah kalau di-Muar ini tidak dapat di-buat—tidak dapat di-lakukan tetapi perkara itu memang-lah selalu di-jalankan begitu dan saya bila melawat selalu saya tanya dan ada sa-bahagian besar daripada gulongan mereka yang menjadi pelajar² ini dapat bantuan yang sa-umpama daripada Welfare Negeri—ini di-beri.

Enche' Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, ada juga yang belum dapat—banyak yang belum dapat.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tetapi kalau banyak yang belum dapat, Tuan Pengerusi, saya fikir Yang Berhormat itu juga boleh mengendalikan perkara ini, boleh menolong mereka itu dengan jalan yang saya katakan itu. Saya harap dapat pertolongan yang sa-betul² pertolongan daripada Yang Berhormat itu kepada orang² kita di-Muar sana.

Bagitu juga berkenaan dengan buku Islam yang sudah menjadi ribut di-antara Kementerian ini dengan Kerajaan Johor, dengan Majlis Ugama dan Adat Istiadat Melayu Johor. Jadi buku ini saya tidak fikir-lah sa-hingga boleh menjadi begitu sa-kali tersiar dalam surat khabar hingga hendak di-haramkan oleh Kerajaan Johor sendiri. Walau Kerajaan Johor juga Kerajaan Perikatan, Kerajaan ini juga Kerajaan Perikatan dan segala apa perkara yang timbul di-situ—silap dan salah—patut-lah berunding antara sama sendiri. Apa yang saya berasa sukar—susah hati melihatkan perkara itu ia-lah timbul-nya dalam surat khabar yang hanya untuk hendak mengharamkan buku itu dan perkara itu tidak-lah begitu besar yang patut di-hebohkan.

Jadi usaha sedang di-jalankan oleh Kementerian ini dan Jawatan-kuasa Ahli Ugama Kementerian ini ada-lah mengadakan perbincangan-nya dan saya perchaya-lah perkara ini dapat di-hapuskan tidak berapa lama lagi. Tetapi itu-lah saya katakan tadi bukan-nya Kementerian ini menjalankan kerja-nya dengan meraba² begitu dengan tidak ada panduan, dengan tidak ada mempunyai Jawatan-kuasa yang tegas dan kuat bahkan yang menjadi Jawatan-kuasa menggubal segala buku ini ia-lah juga orang-nya dari Johor ia-itu Mufti Johor—bekas Mufti Johor sendiri. Jadi saya tidak fikir-lah perkara itu timbul begitu sa-kali burok-nya di-kalangan masharakat orang² Islam di-tanah besar kita ini.

Jadi sekarang kita hadapkan wakil dari Kuala Trengganu Utara jadi perkara yang di-sebutkan itu ia-lah mengenai Tabong Haji, saya sudah sebutkan tadi. Yang kedua berkenaan dengan MARA jualan share dan sa-bagai-nya ini boleh tidak atau mungkin tidak menguntongkan ekonomi negara

ini kerana MARA ini sedang di-beri tugas baharu, di-beri nafas baharu, saya rasa elok-lah hal² ini mendapat panduan lebeh dahulu sa-belum kita membuat jangkaan yang lebeh awal.

Mr Chairman: Lama lagi?

Enche' Sulaiman bin Bulon: Tidak, sedikit lagi. Jadi sekarang ini juga Yang Berhormat itu meragukan tentang pemasaran dan sa-bagai-nya daripada tempat² di-mana ada kawasan F.L.D.A. Ini akan di-uruskan dan saya rasa tidak-lah membimbangkan sangat bagi kita semua, kerana FAMA yang baharu² ini di-tubuhkan akan dapat mengatasi kesulitan yang sa-umpama itu.

Wakil Kelantan Hilir juga telah menyokong wakil Jerai dan tidak ada perkara yang begitu banyak di-timbulkan-nya melainkan dia tidak puas dengan polisi perlaksanaan yang di-jalankan oleh Pelajaran Dewasa. Dan ini sudah saya jawab tat kala menjawab soalan daripada wakil Tanah Merah, dan begitu juga dia katakan dia hendak menyampaikan satu kesulitan yang di-hadapi oleh sa-orang daripada peserta yang menjadi mangsa politik di-salah satu atau di-salah sa-buah daripada kawasan ranchangan FLDA. Saya rasa perkara ini tentu-lah dapat di-atasi oleh-nya sendiri kalau-lah perkara itu timbul dengan tidak payah membawa perkara itu di-sini kerana perkara politik ia-lah politik tidak berjangkit dengan perkara yang ada di-sini.

Tuan Haji Ahmad bin Abdullah: Saya hendak beri sedikit penjelasan. Kawasan ini bukan-lah kawasan di-negeri Kelantan, di-luar negeri Kelantan. Jadi kalau begitu orang yang telah terkena aniaya telah beberapa kali bertemu dengan Pengurus bagi Ranchangan Kemajuan Tanah yang tersebut dan tidak berhasil. Maka dia tulis surat kepada saya, oleh itu saya sa-bagai kewajipan bagi saya, saya akan serahkan surat itu kepada Menteri Yang Berhormat saya minta dengan jasa baik-nya dapat di-atasi perkara ini.

Enche' Sulaiman bin Bulon: Baik-lah, Tuan Pengerusi, saya sedia sahaja menerima. Dan sekarang pada akhir-

nya sampai-lah kepada saudara Yang Berhormat Wakil Melaka Utara ia-itu juga telah menimbulkan soalan gaji Pengelola Pelajaran Dewasa Melaka, Pulau Pinang dan Trengganu. Ini saya sudah jawab. Dan juga berkehendakkan khutub khanah kerana di-dapati-nya yang peruntokan bagi khutub khanah ini ada-lah di-kurangkan pada tahun ini.

Ini saperti mana yang saya katakan tadi, ia-lah kita hendak menyahut seruan Yang Berhormat Menteri yang terpaksa memotong 10% daripada peruntokan Kementerian. Walau bagaimana pun, perkara ini ada-lah mendapat perhatian kita, dan kita harapkan akan dapat menambah—walau pun tidak banyak, sedikit mesti juga ada dapat tambahan buku² di-tiap² khutub khanah yang mana ada khutub khanah yang kita tempatkan tahun ini. Tetapi, kita berharap-lah kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian, ia-itu di-mana ada khutub khanah yang sa-umpama itu di-tempatkan, hendak-lah kita juga memberi pimpinan dan memberi perhatian yang berat kepada khutub khanah ini supaya khutub khanah ini dapat berjalan dengan baik. Kerana, ada kadang² tempat²-nya khutub khanah ini tidak di-layan, tidak di-perbetulkan dan sa-bagai-nya. Dan kadang² menyebabkan buku²-nya juga kehilangan dan berbagai²-nya. Jadi, saya harap Ahli Yang Berhormat sakalian dapat mengambil berat di-atas soal² ini dan memberikan pandangan dan pimpinan supaya pergerakan khutub khanah yang ada di-kampung² itu dapat berjalan dengan baik dan lichen. Dan akhir-nya boleh kita jadikan khutub khanah itu sa-bagai khutub khanah kampung di-mana boleh di-gunakan oleh semua orang² kita di-dalam kampung.

Sa-takat ini-lah sahaja jawapan yang kita dapat beri kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian, Tuan Pengerusi. Dan sekarang saya memohon supaya peruntokan wang sa-jumlah itu dapat di-luluskan menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Terima kaseh.

Question put and agreed to.

The sum of \$10,908,824 for Head S. 63 ordered to stand part of the Schedule.

Mr Chairman: Persidangan ini ditangguhkan hingga pukul 4.00 petang.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.00 p.m.

(Mr speaker in the Chair)

THE SUPPLY BILL, 1966

House immediately resolved itself into a Committee of Supply.

(Mr speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 65 to S. 71—

The Minister of Transport (Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengumumkan Anggaran Perbelanjaan biasa tahun 1966 bagi Kementerian saya termasuk-lah Jabatan² Persekutuan di-Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak yang ada di-bawah Kementerian ini dan terkandung di-bawah kepala² yang berikut:

S. 65	Ibu Pejabat Kementerian dan Pemereksaan Kapal, Negeri ² Tanah Melayu	\$ 413,332.00
S. 66	Penerbangan Awam, Malaya	2,358,441.00
S. 67	Penerbangan Awam, Negeri ² Borneo	3,093,831.00
S. 68	Perkhidmatan Kaji-chuacha, Malaya	726,190.00
S. 69	Jabatan Laut, Malaya	2,632,106.00
S. 70	Jabatan Laut, Sabah dan Sarawak	3,747,504.00
S. 71	Pengangkutan Jalan Raya, Malaya	2,951,813.00
Jumlah Kementerian Pengangkutan		\$15,923,217.00

Dengan izin Tuan Pengerusi, sebelum saya menerangkan tiap² satu kepala peruntukan di-bawah Kementerian saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi keterangan kepada Rumah yang mulia ini tentang dasar² yang di-jalankan oleh Kementerian saya dengan rengkas-nya.

Dalam hal ehwal Penerbangan Awam, dasar Kementerian saya untuk mengadakan kemudahan² Penerbangan Awam yang bertaraf antara bangsa

untuk melayan Sharikat² Penerbangan Antara Bangsa mahu pun yang dalam negeri, sedang maju dengan lancar-nya baik di-Malaya mahu pun di-Negeri² Borneo. Lapangan Terbang Antara Bangsa Kuala Lumpur di-Subang yang menjadi kebanggaan dan kehormatan negara kita sedang menjalankan perkhidmatan-nya semenjak 1hb September, 1965. Dengan selesai-nya pembenaan Lapangan Terbang Antara Bangsa yang indah ini, maka chita² negara kita untuk mempunyai sa-buah Lapangan Terbang yang dapat menerima semua jenis kapal terbang yang berkhidmat di-jalan udara seluroh dunia antara bangsa² sekarang ini telah tercapai. Lapangan Terbang ini bukan sahaja menyediakan kemudahan² dan perkhidmatan² teknik yang bermutu tinggi bagi perkhidmatan² udara antara bangsa, tetapi merupakan suatu keuntongan yang besar bagi negara kita ini di-dalam bidang perniagaan dan pelan-chongan.

Semenjak selesai-nya pembenaan Lapangan Terbang Antara Bangsa kita yang baharu, dua buah negeri lagi iaitu Germany dan Belgium telah menanda tangani perjanjian perkhidmatan udara dengan Malaysia dan ini menjadikan jumlah negara² yang telah menanda tangani Perjanjian Perkhidmatan Udara dengan negeri kita sa-banyak 12 buah. Bagi pengetahuan Ahli² Yang Berhormat, saya sebutkan di-bawah ini nama negara² yang telah menanda tangani Perjanjian Perkhidmatan Udara dengan kita:

1. Australia
2. Netherland
3. United Kingdom
4. France
5. Switzerland
6. Japan
7. Denmark
8. Norway
9. Sweden
10. New Zealand
11. Germany
12. Belgium.

Sharikat Penerbangan Malaysia telah mencapai kemajuan yang besar dalam rancangan pembangunan-nya dan pada

awal tahun hadapan ini ia akan mempunyai lima buah kapal terbang Jet Comet yang akan berkhidmat bukan sahaja di-wilayah² perkhidmatan-nya ka-Hong Kong dan Bangkok, tetapi juga ka-negeri² Borneo di-Timor Malaysia. Ada-lah mustahak di-adakan perhubungan udara yang langsung, selamat dan chepat di-antara tanah besar Malaysia dengan negeri² di-Borneo ia-itu Sabah dan Sarawak dan ini hendak-lah di-anggap sa-bagai satu perkara yang sangat² penting. Bukti mengenai kesedaran ini dapat-lah dilihat dari perkembangan perjalanan udara baik di-dalam negeri mahu pun di-luar negeri yang telah mencapai kemajuan semenjak lahir-nya Malaysia. Ada-lah tidak dapat di-sangsikan bahawa perhubungan udara dengan negeri Borneo Timor, atau pun Timor Malaysia dapat membantu merapat dan mengiratkan lagi pertalian antara negeri² timor Malaysia ini dengan negara² barat Malaysia.

Kerana ada-nya kekurangan perhubungan jalan raya, keretapi dan sungai di-negeri² Sabah dan Sarawak, maka perjalanan chepat sekarang ini dengan perjalanan udara. Kementerian saya mempunyai satu maksud dan tujuan yang sa-benar²-nya dalam hal ini dan memberikan perhatian yang khusus dalam hal memperluaskan lapangan² terbang dan kemudahan² lain baik di-Sabah mahu pun di-Sarawak untuk membolehkan lebih banyak lagi tempat² di-negeri² ini menerima kapal² terbang dari semua jenis yang lebih selesa dan baik untuk mengejar perkembangan umum dalam penerbangan udara dalam negara² Malaysia dan lain²-nya.

Perluasan landasan di-lapangan terbang, di-Lahad Datu, dan Sandakan sekarang ini mungkin sudah siap atau pun hampir siap untuk memenuhi keperluan Sharikat Penerbangan Malaysia menjalankan perkhidmatan kapal terbang Fokker Friendship F. 27 ka-daerah² ini. Sa-buah lapangan terbang baharu yang akan di-bena di-Miri akan siap pada pertengahan tahun 1967 dan kerja sudah pun di-mula² untuk membena sa-mula serta meluaskan lagi landasan di-Bintulu yang juga akan siap pada tahun 1967.

Sharikat Penerbangan Borneo Berhad telah di-chantumkan dengan Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad. Penyatuan sumbar² modal dan teknik mereka ini yang sa-lari dengan rancangan Kerajaan untuk memperbaiki lapangan² terbang di-Sabah dan di-Sarawak tentu akan membolehkan Sharikat Penerbangan Malaysia ini menerima faedah yang penoh dari kesempatan berniaga yang lebih besar yang terdapat pada jenis perusahaan yang seperti ini, dan ini pula akan membolehkan mereka mengadakan perkhidmatan udara yang chepat, selesa dan selamat di-negeri² kita Malaysia.

Mengenai pelabohan² dan perlimbongan², kedua Lembaga Pelabohan di-Pulau Pinang dan di-Port Swettenham yang telah lama berjalan telah terus menerus mencapai kemajuan. Jumlah tan barang² yang telah di-kelolakan oleh Lembaga Pelabohan di-Port Swettenham pada tahun 1966 untuk mencapai suatu rekod yang baharu ia-itu 1.2 juta tan. Tetapi yang lebih penting ia-lah, dengan di-bukanya dermaga² baharu di-Selat Kelang Utara, menghapuskan kelambatan² yang sa-lalu terjadi dan merugikan kepada kapal² yang belayar beberapa negeri di-lautan² yang besar. Sekarang ini Pelabohan Swettenham sudah mula² terkenal sa-bagai sa-buah pelabohan yang dapat menjalankan kerja dengan chepat di-Timor Jauh ini. Lembaga Pelabohan Swettenham sekarang ini bagi pertama kali-nya di-ketua² oleh sa-orang Pengurus Besar daripada warga negara kita sendiri ia-itu Enche' Zain bin Ahmad dan saya mengambil peluang di-sini mengucapkan sa-tinggi tahniah kepada-nya.

Di-Pulau Pinang, kerja menambak 6 buah dermaga ayer dalam di-Butterworth telah siap dalam tahun ini dan satu kontrek telah pun di-putusan untuk kerja pembenaan-nya yang akan di-mula² pada awal tahun 1966. Di-Pulau Pinang rancangan menambak Weld Quay sedang berjalan dengan maju-nya walau pun terdapat beberapa kesukaran kejeruteraan.

Saperti yang telah di-ketahui oleh Ahli² Yang Berhormat sakalian, sa-buah jambatan baharu yang merintang

Sungai Prai telah di-buka dengan rasmi oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri untuk mengubongkan Prai dengan Butterworth. Ada-lah di-ranchangkan atau di-chadangkan untuk melebarkan serta memperbaiki jalan daripada jambatan ini ka-tempat Perhentian Ferry di-Butterworth. Ada-lah juga di-chadangkan untuk membena sa-buah jalan baharu daripada jambatan ini ka-pintu masuk pelabuhan yang baharu dan dengan demikian memisahkan lalu-lintas untuk ferry dengan lalu-lintas untuk pelabuhan. Di-dalam tahun ini, kerja meranchangkan jalan sa-chara pendahuluan telah di-jalankan dan belanja untuk membeli tanah ada-lah di-peruntukkan sa-bagai satu peruntukan tambahan. Kerja menambah jalan ini yang sa-benar-nya akan di-mulai dalam tahun 1966 dan peruntukan sa-banyak \$4.65 juta ada-lah di-peruntukkan di-dalam Ranchangan Malaysia Pertama untuk pekerjaan ini.

Ada terdapat kekurangan yang sangat mengenai pegawai² Jabatan Laut dalam Jabatan Laut Malaya. Ini ia-lah kerana sa-saorang chalun terpaksa mengambil masa 7 sampai 9 tahun untuk menchapai kelulusan bagi mendapatkan Ijazah Foreign-going Masters Certificate. Sekarang ini ada sa-orang Pegawai Laut Kanan yang berwarga negara Malaysia yang bekerja dalam Jabatan ini. 13 orang lagi pegawai Malaysia yang mengikuti kursus ini di-harap beberapa orang yang telah lulus dan yang akan lulus akan pulang kira² pada tahun 1967 dan yang lain-nya akan balek sa-telah menyelesaikan kursus² mereka beberapa tahun yang ka-hadapan. Untuk mengisi kekosongan ini buat sementara waktu, Kementerian saya akan mengeluarkan i'lan untuk mendapatkan pegawai² dari Seberang Laut atas dasar kontrek, bukan sahaja daripada United Kingdom, saperti yang biasa di-lakukan pada masa yang lalu, tetapi juga daripada beberapa negara² Commonwealth. Kementerian saya sedang mengeshor-kan juga kepada Kerajaan supaya menghantarkan lebih banyak lagi chalun² untuk mengikuti kursus laut supaya kekurangan pegawai dalam Jabatan Laut ini akan dapat di-atasi pada masa yang akan datang dan saya

harap banyak pemohon² yang akan menyambut i'lan² biasiswa untuk kursus ini.

Kekurangan pegawai² juga di-alami di-dalam Jabatan Laut di-Negeri Sabah. Sambutan yang di-berikan kepada i'lan untuk dua jawatan-kanan dalam Jabatan Laut Sabah ia-itu Pegawai Jabatan Laut Tingkatan I dan Jurutera Laut Tingkatan I ada-lah sedikit sahaja yang memohon, dan sedang di-timbangan.

Latehan² lanjutan (advance training) untuk memberi kesempatan kepada anak² Sabah untuk memegang jawatan² kanan dalam Jabatan ini telah di-jalankan dengan baik-nya dan ini telah menyebabkan lima orang anak² tempatan di-tempatkan dalam kapal² yang belayar di-lautan yang jauh sedang berlateh—4 orang lagi kadet pegawai deck dan sa-orang jurutera laut. Sa-orang kadet jurutera laut sedang menjalankan latehan di-wokshop jabatan itu.

Latehan dalam perkhidmatan bagi pegawai² yang bekerja di-kapal dalam Jabatan ini untuk mendapat ijazah² kecekapan sa-bagai Serang dan pen-jalan enjin, sedang berjalan dengan memuaskan. Sekolah Latehan Laut juga menerima pelateh² yang suka melayakkan diri-nya akan menchari kerja dalam bahagian perkapalan dan juga pelateh² dari Brunei. Ada-lah juga di-harapkan untuk memperluas-kan kegiatan² sekolah ini ka-Sandakan dengan penambahan bangunan tambahan lagi sa-bagai pusat latehan yang telah di-bena baharu² ini di-sana supaya anak² kapal perahu lancha Kerajaan dan mereka yang hendak menuntut belajar tidak payah lagi mengeluarkan banyak belanja untuk pergi ka-Labuan untuk berlateh di-Sekolah yang ada di-Labuan itu. Untuk tujuan ini wang sa-jumlah \$9,000 telah di-minta daripada Jawatan-kuasa Peranchang Pembangunan Negara.

Mengenai Perkhidmatan Kajichua-cha pula, ada-lah menjadi dasar Kementerian saya untuk memelihara taraf yang tinggi yang sama dengan

kehendak² antara bangsa untuk melayan penerbangan awam dan perkapalan. Perkhidmatan² Kajichuacha ada juga di-sediakan bagi kapal² terbang tentera.

Dalam Pengangkutan Jalan Raya, Kementerian saya terus menerus berusaha untuk memberikan kepada orang ramai semua kemudahan² dalam urusan mereka dengan Jabatan² Pengangkutan baik di-Ibu Pejabat mahupun di-negeri². Untuk melaksanakan dasar ini, 10 buah Lembaga Pelesen Negeri dan sa-buah Lembaga Pelesen Pusat telah di-hapuskan semenjak 1hb April, 1964 dan sa-buah Lembaga Pelesen baharu (Lembaga Pelesen Pengangkutan Jalan Raya) telah dirasmikan untuk mengambil alih tugas² Lembaga² Pelesen yang dahulu. Dengan di-adakan Lembaga Pelesen Pengangkutan Jalan Raya yang baharu ini, ada-lah menjadi dasar untuk mengadakan meshuarat² di-Pejabat² Pengangkutan di-negeri² yang berdekatan sa-kali dengan alamat pemohon² dan saksi² mereka. Dalam berbuat demikian si-pemohon dan saksi²-nya tidak payah datang sa-bagitu jauh ka-Petaling Jaya di-Kuala Lumpur untuk menguruskan permohonan-nya bagi mendapatkan sa-buah lesen lori untuk perniagaan-nya. Kementerian saya juga melichinkan lagi sa-chara keseluruhan Pejabat² Pendaftaran dan Pemeriksa Kereta² Motor di-semua negeri dalam Tanah Melayu ini untuk mencapai kecekapan yang lebih baik lagi. Kementerian saya juga menggalakkan orang² Melayu untuk mengambil bahagian yang chergas di-dalam lapangan perusahaan pengangkutan.

Kementerian ini juga terus menerus berusaha melaksanakan dasar Kerajaan untuk menggalakkan orang² Melayu mengambil bahagian chergas dalam perusahaan pengangkutan. Di-antara bulan Januari sampai bulan September, 1965, permohonan² lesen² lori dan kereta² perniagaan dan juga taxi² dan kereta² sewa yang di-bentangkan di-bawah ini telah di-berikan kepada orang² Melayu dan Sharikat² yang

orang² Melayu mempunyai saham² yang besar:

	100 % Melayu	Sharikat dengan bukan Melayu dan lain ² -nya
Lesen Pengangkutan Lorry "A"	5 ...	17
Lesen Pengangkutan "A" Kontrek	— ...	4
Lesen Pengangkutan "B"	13 ...	1
Lesen Pengangkutan "C"	78 ...	19
Lesen Kereta Taxi/ Sewa	77 ...	Nil
Lesen Perkhidmatan Jalan Raya untuk bas ²	21 (MARA) —	

Dalam hal memberikan kesempatan yang lebih kepada bumiputera supaya mereka mempunyai bahagian yang besar di-dalam perusahaan pengangkutan jalan raya, Kementerian saya sedang menimbangkan langkah² untuk mengetatkan lagi pengeluaran lesen² pengangkutan jenis "C" terutama mengenai penggunaan kenderaan barang² yang besar.

Mengenai Perkhidmatan Keretapi, ranchangan menggunakan enjin diesel sedang di-lanjutkan dalam usaha untuk mengurangkan belanja dan melebuhkan lagi kecekapan. Keretapi Tanah Melayu sekarang ini mempunyai 41 buah kepala keretapi diesel yang besar dan juga 41 buah kepala keretapi yang kecil menjadi penarek gerabak² 12 buah railcar dan sedang di-tunggu lagi 15 buah lagi railcar tidak berapa lama lagi akan sampai pada awal bulan Januari tahun 1966. Apabila semua-nya railcar sampai tentu-lah dapat di-gunakan, perkhidmatan railcar akan diperluaskan ka-Kedah, Pantai Timor dan antara Singapura dengan Gemas.

Sa-lain daripada yang tersebut di-atas, juga yang termasuk di-dalam ranchangan Pembangunan (sa-bahagian daripada belanja daripada wang Kerajaan yang di-pinjam dan sa-bahagian daripada kewangan Pertadbiran Keretapi sendiri) ada juga projek² saperti perluasan jalan utama daripada Prai ka-Butterworth yang di-harapkan akan siap dalam bulan Ogos, 1967. Singapura pula walaupun Singapura sekarang berkerajaan sendiri tetapi kita mesti berjalan sampai Singapura perluasan

jalan dari Bukit Timah ka-Jurong yang sudah pun siap; pembenaan steshen dan kawasan Keretapi baharu di-Wakaf Baru, Kelantan dan pembelian wagon² tambahan termasuk wagon² khas untuk menggunakan lalu lintas yang khas. Landasan keretapi terus di-baiki sa-bagai bahagian daripada rancangan pembangunan.

Sa-masa perbahathan umum mengenai ucapan belanjawan, Yang Berhormat Datin Fatimah Haji Hashim, Ahli daripada Jitra-Padang Terap telah membangkitkan masaalah tarif keretapi atas tambang keretapi membawa penumpang² dan batu besi. Kerana pada waktu itu saya tiada mempunyai kesempatan menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu di-sebabkan kesuntukan masa, maka saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab pertanyaan beliau itu.

Kerana ada-nya kejatohan harga penjualan bijeh besi, rundingan² di-antara Persatuan Pelombong² Bijeh Besi dan Pertadbiran Keretapi telah di-adakan pada pertengahan bulan April, 1964, dengan tujuan untuk mengurangkan bayaran muatan (freight charges). Hasil dari perundingan itu, pehak Pertadbiran Keretapi sa-berapa yang dapat telah mengurangkan tarif muatan (freight rates) untuk bijeh besi sa-bagai satu galakan kapada pelombong² bijeh besi untuk melombong lombong² mereka dan menyediakan pengangkutan untuk mereka dengan demikian ini mendatangkan hasil kapada pehak Keretapi.

Kementerian saya juga menjalankan dengan chukup berhati² kempen Keselamatan Jalan Raya yang telah dibentuk dalam semua Negeri² di-Tanah Melayu untuk memperbaiki mutu keselamatan di-jalan² raya kita dan dengan demikian mengurangkan jumlah kemalangan² yang di-sebabkan oleh kelalaian dan kechuaian pengguna² jalan raya.

Dato' Pengerusi, sekarang saya akan menerangkan peruntukan perbelanjaan bagi tiap² negeri yang telah di-peruntukan buat Kementerian saya.

Kepala S. 65—Ibu Pejabat Kementerian dan Pemereksaan Kapal, Negeri² di-Tanah Melayu—\$413,332.

Kepala S. 65 ia-lah peruntokan bagi Ibu Pejabat Kementerian dan Pemereksaan Kapal, Negeri² Tanah Melayu. Tambahan Gaji daripada \$285,078 kapada \$318,186 di-bawah Kepala S. 65 dalam tahun 1966 ia-lah di-sebabkan oleh perkembangan yang biasa dan penambahan elaun berikutan dengan kenaikan gaji dan berbagai² elaun dalam perkara gaji. Ibu Pejabat telah mendapat penambahan sa-orang kerani, sa-orang jurutaip dan sa-orang pelayan pejabat di-dalam tahun 1966 untuk mengatasi kerja yang bertambah di-sebabkan perkembangan biasa. Jabatan Pemereksaan Laut mendapat satu jawatan tambahan ia-itu Pemereksa Kapal² kerana Pemereksa Kapal² yang di-Pulau Pinang itu tidak dapat mengatasi kerja di-seluruh Tanah Melayu. Jawatan baharu ini ia-lah untuk Pelabohan Swettenham. Akan tetapi hanya satu peruntokan isharat (token vote) \$10 telah di-buat di-dalam anggaran untuk menambah jawatan ini.

Di-bawah lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun penambahan-nya ia-lah daripada \$30,410 dalam tahun 1965 kapada \$55,768. Ini terutama-nya di-sebabkan kerana peruntokan dua perkara yang baharu Penyenggaraan Bangunan Pejabat \$13,800 dan Penyenggaraan Kediaman Menteri sa-banyak \$5,568. Sampai pada bulan Jun, 1965, Kementerian ini telah mendudoki sa-buah bangunan di-Jalan Clerks dan penyenggaraan bangunan ini telah di-tanggung oleh Perbendaharaan tetapi semenjak itu pejabat Kementerian ini telah berpindah ka-bangunan yang baharu di-Jalan Young dan oleh kerana Kementerian ini mendudoki seluruh bangunan itu bersama² dengan dua Jabatan-nya, maka oleh kerana itu peruntokan menyenggarakan-nya terpaksa di-buat di-dalam anggaran di-bawah Kepala ini. Peruntokan untuk penyenggaraan kediaman Menteri terpaksa di-buat untuk tahun 1966 mensesuaikan dengan arahan yang terkandung di-dalam Perkelilingan P.M. 114562/2. Penambahan tahun 1965 ia-itu satu penambahan sa-banyak \$12,500 telah di-luluskan

yang pada mula-nya di-tetapkan di dalam Anggaran tahun 1965.

Kepala S. 66—Penerbangan 'Awam, Tanah Melayu.

Anggaran untuk Gaji dan Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun bagi Penerbangan 'Awam Negeri² Tanah Melayu menunjukkan penambahan sebanyak \$174,671 daripada anggaran tahun 1965.

Semua pegawai Jabatan ini di-pegang oleh warga negara sendiri semenjak bulan Oktober apabila pegawai dagang meninggalkan negeri ini dan sekarang sa-orang pengarah daripada warga negara kita sendiri ia-itu Enche' C. H. Morera yang memegang jawatan itu dan saya mengambil peluang meng-ucapkan tahniah kepada beliau sa-bagai sa-orang warga negara yang kali pertama-nya menjadi pengarah dalam pejabat ini.

Gaji.

Sa-bahagian daripada penambahan yang terdapat pada gaji ia-lah berkenaan dengan penambahan biasa gaji pegawai². Penambahan Pegawai² adalah berikut:

1 Pegawai Kawalan Terafik Udara Tingkatan III

3 Pembantu Perhubungan Tingkatan Biasa

4 Kerani Terafik, Tingkatan Biasa

2 Kerani Perkhidmatan Kerani 'Am

2 Pembacha Meter

1 Pekerja Terafik

(Butiran² (6), (11), (13), (17), (24) dan (25)).

Dengan pemergian pegawai dagang yang terakhir ini, akan mengurangkan perbelanjaan untuk tahun 1966 sa-banyak \$6,840 ia-itu gaji pegawai dagang dan elaun dagang yang tidak berpenchen di-bawah Kepala 31, 32, 33.

Terafik Udara di-Lapangan Terbang Pulau Pinang telah bertambah dengan banyak-nya dan sa-orang Pegawai Kawalan Terafik Udara, Tingkatan III ada-lah di-perlukan untuk lapangan Terbang itu.

Ada-lah di-ketahui sekarang bahawa jumlah Pembantu Perhubungan, Ting-

katan Biasa untuk Lapangan Terbang Antara Bangsa Kuala Lumpur yang baharu, tidak menchukopi untuk menjalankan berbagai bahagian Kawalan Terafik Udara sa-lama 20 jam terus-menerus. Oleh kerana itu 3 orang Pembantu Perhubungan, Tingkatan Biasa di-perlukan.

Di-Lapangan Terbang Antara Bangsa, Kuala Lumpur, yang baharu, letrik akan di-beli sa-chara serahan banyak dan ini akan memerlukan tenaga untuk membacha di-antara 150 dan 200 meter, menyediakan kira² dan mengutip hasil. Oleh yang demikian 2 orang Kerani Terafik di-perlukan untuk menjalankan kerja ini. 2 Pembacha Meter juga di-perlukan untuk kerja² ini.

Terafik Udara di-Pulau Pinang dan di-Alor Star telah bertambah dengan banyak-nya dan penambahan sa-banyak sa-orang Kerani Terafik di-tiap² lapangan Udara itu ada-lah di-perlukan.

Kerja² di-Ibu Pejabat Penerbangan 'Awam terus menerus bertambah² dan meningkat semenjak di-buka Lapangan Terbang antara bangsa yang baharu itu. Pekerjaan di-sini sekarang ini telah bertambah banyak dan penambahan dua orang kerani ada-lah di-perlukan.

Kerana ada-nya penambahan Terafik Udara di-Alor Star penambahan sa-orang Pekerja Terafik ada-lah di-perlukan untuk mengatasi penambahan itu.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN

Kepala-kecil 2—Pertadbiran—

Anggaran menunjukkan penambahan sa-banyak \$26,000. Ini ia-lah untuk membayar ayer, tenaga dan lampu untuk satu tahun penoh di-Lapangan Terbang Antara Bangsa Kuala Lumpur.

Kepala kecil 3—Charum kapada Lembaga Pendaftar Udara—

Gaji², elaun² dan tambang untuk Pemereksa² yang di-perbantu untuk berkhidmat dalam Malaysia telah di-tambahkan dalam tahun 1963 dan sa-jumlah £5054 14s 3d terpaksa di-bayar

untuk tahun itu ia-itu sa-pertiga daripada bahagian yang di-tetapkan untuk Negeri² Tanah Melayu. Berdasarkan ini, sa-jumlah \$43,400 akan di-bayar sa-bagai charum untuk tahun 1966. Sa-lain daripada itu satu jumlah sa-banyak \$9,000 akan di-bayar pada tahun 1966 sa-bagai arrears (bayaran kebela-kangan) untuk tahun 1964.

Kepala-kecil 7—Penyenggaraan Bangunan dan Kawasan—

Satu penambahan sa-banyak \$58,000 menunjukkan perbelanjaan penyenggaraan Lapangan Terbang Antara Bangsa bagi satu tahun. Sa-buah kawasan taman yang chukup besar terpaksa juga di-jaga di-Lapangan Terbang itu.

Kepala-kecil 8—Penyenggaraan Alat Perkakas dan Kereta—

Satu penambahan sa-banyak \$8,000 menentukan penambahan untuk satu tahun penoh penyenggaraan kelengkapan dan kenderaan di-Lapangan Terbang Kuala Lumpur.

Kepala-kecil 13—Pengangkutan dan Perjalanan—

Penambahan ini menunjukkan perbelanjaan satu tahun penoh di-Lapangan Terbang Antara Bangsa di-Kuala Lumpur.

Kepala-kecil 14—Sewa Tanah—

Penambahan sa-banyak \$10,000 diperlukan untuk membayar sewa tanah yang di-mileki (alienated) semenjak bulan Januari, tahun 1965.

Kepala S. 67—Penerbangan 'Awam dan Perkhidmatan Kajichuacha Negeri² Borneo—

Di-bawah Kepala Kechil 1—Gaji²—peruntokan² baharu ada terdapat dalam Butiran² (9) dan (38) kerana kenaikan pangkat dua pegawai Bomba Lapangan Terbang Sarawak. 2 Jawatan Ahli Bomba Kanan di-Sabah dan Sarawak juga di-naikkan pangkat kapada Pegawai Balai Bomba saperti yang terdapat pada Butiran (10) dan (39). Kenaikan pangkat kedua² jawatan ini ada-lah perlu kerana memperluaskan perkhidmatan Bomba di-Jesselton dan Kuching untuk mengatasi kesebohan Lapangan² Terbang ini oleh kerana

Kapal² Terbang Jet Pengangkutan 'Awam ia-itu daripada 4 daripada Malaysian Airways sekarang ini berkhidmat di-kawasan negeri² Borneo.

Jabatan ini juga mendapat jawatan² tambahan ia-itu 2 Pembantu Jurutera Kanan (Letrik), dan 2 Pembantu Teknik (letrik), 1 untuk Sabah dan 1 untuk Sarawak saperti yang terdapat pada Butiran (15), (16), (42) dan (43). Jawatan² ini ia-lah di-perlukan untuk penyenggaraan perkhidmatan² letrik dan lampu Lapangan Terbang di-Jesselton dan Kuching untuk membolehkan Sharikat Penerbangan Malaysia menjalankan perkhidmatan waktu malam.

Dua jawatan tambahan ia-itu Pemerhati Kajichuacha, Tingkatan I dan Pemerhati Kajichuacha, Tingkatan II telah di-luluskan untuk menyediakan pegawai² yang akan bertugas di-Steshen Radio sonde/wind di-Jesselton yang di-peruntokkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 1965. Di-dalam Butiran (14) terdapat penambahan dua orang Poter Penerbangan 'Awam dan di-dalam Butiran (51) terdapat penambahan 6 orang Poter. Tetapi sa-benarnya mereka² ini di-tukarkan daripada senarai Peruntokan Terbuka kapada jawatan² yang tetap.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN

Kepala-kecil 2—Pertadbiran—Kepala Kechil ini dahulu-nya terdiri daripada Perbelanjaan sambilan (Incidental) bayaran ayer, tenaga dan sa-bagai-nya, dan sekarang ini telah di-beri nama baharu (Pertadbiran atas permintaan Perbendaharaan Persekutuan untuk menyamakan dengan sistem di-Negeri² Tanah Melayu.

Kepala-kecil 4—Penyenggaraan Perkhidmatan Aeradio—menunjukkan penambahan daripada \$714,147 dalam tahun 1965 kapada \$753,759 dalam tahun 1966 kerana harga penyenggaraan yang lebeh tinggi yang di-sebabkan penambahan alatan². Dalam Kepala-kecil 12 jumlah \$45,000 telah di-anggarkan untuk menyempurnakan bayaran² bagi perkhidmatan² yang di-berikan kapada Jabatan² pada tahun 1965.

Di-bawah Perbelanjaan Khas, hanya \$75,830 di-peruntukkan dalam tahun 1966 berbanding dengan \$119,850 dalam tahun 1965.

Kepala S. 68—Perkhidmatan Kajichuacha—

Perkhidmatan Kajichuacha Malaya di-tubuhkan sa-bagai sa-buah Jabatan Malaysia yang beribu Pejabat di-Singapura. Sa-lepas Singapura berpisah daripada Malaysia, Ibu Pejabat di-Singapura ini telah di-hapuskan dan seluroh pertadbiran perkhidmatan ini telah di-pindahkan ka-Kuala Lumpur. Walau pun demikian, Pejabat Kajichuacha Singapura terus menyediakan perkhidmatan² teknik atas dasar sumbangan sa-hingga Ibu Pejabat Malaysia di-Kuala Lumpur telah tertuboh dengan lengkap-nya.

Perbelanjaan untuk Ibu Pejabat di-Singapura ini, oleh yang demikian, tidak-lah di-tunjukkan di-dalam Anggaran Belanja tahun 1966. Perbelanjaan untuk Ibu Pejabat di-Kuala Lumpur yang sedang di-tubuhkan belum lagi di-siapkan kerana perombakan perkhidmatan ini maseh ada di-dalam perbincangan oleh pehak² berkuasa yang tertentu.

2 Jawatan Pegawai Perchubaan yang tersebut di-bawah Kepala-kechil 1, Butiran (5) telah di-adakan untuk membantu kegiatan² baharu Jabatan ini saperti mengukur sifat² yang wujud di-udara sa-belah atas dengan chara Radar dan alatan Radio Sonde untuk menjaga dan menjalankan alatan² Kajichuacha electronic dan untuk menjalankan tugas menyelidekan yang mudah di-bawah Pengawasan Pegawai Kajichuacha.

Satu kepala-kechil baharu ia-itu Kepala-kechil 10 ada di-tunjokkan di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan untuk itu satu peruntukan isharat (token vote) \$10 di-masokkan.

Perkhidmatan ini menjaga kira² 46 buah steshen tambahan (Auxillary Station), kebanyakan-nya di-tempatkan dekat rumah² sakit daerah.

Bachaan jangka (Instrumental Reading) telah di-buat di-Steshen² ini oleh

Pegawai² Rumah Sakit sa-chara suka-rela sa-lama kira 20 tahun. Satu shor telah di-buat sekarang ini untuk menyara elaun pada Pemerhati² sukarela ini.

Kepala-kechil S. 69—Jabatan Laut Malaya—

Kepala-kechil 1 ia-itu Gaji untuk tahun 1966 ia-lah \$1,889,666 berbanding dengan \$1,800,071 bagi tahun 1965. Ini menunjukkan penambahan sa-banyak \$89,595 di-sebabkan kenaikan biasa dan elaun rumah yang telah di-tambahkan. Hanya 4 jawatan baharu di-buat dalam tahun 1966. Jawatan² ini ia-lah (1) Kerani Perkhidmatan Kerani 'Am untuk Tabong Laut Pusat (Central Marine Fund) (1) Juru Semboyan Tingkatan II dan sa-orang pelayan pejabat. Gaji untuk Kerani² dan Penyimpan Kira² di-ambil daripada kedua² tabong yang tersebut di atas dan dengan demikian Kerajaan tidak mengeluarkan belanja.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN

Di-bawah Kepala-kechil 2 penambahan hanya terdapat dalam Butiran (2)—Perbelanjaan Runchit (Incidental) sa-banyak \$500, Butiran (3) untuk api, kuasa letrik dan ayer sa-banyak \$1,000 dan di-dalam Butiran (7) untuk perbelanjaan latehan Pekerja Laut sa-banyak \$500. Peruntokan dalam Butiran (2) telah di-tambah untuk menyempurnakan bayaran sampul² surat register dan surat² yang di-hantar menerusi udara, pesanan² kapada Crown Agent yang telah di-naikkan bayaran-nya dan juga untuk pembelian ronchit² yang tidak dapat di-elakkan. Penambahan dalam Butiran (3) pada umum-nya di-sebabkan kenaikan harga ayer di-Perak. Peruntokan penambahan sa-banyak \$500 di-dalam Butiran (7) ia-lah untuk menyempurnakan perbelanjaan latehan dan sara hidup bagi sa-jumlah kaki²-tangan lagi yang akan di-lateh di-Johor.

Di-bawah Kepala-kechil (3) (i), satu penambahan sa-banyak \$10,000 diberikan untuk menutupi perbelanjaan memperbaiki alatan korek, dua daripada-nya memerlukan lantai yang baharu di-sebabkan lantai² ini telah

lama dan terlampau burok keadaannya.

Di-dalam Butiran (4) (i), Kapal dan Kereta—satu penambahan daripada \$282,246 kepada \$332,000 ada-lah perlu untuk menyempurnakan perbelanjaan pergerakan yang bertambah² di-sebabkan dzarurat yang memerlukan kapal² bekerja sampai kira² 24 jam terus-menerus dan melebihi daripada tugas mereka yang biasa.

PERBELANJAAN KHAS

Peruntukan di-bawah Perbelanjaan Khas menunjukkan pengurangan sebanyak \$6,462 dalam tahun 1966 berbanding dengan tahun 1965. Jumlah peruntukan seluruh-nya bagi Jabatan Laut Negeri² Tanah Melayu untuk tahun 1966 ia-lah \$2,632,105 berbanding dengan \$2,509,923 dalam tahun 1965—ini menunjukkan suatu penambahan keseluruhan-nya sa-banyak \$122,183 daripada peruntukan tahun 1965.

Kepala S. 70—Jabatan Laut Negeri² Borneo

Mula² saya ingin menerangkan tentang Anggaran Perbelanjaan bagi Negeri Sarawak. Di-bawah Kepala Kechil 1—Gaji—sa-lain daripada kenaikan biasa mengenai gaji dan elaun, ada juga kenaikan di-dalam peruntukan² yang di-sebabkan ada-nya beberapa jawatan baharu yang di-buat. Penambahan di-dalam gaji juga termasuk gaji pegawai² yang bekerja dengan Lembaga Tabong Wang Pelampong dan Rumah Api (Buoys & Lights Fund Board) dan gaji mereka ini di-bayar oleh Lembaga ini.

Penambahan pegawai² untuk Jabatan ini ada-lah sedikit sahaja dan berpatutan untuk menjalankan kerja yang bertambah² yang di-sebabkan oleh perkembangan yang biasa. Penambahan sa-orang Pegawai Laut dalam Butiran (3) ia-lah untuk Pelabohan Miri. Satu jawatan baru dalam Butiran (6) ia-itu Penolong Pegawai Laut telah di-luluskan untuk membolehkan sa-orang daripada Pembantu Pegawai Laut yang ada sekarang ini di-hantar untuk latehan. Dalam Butiran (9) penambahan sa-orang kerani telah di-luluskan untuk pejabat di-Sibu. Jawa-

tan Pembantu Penyiasat Laut saperti yang terdapat pada Butiran (13) (iii) telah di-tambah daripada 4 menjadi 5 dalam tahun 1966. Penambahan jawatan yang lain ia-lah sa-orang Tukang Perahu, sa-orang Derebar Van untuk baharu yang di-beli dalam tahun 1965 dan sa-orang Kerani baharu untuk Lembaga Tabong Wang Pelampong dan Rumah Api, dan gaji-nya ada-lah di-bayar oleh Lembaga ini.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN

Di-bawah Perbelanjaan Berulang² Tiap Tahun ada terdapat dua penambahan yang nyata—satu di-bawah Kepala-kechil 3—Belanja Mengendali Perahu²—bertambah sa-banyak \$10,684 dan ini ada-lah untuk perbelanjaan sekarang ini untuk penyenggaraan sa-buah kapal pendarat (landing-craft) dan dua buah motor bot yang laju yang akan sampai dalam bulan Januari, 1966. Penambahan yang sa-banyak \$3,500 ia-lah untuk pengangkutan dan perjalanan dan ini menjadikan jumlah peruntukan sa-banyak \$28,000 kepada peruntukan ini. Peruntukan ini ada-lah sangat sesuai bagi kaki²tangan yang lebeh daripada 400 orang jika sa-kiranya kecekapan dan pengawasan yang chukup mengenai semua pekerjaan Jabatan ini hendak di-jaga dengan baik.

PERBELANJAAN KHAS

Di-bawah Perbelanjaan Khas, wang yang dapat di-selamatkan di-sini berjumlah tidak kurang daripada \$100,150 berbanding dengan tahun yang lalu dalam mana suatu jumlah yang chukup besar telah di-belanjakan untuk membeli enjin² baharu dan alatan². Berbagai potongan yang besar telah di-buat, walau pun ada keperluan untuk menjimat, Jabatan ini akan menchuba sa-boleh²-nya untuk berbelanja dengan peruntukan yang telah di-tetapkan untuk beberapa butiran yang telah di-masokkan untuk tahun hadapan.

JABATAN LAUT SABAH

Saperti Sarawak, peruntukan untuk Jabatan Laut, Sabah termasuk kedua² perbelanjaan negeri dan pusat bagi kerja² yang di-kuasa² dan di-tadbirkan

oleh Jabatan ini. Pechahan peruntukan ini termasuk ka-dalam Gaji², Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan Perbelanjaan Khas terdiri daripada:

- (i) Ibu Pejabat dan Pertadbiran;
- (ii) Pemereksaan Kapal;
- (iii) Setor Pusat, Setor² Wokshop dan Pelancharan Kapal, Api dan Pertolongan Pelayaran;
- (iv) Wokshop dan pelancharan kapal;
- (v) Api dan Pertolongan Pelayaran;
- (vi) Perlombongan dan Pelabohan;
- (vii) Perahu² Lancha;

Akan dapat di-lihat bahawa perkara (i) dan (v) ada-lah tugas Persekutuan dan perkara (vi) sampai (vii) ia-lah tugas Negeri dan bayaran untuk-nya dapat di-minta daripada Perbendaharaan Persekutuan, Kementerian saya telah menyokong satu shor daripada Jabatan ini untuk Anggaran Berpechah (Split Estimates) bagi tahun 1967, iaitu Jabatan Laut (Negeri) dan Jabatan Laut Persekutuan). Tujuan-nya ia-lah untuk mengelakkan banyak kerja yang tidak berfaedah yang di-sebabkan oleh pengiraan pembayaran daripada Negeri ka-Perbendaharaan Pusat. Ada-lah di-harapkan bahawa shor untuk Anggaran Berpechah ini akan dapat di-laksanakannya dalam Anggaran Belanja tahun 1967.

Ada-lah juga di-setujui oleh Perbendaharaan bahawa Setor, Wokshop dan Pelancharan Kapal Jabatan ini hendaklah di-jalankan di-bawah suatu Tabong Kerja dan Setor yang tidak di-Peruntokan (Unallocated Stores and Works Fund) yang akan perlu di-bentok pada awal tahun 1966. Dapat di-lihat bahawa peruntukan untuk perkara² ini telah di-keluarkan daripada Anggaran ini kerana ada-nya persetujuan Perbendaharaan itu.

Pembentokan Tabong Lembaga Api dan pertolongan Pelayaran Sabah (Sabah Lights and Navigational Aids Board Fund) sa-bagai permulaan untuk menggabungkan-nya dengan Tabong di-Sarawak untuk membentok satu lembaga Api Malaysia Timor telah di-lambatkan kerana ada-nya kesukaran² undang². Ada-lah di-harapkan bahawa hal ini akan dapat di-uruskan dalam tahun 1966 ini.

Di-bawah perkara Gaji, Butiran (75) satu jawatan baharu ia-itu Pegawai Kira² telah di-setujukan bagi tahun 1966 kerana ada-nya tugas² yang bertambah di-seluruh negeri mengenai kira² dan ini di-sebabkan oleh perkembangan yang chepat dari Jabatan ini. Satu jawatan Juru-Trengkas dan Jurutaip, Butiran (78) telah juga di-luluskan bagi Pengarah Jabatan Laut untuk kerja surat menyurat rahsia dan sulit yang makin bertambah dalam masa dharurat ini. Ada-lah sangat perlu bahawa semua surat² atau dokumen yang sulit dan rahsia di-pilih dengan teliti dan di-simpan di-tempat² yang selamat menurut penting-nya tiap² surat dan dokumen pada waktu dharurat ini.

Dalam Butiran (79) (ii) ada suatu penambahan 3 orang kerani yang akan di-tempatkan di-pelabohan kechil sa-bagai Kerani² Perkapalan kerana pehak Kastam dan Pegawai² Daerah telah meminta supaya tugas² memungut hasil untuk Jabatan Laut di-ambil oleh dari kakitangan mereka yang membuat kerja itu sa-lain daripada kerja² mereka yang telah sangat bertambah.

Butiran (80) menunjukkan penambahan 3 orang Pembantu Kerani untuk mengambil alih tugas² kerani daripada pegawai² yang bekerja di-luar yang kerana ada-nya perluasan yang chepat daripada Pelabohan² Kechil di-Sabah tidak lagi dapat menjalankan kerja sa-bagai kerani kerana ini akan menyebabkan mereka meninggalkan kerja mereka sendiri.

Dalam Butiran (90) suatu jawatan baharu ia-itu Penguasa Pekerja telah di-persetujukan kerana ada-nya penambahan pegawai di-Pelancharan Kapal yang telah di-ranchangan di-Sandakan untuk pelayaran kapal Angkatan Laut Malaysia dan juga kerana bertambah-nya kapal² Kerajaan. 3 jawatan Penjaga Kerja (shipping) telah di-luluskan dalam Butiran (94) untuk menempatkan 3 orang pegawai yang tidak tetap ka-dalam jawatan yang tetap untuk menjaga orang² peting di-dalam wokshop yang mempunyai pekerjaan yang tidak mungkin di-hapuskan sa-belum mereka itu penchen dan juga untuk mengadakan kesempatan untuk naik

pangkat kepada pekerja² ahli atau istimewa dan untuk menjadikan kerja di-wokshop ini lebih menarek kepada para² yang specialise kepada lebih baik lagi. Daripada jumlah 7 buah jawatan ini, tiga ia-lah untuk Sandakan dan 4 untuk Labuan.

Dalam Butiran (95) (i) dan (ii) adalah perlu untuk mengadakan satu jawatan Kerani Tingkatan Khas sebagai Kerani Kanan dan 2 jawatan kerani Kewangan. Sa-orang Fomen Wokshop (Butiran (96)) ada-lah perlu untuk membantu Pegawai Jaga Perahu Kanan yang tugas-nya akan bertambah dengan ada-nya penambahan muatan pelancharan (slipway) sampai kepada 500 ton, sa-lain daripada tugas-nya memereksa dan melancharkan perahu lancha.

Butiran (97) menunjukkan bahawa satu jawatan baharu ia-itu Merinyu Rakit Keselamatan ada-lah di-perlukan untuk menjalankan rakit keselamatan kerana jumlah rakit² keselamatan ini yang sedang di-gunakan di-Pantai Sabah telah bertambah banyak. Ini ada-lah jawatan tetap. Jawatan Tukang Pelan dalam Butiran (98) telah diluluskan untuk memasokkan sa-orang Tukang Pelan yang bekerja dalam jawatan yang tidak tetap ka-dalam jawatan yang tetap dan ini ia-lah untuk menarek orang² yang mempunyai pengalaman dan kelayakan yang baik ka-dalam jawatan ini.

Butiran (99) dan (100) menunjukkan penambahan sa-orang Pembantu Kerani dan 3 orang Kerani Kemajuan, 1 untuk Sandakan dan yang lain-nya untuk Labuan. Saperti hal yang tersebut pada perenggan yang di-atas, ini juga di-jalankan untuk menempatkan pegawai² ini ka-dalam jawatan² yang tetap. Sampai hari ini mereka ini telah bekerja sa-bagai Pegawai Sementara dan di-bayar daripada peruntokan terbuka (Open Vote).

Di-bawah Perlombongan dan Pelabohan Butiran (110) salah satu daripada 3 jawatan dalam Butiran (111) telah di-naikkan kepada Pegawai Laut Kanan dan ini menyebabkan hanya ada 2 Pegawai Laut dalam anggaran tahun 1966 dan tugas pegawai yang di-

naikkan pangkat ini akan bermula pada ketika ia-nya di-naikkan pangkat.

Mengenai perbelanjaan di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulangan Tiap² Tahun suatu perubahan besar terdapat di-bawah Pechahan-kepala 17 dan untuk itu tidak ada peruntokan di-buat dalam anggaran tahun 1966 untuk wokshop dan pelancharan kapal (slipways) belanja penyenggaraan kerana, saperti yang telah saya terangkan terlebih dahulu, bahawa mula² daripada tahun 1966 kira² Kerja dan Setor yang tidak Di-Peruntokkan (Unallocated Stores And Works Account) akan dibentok dengan belanja sa-banyak \$500,000 sa-bagai permulaan-nya. Di-bawah Pechahan-kepala 9—perbelanjaan penyenggaraan perahu—sa-banyak \$980,250 telah di-peruntokkan untuk membeli minyak dan minyak pelichin, perbaiki tempatan, penyenggaraan Radar dan Jentera Eko Saudar, perbaiki² perahu lancha, alatan² dan chat setor yang untuk ini tidak ada peruntokan di-berikan di-bawah Pechahan-kepala 17.

Di-bawah Perbelanjaan Khas, Pechahan-kepala 22 peruntokan sa-banyak \$1,200 untuk satu unit alat pendingin di-perlukan untuk bahagian Pejabat Setor.

Jumlah \$30,000 yang telah di-luluskan di-bawah Pechahan-kepala 23 ia-lah untuk menjalankan perbaikan puleh (overhaul) yang besar yang perlu di-jalankan untuk kapal pelampong (buoy vessel) "Badang" yang telah dibena dalam tahun 1952. Perbaikan puleh ini tidak dapat di-tanggohkan lagi jika sa-kira-nya kapal ini hendak di-gunakan terus. Jumlah \$4,500 yang di-peruntokkan di-bawah Pechahan-kepala 26 ada-lah perlu untuk menyediakan lampu keselamatan kawasan Lapangan Terbang Jesselton untuk membolehkan pelaksanaan penguasaan yang lebih baik ka-atas kechurian dan sebab² keselamatan yang lain. Mengenai Pechahan-kepala di-bawah Perbelanjaan Khas yang lain-nya, semuanya telah terang dengan sendiri dan oleh kerana itu tidak perlu mendapat huraian yang panjang lebar daripada saya.

Kepala S. 71—Pengangkutan Jalan Raya, Negeri² Tanah Melayu

Jabatan Pengangkutan Jalan Raya, Negeri² Tanah Melayu terus berkembang. Pendaftaran Kenderaan² motor telah bertambah dengan baik-nya semenjak bulan Januari tahun 1965. Dalam masa 9 bulan yang pertama tahun ini sa-jumlah 38,909 kenderaan² baharu telah di-daftarkan menjadikan jumlah besar kenderaan² yang di-daftarkan sampai 30 September, 1965 sa-banyak 381,000 buah. Hasil daripada Pengangkutan Jalan Raya telah juga bertambah dengan baik-nya. Dalam waktu di-antara bulan Januari sampai bulan September, 1965, sa-jumlah \$78,572,763 telah di-pungut dan ini menunjukkan satu penambahan sa-banyak \$4,269,963 daripada hasil yang di-pungut untuk waktu yang sama dalam tahun 1964.

Walau pun dalam anggaran tahun 1966 telah di-peruntukkan sa-jumlah 23 orang Pegawai Penguat Kuasa, hanya 20 orang Pegawai Penguat Kuasa yang sedang bertugas termasuk 7 orang Pegawai Penguat Kuasa Perchobaan yang baharu, yang baharu sahaja melaporkan diri untuk bertugas baharu² ini. Dengan ada-nya penambahan pegawai maka Jabatan ini akan menjalankan kempen terhadap penggunaan sa-chara haram kenderaan² barang² yang berlesen "C", dan juga berkenaan dengan segala hal yang bersangkutan paut dengan undang² pengangkutan terutama sa-kali teks² haram dan lain².

Untuk menyempurnakan banyak-nya kerja yang bertambah dari Jabatan yang berkembang dengan chepat-nya ini untuk melaksanakan dasar Kerajaan dalam menchegeh menyalahgunakan lesen² pengangkutan dan untuk mengadakan perkhidmatan² yang lebih baik untuk orang ramai, satu penambahan pegawai² yang terdiri daripada 30 orang Kerani, sa-orang Jurutaip, 2 Pemeriksa Kereta, 2 Penchari Fail dan sa-orang Pelayan Pejabat akan di-ambil tahun hadapan. Daripada jumlah 30 orang Kerani tambahan yang terdapat di-dalam berbagai² butir dibawah Gaji Pechahan-kepala 1, 2 adalah untuk Ibu Pejabat Pengangkutan Jalan Raya di-Petaling Jaya, yang

lain-nya akan di-bahagi²kan ka-Pejabat² Pendaftar dan Pemeriksa Kereta² Motor, dalam 10 buah negeri ia-itu 3 untuk Perak, 3 untuk Pulau Pinang, 3 untuk Kedah dan Perlis, 2 untuk Kelantan, 2 untuk Trengganu, 2 untuk Pahang, 2 untuk Negri Sembilan, 2 untuk Melaka dan 3 untuk Selangor. Untuk pengetahuan Ahli² Yang Berhormat, tiap² pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta² Motor akan mempunyai sa-orang Kerani yang boleh di-perchayai untuk menolong orang ramai mengisi borang² permohonan dan dengan demikian akan mengurangkan kesusahan kapada orang ramai terutama mereka yang buta huruf dan juga mereka daripada tertunggu² menggunakan petition writer yang ada selalu di-keliling Pejabat Kenderaan yang menjadikan susah dan lambat kerja²-nya.

Ahli² Yang Berhormat tentu sedar tentang ada-nya penambahan yang chukup banyak mengenai jenis² kereta motor dalam negeri ini, dan ada-lah juga menjadi tanggung-jawab Jabatan ini untuk menjamin bahawa semua kenderaan² perdagangan berada dalam keadaan yang baik dan sesuai untuk jalan raya. Ini akan mengurangkan kemungkinan² kechelakaan yang berat yang di-sebabkan oleh kerosakan dan keadaan enjin yang tidak baik dari kenderaan². Untuk melaksanakan ini maka ada-lah perlu bahawa jumlah pemeriksa² kereta di-tambah. Tetapi oleh kerana ada keperluan untuk menjimat kewangan sa-dapat²-nya, Jabatan ini hanya di-beri 2 jawatan Pemeriksa Kereta Tingkatan Khas saperti yang terdapat dalam Butiran (14) (i). Ini adalah sesuai kerana di-dalam peratoran kerja yang di-rombak bagi pemeriksa² kereta, ada di-untukkan kenaikan pangkat kapada Tingkatan Khas bagi Pemeriksa Kereta. Jawatan Pemeriksa Kereta Tingkatan Khas ini ada-lah juga perlu untuk pengawasan yang chekap mengenai kerja Pemeriksa² Kereta dari 2 Pejabat yang lebih besar dari 4 buah Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kanan Kereta² Motor.

Penambahan sa-orang Jurutaip untuk Pejabat di-Pulau Pinang ia-lah untuk mengawasi keperluan yang di-sebabkan ada-nya penambahan kerja sa-chara

keseluruhan. 2 orang Penchari Fail juga di-tambah, satu untuk Ibu Pejabat dan satu lagi untuk Pejabat Selangor. Penambahan ini perlu kerana ada-nya kenaikan yang chepat dalam pendaftaran dan pelesenan Kereta² Motor dan juga kerana ada-nya satu jenis lesen baharu ia-itu Vocational Driving licences bagi pehak pemandu² lori. Sa-orang Pelayan Pejabat perlu di-tambah untuk Pejabat di-Pulau Pinang kerana ada-nya kerja² yang bertambah sa-chara keseluruhan.

LAIN² PERBELANJAAN BERULANG TIAP² TAHUN

Di-bawah lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun penambahan daripada \$48,740 kepada \$51,160 saperti yang terdapat pada Pechahan-kepala 2 ia-lah untuk menutupi belanja i'lan di-surat khabar dalam berbagai² bahasa untuk kekosongan² kereta teksi dan kereta sewa yang ada terdapat dalam tiap² buah negeri. Ada-lah di-ketahui bahawa chara² yang di-gunakan sekarang untuk mengi'lan kekosongan ini di-papan kenyataan Pejabat² Pendaftar dan Pemereksa Kereta² Motor di-Pejabat² Daerah dan di-Balai² Raya Tempatan ada-lah tidak memuaskan. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan chara ini kekosongan² dapat di-ketahui oleh semua yang berkenaan di-dalam tiap² negeri dan mereka akan dapat peluang memohon di-mana² ada kekosongan teksi² atau kereta sewa itu. Perlu di-perhatikan bahawa peruntokan di-bawah Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun telah di-kurangkan daripada \$390,140 jadi \$357,460.

PERBELANJAAN KHAS

Saya suka mengambil peluang di-sini menguchapan sa-tinggi² terima kasih kepada rakan saya Menteri Kewangan yang telah setuju memberi peruntokan di-bawah Perbelanjaan Khas sa-jumlah \$403,750 telah di-peruntokkan untuk membeli 20 mesen resip (Receipting/analysis machines) yang di-perlukan untuk kegunaan semua Pejabat² Pendaftar dan Pemereksa Kereta² Motor untuk memungut hasil. Kegunaan mesen² ini telah di-shorkan oleh Penasehat Pertubohan dan Chara² berikutan dengan laporan dan penyiasatan-nya yang di-terima pada tahun

yang lalu. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan penggunaan mesen² ini akan mencheptakan lagi pengeluaran lesen² kereta motor dan juga mengelakkan daripada kekeliruan dan kira² dan juga mengelakkan daripada perkara² yang tidak di-ingini terjadi di-dalam Pejabat² Kenderaan dan dengan ada-nya machine ini tidak ada-lah boleh tersalah dan kerja²-nya boleh di-buat dengan lebeh lekas lagi. Maka saya harap pada tahun 1966 ini Yang Berhormat sakalian kira-nya ada lagi terlambat² barangkali berkenaan dengan bayaran chukai² ini harap-lah berhubung lekas kapada saya supaya boleh di-perbaiki tetapi machine ini juga mengambil waktu hendak menyempurnakan-nya dan saya harap sa-berapa segera machine² itu akan di-gunakan sa-berapa segera kita dapat melaksanakan segala kerja² di-dalam Pejabat Kenderaan di-seluruh Tanah Melayu ini. Dan di-sini, Tuan Pengerusi, saya mengshorkan supaya peruntokan itu di-luluskan dan menjadikan sa-bahagian daripada jadual. Itu sahaja terima kasih.

Enche' Ramli bin Omar (Krian Darat): Dengan izin Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih. Tuan Pengerusi, saya bangun ini ia-lah hendak menunaikan hasrat saya ia-itu untuk menyokong penoh di-atas Rang Pembekalan bagi Kementerian ini yang mana saya nampak sangat berpatutan dan saksama. Saya menyokong penoh kapada Menteri Yang Berhormat ini yang telah menjalankan tugas-nya sa-bagai Menteri oleh kerana bukan sahaja beliau menjaga di-darat tetapi sa-bagai Menteri Pengangkutan juga beliau menjaga di-laut dan di-udara.

Pertama sa-kali saya suka hendak menyentoh ia-lah di-muka 534, Pechahan-kepala (9)—Penyelenggaraan Bangunan Pejabat. Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan di-sini ia-lah Pejabat Registrar and Inspector Motor Vehicles yang di-tengah² Ibu Kota Malaysia yang saya pergi baharu² ini di-Jalan Tuanku Abdul Rahman, ada-lah sangat memalukan kita sa-bagai sa-buah Ibu Kota Malaysia kerana saya pandang Pejabat itu tidak-lah sesuai mengikut keadaan masa sputnik kita sekarang ini dan patut-lah

di-chari satu tempat dan bangunkan Pejabat baharu untuk-nya. Jika kita nanti sampai ra'ayat merungut ambil duit tidak boleh lengah membayar chukai tetapi Pejabat-nya burok sahaja, tidak di-betulkan, entah apa yang di-buat akan duit itu kalau sa-kira-nya kita hendak lagi pejabat itu dalam masa lima atau sa-puloh tahun, Tuan Pengerusi, pada masa hadapan ini kena-lah kita bedakkan sedikit supaya berseri di-lihat orang. Kalau hendak di-ubah, Tuan Pengerusi, Pejabat R.I.M.V. itu bukan sahaja di-chadangkan di-Kuala Lumpur ini sahaja, Tuan Pengerusi, ia-itu Pejabat-nya dekat sa-kali dengan Menteri Yang Berhormat itu memandang . . .

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Minta penjelasan, saya rasa Tuan berchakap dengan Yang Berhormat itu ia-lah barangkali Pejabat Negeri Selangor punya, bukan Ibu Kota.

Dato' Haji Sardon: Saya minta bagi penjelasan. Sa-benar-nya Yang Berhormat itu di-dalam development atau pun pembangunan, saya telah dapatkan tapak tanah di-Petaling Jaya—pelan-nya sedang di-habiskan. Per-untukan lebih \$700,000 telah pun di-dapatkan chuma kita akan mulakan sahaja tetapi itu akan di-terangkan dalam pembangunan.

Enche' Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, saya faham itu apa kenya-taan Yang Berhormat tadi sa-benar-nya apa yang saya hendak sebut ambil daripada mula sebab saya pandang di-Pejabat itu saya hendak sebut negeri² lain begitu-lah Pejabat² R.I.M.V. ini selekeh sangat nampak-nya, jadi saya harap Yang Berhormat Menteri itu betulkan. Di-negeri Perak pun sendiri saya hendak sampaikan begitu, Tuan Pengerusi.

Yang satu lagi, Tuan Pengerusi, muka 534 juga Pechahan-kepala 10—Pentadbiran Pejabat. Apa yang saya dapati, Tuan Pengerusi, kalau kita bayar chukai Road Tax, Tuan Pengerusi, biar-lah di-ikhtiarkan dengan chara yang chepat dan mudah supaya tidak-lah sa-orang itu menunggu lama berdiri sahaja. Saya harap Menteri

Yang Berhormat ini memikirkan—menggunakan machine computer—ia-itu computer machine untuk menge-luarkan chukai Road Tax hendak membaharui lesen dan sa-bagai-nya.

Kita tengok sekarang ini, Tuan Pengerusi, kereta bertambah, banyak orang mempunyai lesen kereta entah berapa juta tentu mereka hendak menukar Road Tax dan Driving Lesen itu dengan sa-berapa mudah, chuba kita lihat mithal-nya, Tuan Pengerusi, katakan-lah sa-orang driver yang makan gaji hendak menukar lesen-nya yang telah mati itu dia menunggu sampai tiga jam dan apa pula akan di-katakan oleh majikan-nya nanti. Dengan ini-lah saya shorkan satu chara yang paling mudah dan lekas untuk sa-orang pergi mendapatkan lesen di-Pejabat R.I.M.V. ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya katakan tadi, kereta di-tanah ayer kita makin sa-hari sa-makin bertambah oleh dengan kemewahan ra'ayat yang di-dapati daripada Pentadbiran Kerajaan Perikatan dengan sampan burok-nya pun boleh memajukan ra'ayat, tidak tahu-lah saya kalau Negeri Kijang Emas itu, kalau sudah banyak emas begitu kalau tidak ma'mor, tidak tahu apa hendak di-buat-nya emas itu, chari-lah orang yang tahu menggunakan emas itu hendak di-buat apa. Apa yang menjadi masalah pada saya dalam Pentadbiran Pejabat ini, Tuan Pengerusi, tidak-lah ada Pejabat² untuk menukarkan lesen Road Tax di-buka di-bandar² yang ada atau boleh di-katakan mempunyai 1,000 kereta atau lebih dan juga di-satu tempat atau daerah yang mempunyai orang yang ada lesen kereta sa-banyak katakan-lah lima ribu orang. Memang susah, Tuan Pengerusi, kita hendak mengagakkan angka² ini, tetapi saya shorkan di-bandar² yang sesuai, yang di-fikirkan munasabah supaya orang² di-sana itu tidak payah menchari Pejabat R.I.M.V. berpuluh² batu jauh-nya. Saya fikir segala kemudahan patut-lah di-berikan kepada ra'ayat terutama sa-kali orang² yang mempunyai kereta yang sekarang ini saya dengar satu CC kekuatan enjen kereta itu di-chukai 10 sen dan kebanyakkan orang² kampung mempunyai

sa-kurang²-nya atau sa-kecil² kereta jenis Mini Car ia-itu yang 850 CC, chuba kita fikir, Tuan Pengerusi dan juga kebanyakan penduduk² di-luar bandar pada masa sekarang telah ada kenderaan rangan ia-itu seperti scooter atau motorcar, dan motor² cycle yang kecil untuk kemudahan mereka pergi ka-mana² tidak lagi zaman sekarang memakai kereta lembu. Pada masa perbahathan belanja Kementerian Perumahan dahulu sahabat karib saya daripada Kuala Trengganu Selatan, kalau tidak silap saya, Tuan Pengerusi, mengshorkan supaya lesen kereta lembu di-hapuskan di-Ibu Kota. Ini ada-lah satu²-nya yang menunujukkan negara kita sudah ma'mor kerana kebanyakan kenderaan sudah memakai enjen, oleh itu di-samping ra'ayat ma'mor dengan menggunakan kenderaan yang moden² jangan-lah pula lupa kita memberikan kesenangan kepada mereka untuk membayar chukai itu—ini kalau boleh untuk membayar lesen, Tuan Pengerusi, kita buat macham drive in Bank kita hulur tangan dari tingkap kereta kita kepada counter dan masa itu juga kita mendapat renewal lesen kita, tidak sampai pun 10 minit sudah siap.

Lagi satu muka surat 535 Pechahan-kepala (15)—Publicity. Saya tengok Tuan Pengerusi, papan tanda di-tepi jalan ini banyak sangat, terutama sa-kali papan tanda “No Parking” kadang² jalan tidak sampai panjangnya 100 ela dan berapa banyak papan tandan “No Parking” ini di-chachakkan, saya fikir kalau di-taroh line kuning sahaja berseh sedikit nampaknya.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, papan tanda Viaduct banyak sangat macham buah rambai. Chuba-lah Majlis Keselamatan Jalan Raya ini memberi fikiran supaya satu sahaja papan tanda di-letakkan di-situ untuk meliputi semua sa-kali tanda² yang ada di-situ.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, ia-lah Muka 568, Pechahan-kepala 4—Lesen dan Patil Kereta Motor. Apa yang saya hendak chakkan di-sini ia-lah supaya Kementerian ini berikhtiar agar banyak lagi orang² kita Melayu mempunyai plate—kalau

tidak dapat plate “A” atau “B” “C” pun chukup-lah.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya harap mana² company yang sudah ada bas itu, ada pula teksi, saya fikir elok-lah kita kensel sahaja plate teksi-nya, kerana memberi chan pada orang lain menchari makan. Ini, saya tengok ada bas, ada pula teksi-nya. Jadi biar-lah kita panjangkan plate itu kepada orang lain pula. Jangan-lah hendak bolot semua. Bas pun dia ada, teksi pun dia hendak bolot. Ini juga boleh menimbulkan kekeliruan, Tuan Pengerusi. Bila teksi lain mengambil sewa dari bas stop-nya, dia akan ambil nombor-nya dan saman. Dan kalau teksi-nya mengambil sewa dari bas stop-nya dia akan diam. Apa sebab? Sebab teksi dia punya. Saya fikir elok-lah di-kensel plate teksi yang company² bas yang ada mempunyai teksi itu.

Pada akhir sa-kali, saya suka hendak berchakap, Tuan Pengerusi, dalam S. 71—Pesuruhjaya. Di-dalam masaalah ini—masaalah yang ada di-hadapan kita berkenaan dengan perkara itu, pegawai² kanan dalam Jabatan Pesuruhjaya Kenderaan sangat-lah kurang. Ini bertentangan dengan dasar Kerajaan kita. Dan orang² Melayu—pegawai² kanan orang Melayu boleh kita bilang dengan jari. Kita hendak membimbing nasib orang² Melayu untuk mengambil bahagian di-dalam pengangkutan di-negara kita ini. Saya molek-lah saya mengshorkan supaya pehak Yang Berhormat Kementerian sendiri mengambil pegawai² Melayu sa-imbang dengan pegawai² lain yang ada dalam negeri kita ini. Jadi, ini-lah sahaja saya ingatkan. Ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, sa-kali lagi, tidak ketinggalan, saya menyokong Rang Perbe-kalan ini serta menguchapkan terima kaseh kepada Tuan Pengerusi, atas keizinan membenarkan saya berchakap dalam Majlis ini. Terima kaseh.

Datin Fatimah binti Haji Hashim (Jitra Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap di-atas Head S. 65 Kementerian Pengangkutan yang sedang di-kemukakan dan di-bahathan dalam jawatan-kuasa ini.

Tuan Pengerusi, di-sini suka saya menyampaikan satu masalah berhubung dengan perkara tuan² punya lori yang tidak membayar chukai jalan bagi lori²-nya, ia-itu road tax, seperti berikut. Tuan Pengerusi, saya perchaya Kementerian ini tidak sedar atau ketahu² bahawa ada-nya sa-tengah² tuan punya lori yang mempunyai berpuluh² buah lori yang sedang menggunakan jalan² raya di-kampung, di-daerah yang memberi peluang kepada mereka untuk menjalankan kerja konterek-nya, seperti mengangkat pasir atau tanah merah yang ada di-dalam daerah tersebut—berulang alek, berbelas² lori dengan tidak membayar chukai jalan tersebut. Saya tahu. Menteri yang berkenaan akan memberi jawapan mengatakan lori² atau apa² transport tidak di-kenakan bayaran chukai jalan, apabila menggunakan jalan² private. Ini saya tahu, Tuan Pengerusi. Tetapi macham mana jika lori² itu datang dari satu daerah yang lain? Seperti di-kawasan saya, pernah berlaku—datang daripada daerah Sungei Petani dan dapat-lah tuan punya lori itu mengerjakan konterek di-daerah Padang Terap yang jauh-nya lebeh kurang 60 batu—datang dan lalu menggunakan jalan raya besar sebelum masok menggunakan jalan kampung yang di-bena oleh penduduk² kampung atau pun melalui kawasan Kemajuan Luar Bandar, ini sedang berlaku, Tuan Pengerusi.

Bijak-nya si-tuan² lori ini—di-antara berpuluh² lori-nya, chuma di-bayar-nya tiga atau empat buah lori sahaja jalan tersebut. Dan membawa-lah lori²-nya yang tiada di-bayar lesen chukai jalan itu bergilir² menggunakan lesen dan nombor lori yang di-bayar chukai di-gantong kepada lori² yang tidak di-bayar chukai, dan di-bawa-nya masok ka-kampung, bekerja-lah menggunakan jalan orang kampung berulang-alek dengan bebas, Tuan Pengerusi. Di-sini, saya harap-lah Kementerian ini patut memikirkan hal² ini dan jika di-fikirkan atas pandangan saya ini memuaskan hati, maka saya harap langkah² akan di-ambil atas pandangan saya ini, demi kebaikan dan ke'adilan bersama. Terima kaseh.

Enche' Tai Kuang Yang (Kulim Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya berchakap di-atas S. 65, muka surat 534, Pechahan-kepala 9—Penyenggaraan Bangunan Pejabat.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang di-atas perkara ini, yang mana sa-buah bangunan Pejabat Pendaftar Motokar² di-Alor Star, yang di-gunakan untuk dua buah negeri ia-itu negeri Kedah dan Perlis. Tetapi, bangunan itu amat-lah mendukachitakan kerana sempit—tidak menchukupi untuk kerani² yang menjalankan tugas-nya. Tambahan lagi, tiap² hari di-masa pejabat kelihatan-lah berduyun² pelanggan yang membayar hasil menunggu di-luar bangunan² pejabat yang tiada ada tempat perlindungan. Tuan Pengerusi, dengan kedudukan yang jauh dari Selatan ka-utara Kedah, maka terdapat beberapa sungutan dari penduduk² di-Kedah Selatan khas-nya, ia-itu kadang²-nya hendak hantar bayaran² lesen kerap-kali terchichir yang mana tiada sampai ka-atas—dan tiada sampai ka-bawah. Ini-lah menjadi satu kerugian masa dan wang. Apabila kehilangan lesen itu, maka terpaksa-lah di-ishtiharkan untukENCHARI lesen² baharu pula. Saya mengeshorkan kepada pehak Kementerian ini, sa-kira-nya dapat di-adakan sa-buah pejabat khas-nya di-Kedah Selatan, atau, sa-kurang²-nya kerani untuk mengutip hasil² lesen bagi tiap² bulan atau dua bulan sa-kali. Saya harap Kementerian mengambil perhatian. Sekian, terima kaseh.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin berchakap sedikit di-dalam S. 71, muka surat 565, 533, Butiran (1), (5), (2) dan (7). Tuan Pengerusi, saya satukan butiran ini ia-lah kerana masaaalah ini ada kait-mengait dan hubongan-nya dengan butiran² yang saya telah nyatakan sa-kejap tadi. Tuan Pengerusi, bila kita mendengar Menteri yang berkenaan ini mengemukakan perbelanjaan Kementerian-nya, maka amat-lah tertarek hati saya dalam satu ayat yang mengatakan—menggalakkan orang² Melayu mengambil bahagian chergas di-dalam soal lesen pengangkutan. Tuan Pengerusi, sukachita saya menyampaikan bahawa

ada sa-orang di-tempat saya yang bernama Suleiman bin Haji Saman—dengan murah hati Menteri ini telah pun meluluskan satu lesen Van yang mendapat permit “C”. Dan orang ini telah pun mula menjalankan perusahaannya pada tahun 1963.

Beberapa bulan kemudian orang ini telah pula memohonkan Lesen B kerana hendak membesarkan perusahaannya perniagaan-nya itu. Hasil daripada permohonan hendak menaikkan daripada C kepada B ini, maka pehak Pengawal atau pun Pelesen ini telah pun meminta rekod pada orang itu. Apa kala orang itu telah menyampaikan rekod² perjalanan-nya maka didapati di-dalam perjalanan-nya itu ada-lah bertentangan dengan syarat pengangkutan yang telah di-benarkan kapada-nya itu. Jadi apa yang saya minta dan merayu kepada Menteri yang berkenaan ini, ma'alum sahaja-lah orang kampong baharu dia dapat satu lesen pengangkutan maka dia tidak begitu faham tentang perjalanan-nya itu. Maka dengan tulus ikhlas walau pun bertentangan dengan syarat² atoran peratoran pengangkutan yang telah di-benarkan kapada-nya itu, tetapi di-beri atau pun di-hantar-nya kapada pehak yang berkenaan. Hasil daripada itu, Tuan Pengerusi, maka perkara atau pun masalah itu telah di-bawa kapada Lembaga Pelesen. Dan timbul-lah surat-menyurat di-antara pehak tuan punya lesen itu dengan Pendaftar dan Pemereksa Kereta² dengan Pengawal dan dengan Setia-usaha Kementerian yang berakhir-nya dengan mendapat satu jawapan daripada Menteri yang berkenaan itu, Tuan Pengerusi, saya pohon izin membacha-nya.

“Road Traffic Ordinance tahun 1958, Section 130, sa-telah membacha hujjah² ulang bichara yang di-kemukakan oleh Enche' Sulaiman bin Haji Saman, Kampong Chegar, Batang Pasir Akar, Besut, Trengganu, mengenai perintah Pengerusi Lembaga Pelesen Pengangkutan Jalan Raya membatalan lesen pengangkutan No. 079176 C. 16869 dan sa-telah menimbangkan laporan dan kenyataan² perbicharaan serta hujjah² keputusan yang di-buat oleh Lembaga Pelesen Pengangkutan maka Menteri Pengangkutan sa-telah memutuskan pertimbangan ulang bichara itu mengeluarkan perintah ia-itu ulang bichara itu di-tolak. Bertarikh hari ini 21hb Ogos, 1965.”

Jadi di-dalam surat-menyurat-nya itu, Tuan Pengerusi, pehak pemegang lesen ini telah pun meminta ma'af oleh kerana kejahilan-nya dan surat²-nya itu atau pun dokument-nya itu ada pada saya. Tetapi nampak-nya keras benar pehak pengangkutan ini, orang yang baharu mendapat lesen sampama itu belum pun memahami perkara yang sa-benar-nya, minta ma'af pun tidak di-ma'afkan, langsung-lah lesen-nya itu di-batalkan. Jadi, Tuan Pengerusi, kalau bagini-lah chara-nya walau pun soal pengangkutan atau pun lesen ini terchatit di-dalam Perlembagaan dan Menteri yang berkenaan itu sa-kejap tadi, sa-bagaimana saya katakan hendak menggalakkan, tetapi kalau peratoran dan syarat² ini terlampau ketat begitu, saya yakin dan perchaya-lah harapan Kerajaan Perikatan, harapan Menteri yang berkenaan, dan harapan ra'ayat tidak sampai kapada matlamat yang di-tuju atau pun yang di-kehendaki. Jadi saya merayu-lah supaya memberi pertimbangan yang saksama di-atas rayuan ra'ayat atau pun rayuan bangsa Melayu yang chuba hendak menjalankan perusahaannya perniagaan-nya di-dalam soal pengangkutan ini.

Tuan Pengerusi, saya suka pula hendak menyentoh berhubung dengan perkara (9) juga ia-itu Pembantu Lesen Pengangkutan dan saya yakin dan perchaya bahawa pehak Menteri yang berkenaan ini telah pun mengetahui ia-itu satu tempat di-kampong Rahmat Chalok di-Besut, orang² di-situ telah pun berpakat saya fahamkan tiga orang daripada-nya memohon satu “permit teksi” di-situ, dan sa-sudah bersoal jawab, bertemu ramah, maka telah di-luluskan kapada orang yang bertiga itu. Sa-sudah kelulusan diberikan maka ada syarat memberi peluang lagi kapada orang lain untuk membuat bantahan maka timbul-lah beberapa bantahan langsung-lah kelulusan itu di-tarek balek dan saya fahamkan pehak Kementerian Pengangkutan mengeshorkan supaya di-buat Sharikat. Tuan Pengerusi, rasa saya soal membuat Sharikat ini sapintas lalu memang baik, tetapi untuk melaksanakan Sharikat² itu amat-lah sulit-nya dan sa-panjang yang saya tahu sampai sekarang ini pun belum

lagi dapat orang² di-tempat itu menubuhkan Sharikat dan saya harap-lah kalau pehak orang ramai di-situ sudah tidak dapat menubuhkan Sharikat maka di-kembali balekkan kelulusan yang telah di-luluskan itu.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak sebut sedikit berkenaan dengan soal perkhidmatan keretapi bagaimana yang telah di-terangkan oleh Menteri yang berkenaan ini sa-kejap tadi. Saya suka menyampaikan di-dalam Rumah yang mulia ini tiap² orang Ahli² Parlimen telah di-beri pas keretapi (a) bahagian diri-nya sendiri, dan (b) kepada isteri dan orang yang ada mempunyai urusan dengan-nya berhubung dengan perkara urusan Parlimen. Jadi yang mendukacitakan saya, Tuan Pengerusi, dalam soal ini saya tidak tahu-lah perkara ini datang arahan daripada pehak Kementerian atau pun daripada mana, bila sa-sorang itu telah memegang pas keretapi itu dan telah ada authority-nya yang di-beri oleh saya dan saya sendiri menyainkan authority-nya itu, apakala sampai ka-atas keretapi, maka guard itu pun bertanya kenapa authority ini tidak di-chap.

Tuan Pengerusi, sa-panjang pengetahuan saya Ahli Parlimen tidak di-beri satu chap rasmi oleh pehak Parlimen atau pun pehak Kerajaan. Jadi chuma-nya ada orang² yang membuat sendiri chap itu. Jadi saya rasa kalau-lah pehak Parlimen atau pun pehak Kerajaan telah memberi chap yang rasmi maka saya tidak chap itu boleh di-katakan melakukan satu perbuatan yang tidak betul, tetapi tidak demikian. Perkara yang telah berlaku dua kali di-dalam sidang Parlimen ini pada kali yang pertama-nya satu orang saya telah berjalan dari Kelantan ka-Kuala Lumpur ini pada 13-11-65 sampai sa-paroh jalan di-paksa orang itu dan di-kerumuni oleh guard itu macham hendak di-telan di-ugut-nya orang itu bermacam² hendak di-bawa ka-polis dan bermacam² dan langsung-lah orang itu terpaksa membayar tambang keretapi itu walau pun orang itu mempunyai pas dan surat kebenaran yang saya telah tanda tangani.

Dato' Haji Sardon: Kalau dapat nombor guard itu dan nama-nya lebih

senang kita menyiasat-nya. Haribulan sudah ambil.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, kad itu ia-lah B 6023.

Dato' Haji Sardon: Nombor Guard yang memeriksa ticket itu.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Pengerusi, ma'alum sahaja-lah orang kampung mana-lah dia hendak jaga nombor guard itu tetapi

Dato' Haji Sardon: Nombor-nya terbentang di-dada dia itu.

Enche' Mohd. Daud bin Abdul Samad: Ya, ya, itu saya faham, tetapi orang kampung boleh jadi orang itu tidak pandai membacha walau pun telah ada Kelas Dewasa, barangkali harus belum lagi pandai membacha dan dia tidak tahu hendak menjaga sampai bagitu. Itu 13hb November telah berlaku satu kali; dan sa-malam isteri saya sendiri bertolak dari Kuala Krai dan dalam perjalanan-nya itu pula di-kerumuni pula oleh guard² itu dan memaksa isteri saya supaya membayar wang, kalau tidak kata-nya akan di-bawa jumpa dengan Master Keretapi di-sini, ka-Kuala Lumpur ini. Jadi isteri saya kata, tuan boleh bawa ka-mana yang tuan hendak adukan saya. Sebab saya ada mempunyai authority; saya ada mempunyai pas ini dan suami saya berada di-Kuala Lumpur, boleh-lah hendak di-bawa ka-mana pun. Jadi saya rasa kalau-lah macham ini chara pertadbiran orang² di-dalam keretapi itu maka ada baik-nya pehak Parlimen atau pun pehak Kementerian ini menarek balek sahaja pass itu supaya tidak malu.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya hendak sebut, ia-lah soal Kajichuacha. Saya tidak faham soal ini dan ini-lah fahaman yang saya dapat. Saya harap dapat Menteri yang berkenaan menerangkan. Ada-kah pehak pegawai Kajichuacha ini dapat tahu bahawa banjir besar akan sampai ka-Trengganu atau pun ka-Kelantan? Saya rasa kalau pehak Kajichuacha ini tahu sapatut-nya-lah di-beri amaran awal²

kapada orang² di-sana supaya berpindah atau pun mengangkat barang²-nya itu atau pun membawa lembu kerbau-nya itu ka-atas bukit atau pun tempat yang lebeh tinggi. Tetapi nampak-nya tidak ada amaran, tup² orang itu tenggelam begitu sahaja. Jadi ini, Tuan Pengerusi, saya harap dapat penerangan dan penjelasan daripada pehak Menteri ini. Dan kalau belum chukup alatan² atau pun pakar² di-dalam Jabatan ini tolong-lah adakan, sebab soal ini ada-lah soal besar yang menenggelamkan ra'ayat menghabiskan harta benda yang bermilion². Sekian, Tuan Pengerusi.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor):

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian berchakap atas S. 71 muka 568, Pechahan-kepala 4, Lesen dan Plate Kereta Motor Car ya'ani yang saya tujukan kepada Kementerian Pengangkutan. Ia-itu dalam perkara menambah lesen² kereta sewa. Saya faham mengapa Kerajaan menghadkan bilangan kereta² yang berjalan di-dalam satu² kawasan, kerana jika di-tambah daripada jumlah yang telah di-tentukan mungkin menu-tup mata pencharian pemandu² kereta sewa yang telah di-daftarkan.

Tetapi saya suka memberikan sedikit pandangan di-dalam hal ini. Kerana saya telah nampak ada tempat² atau kampung² yang langsung tidak ada mempunyai kereta sewa yang tetap berulang alek di-kampung itu yang mana penduduk²-nya sangat memerlukan kenaikan. Umpama-nya di-Kampung Majidee Baru di-Johor Baharu. Sa-takat ini belum ada lagi perjalanan bas di-sana sedangkan jumlah penduduk²-nya lebeh daripada 1,500 orang. Dan saya memandangkan berapa mustahak-nya ada sa-kurang² kereta sewa yang di-punya'i oleh salah sa-orang daripada penduduk² yang bermustautin di-kampung tersebut. Ada-lah keperluan kechemasan yang terjadi di-waktu tengah malam dini hari, terutama sa-kali kesulitan bagi pehak kaum² ibu yang memerlukan kereta untuk di-hantar ka-rumah sakit.

Sa-lain daripada itu saya berpen-dapat dengan terlalu menghadkan

bilangan kereta² sewa yang di-daftar ada-lah dengan tidak sa-chara lang-song kita telah menggalakkan ada-nya bilangan taxi private yang bukan sahaja mengganggu mata pencharian kereta² sewa yang halal, bahkan tidak mendatangkan apa² faedah kapada pehak Kerajaan. Dari itu jika sa-kira-nya kita mahu betul² ada kampung² yang sangat memerlukan kereta² sewa khas-nya bagi penggunaan penduduk²-nya, apa-lah salah bagi Kementerian Pengangkutan menambahkan lagi lesen kereta bagi kawasan² yang memerlukan. Sebab Kerajaan juga boleh mendapat faedah daripada bayaran chukai-nya daripada di-biarkan taxi private yang berleluasan menggunakan peluang tersebut dengan tidak payah mereka membayar chukai kapada Kerajaan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian berchakap di-dalam kenderaan juga, sa-muga Kementerian yang berkenaan dapat memberikan sedikit perhatian dalam perkara yang hendak saya kemukakan.

Ia-itu sa-tahu saya hingga pada masa sekarang apabila orang² kita di-Malaysia ini membeli kereta sa-barang apa sahaja jenis-nya di-Singapura dan yang sudah di-daftarkan nombor lesen di-sana, maka orang² ini tidak payah atau tidak di-kenakan lagi bayaran apa² saperti lesen dan sa-bagai-nya, tetapi mereka membawa balek kereta-nya ka-Malaysia ka-mana sahaja untuk di-gunakan di-dalam kawasan negara Malaysia. Tetapi bagi peratoran yang di-jalankan di-Singapura nampak-nya berlainan sa-kali. Kerana barang siapa juga yang membeli kereta di-dalam kawasan Malaysia ini apabila mereka membawa balek atau menggunakan kereta itu di-mana juga di-dalam kawasan negeri Singapura, maka lesen² atau nombor² kereta yang di-daftarkan di-Malaysia ini tidak di-benar di-gunakan di-Singapura. Dan tuan² punya kereta itu di-wajibkan pula mengambil lesen² baharu ya'ani kereta² mesti-lah di-daftarkan sa-mula di-Singapura. Saya rasa tindakan Kerajaan Singapura itu ia-lah untuk menambahkan hasil negeri-nya. Jadi mengapa kita di-Malaysia tidak mahu berbuat demikian, demi kepentingan negara kita pula.

Sebab kalau peratoran yang sa-umpama ini kita jalankan di-Malaysia, saya perchaya kita akan mendapat dua kali faedah-nya. Yang pertama menambahkan hasil negara. Yang kedua, menggalakkan ra'ayat Malaysia membeli kereta² yang di-jual di-Malaysia ini. Sa-lama ini, saya tahu memang-lah di-Singapura nampak-nya ada orang² kita Malaysia membeli segala rupa kenderaan, ta' mengapa-lah yang terdahulu itu; kerana Singapura di-ketika itu menjadi sa-bahagian daripada wilayah Malaysia. Tetapi hari ini keadaan tidak saperti dahulu lagi. Kalau Kerajaan Singapura telah banyak mengubah peratoran negara-nya kerana perasingan dari Malaysia, maka kita juga berhak melakukan demikian pada tempat² yang di-fikirkan mustahak di-lakukan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berchakap dalam perkara Penerbangan Awam, S. 66 Pechahan-kepala 7. Saya sunggoh berasa bangga di-atas usaha Kementerian Pengangkutan mengenai pembangunan Lapangan Terbang di-Subang yang menjadi kemegahan kapada negara kita, kerana chantek dan besar-nya. Tetapi ada sedikit yang mendukachitakan mengenai bangunan itu tidak melambangkan bentok rupa yang berchorakkan rupa bentok Malaysia. Pada hal negara kita ini mempunyai kebudayaan² yang tertentu, yang boleh menjadi lambang peribadi bangsa kita yang telah merdeka dan berdaulat.

Di-samping itu keadaan bangunan tersebut ada-lah merupakan keindahan yang sesuai di-gunakan kapada negara yang jarang di-alami oleh hujan, berlainan dengan negara kita. Dan tidak sesuai dengan iklim tanah ayer kita, yang selalu di-turuni oleh hujan. Manakala hujan, ayer telah masok kapada serambi (di-gallery) ia-itu tempat orang ramai menunggu dan memerhati kapal yang pergi balek. Maka perbelanjaan yang bermilion² ringgit itu nyata-lah tidak melengkapi atau tidak sesuai dengan keadaan yang tersebut. Saya berchakap ini ia-lah memikirkan keadaan negara kita supaya sa-barang perbelanjaan yang di-keluarkan jangan-lah sampai tidak memuaskan hati.

Sa-lain daripada itu suka-lah saya membawa pandangan sadikit. Bahawa saya berchakap ini bukan-lah kerana sentimen perkauman atau juga di-sebabkan suatu yang lain. Saya berchakap ini ia-lah memandangkan keadaan negara kita dan perjuangan kita sendiri meski pun zaman ini adalah zaman perubahan. Tetapi hendak nya jangan-lah sampai perubahan itu mendatangkan kerugian dan menghilangkan langsung keagongan keperibadian bangsa kita dan tanah ayer kita, mithal-nya, bangunan Lapangan Terbang Subang, mungkin orang² luar akan menyangkakan bahawa Subang bukan kebudayaan negara kita di-sebabkan sadikit pun tidak melambangkan keperibadian dan tanah ayer serta bangsa kita.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Dato' Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sadikit. Dato' Pengerusi, saya mula²-nya mengalu²kan ucapan Yang Berhormat Menteri, yang mana telah pun menyatakan beberapa kemajuan yang telah pun di-laksanakan dan yang akan di-laksanakan. Saya pun turut berasa bangga juga di-atas Lapangan Terbang yang baharu ini. Chuma saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat mengenai lampu tepi jalan. Kalau kita hendak pergi ka-Lapangan Terbang Subang, sa-lepas sahaja kawasan Petaling Jaya, kita dapati gelap gelita sahingga kita sampai ka-lapangan terbang. Dengan ini saya harap pehak Kementerian ini bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya supaya memasang lampu tepi jalan kerana kalau orang daripada luar datang ka-negara kita ini manakala mereka naik taxi, mithal-nya, manakala lepas sahaja kawasan lapangan terbang di-dapati terlampau gelap dan gelita, mereka pun merasa bimbang, takut driver taxi-kah, penyamun-kah, penchuri-kah atau pun perbuatan² yang tidak sempurna.

Saya harap Yang Berhormat memerhatikan perkara ini untuk memperbaiki lagi kedudukan lapangan terbang yang begitu punya elok dan endah. Saya menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat mengenai penerangan-nya mengadakan wang

dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama sa-banyak \$4.6 juta kerana memperbaiki jalan raya dan mengadakan jalan baharu ka-Dermaga dalam Butterworth. Dan dalam ucapan saya yang dahulu saya minta perhatian Yang Berhormat supaya mengadakan satu peruntokan khas untuk menyediakan lapangan untuk perhentian bas, taxi dan kereta² private untuk orang² yang akan menggunakan steshen keretapi di-Meriam Timbul dan juga penompang² peri. Saya dapat tahu bahawa tidak ada peruntokan yang di-buat untuk menyediakan lapangan ini. Saya harap Yang Berhormat akan mengambil perhatian yang berat di atas perkara ini peri mustahak-nya di-adakan lapangan yang sa-macam ini bagi kemudahan penompang² kereta bas dan taxi. Sa-kira-nya tidak di-adakan atau tidak di-buat persediaan mengadakan lapangan tempat perhentian bas, taxi dan kereta², kerumitan yang besar akan timbul manakala steshen keretapi itu sudah siap.

Saya juga tertarek hati di-atas ucapan Yang Berhormat mengenai kemajuan pengambilan bahagian orang² Melayu dalam perusahaan pengangkutan sa-bagaimana yang di-terangkan, berapa banyak permit A, permit B dan permit C yang telah pun di-beri kapada orang² Melayu—orang² Melayu yang champor dengan yang lain². Saya harap Yang Berhormat akan buat satu rancangan jangka panjang, kata-lah 10 tahun. Sekarang ini di-banchikan berapa banyak permit A yang di-punyaï oleh orang bukan Melayu, dan berapa yang di-punyaï oleh orang Melayu, berapa banyak permit B yang di-punyaï oleh orang bukan Melayu dan berapa yang di-punyaï oleh orang² Melayu, dan juga permit C. Dengan sa-chara jangka panjang 10 tahun mithal-nya dapat kita sa-imbangkan pemilek permit² ini dan sa-lepas itu baharu-lah di-buka kapada siapa juga yang di-fikirkan mustahak. Kerana kalau di-adakan satu quota yang sa-macam itu, mudah-lah bagi pemohon² daripada orang Melayu meminta permit² ini. Kadang² saya dapati manakala sa-orang Melayu memajukan permohonan-nya, beliau terpaksa berbichara dengan orang² yang telah

mahir—orang² yang telah maju, orang² yang ada wang untuk menggunakan peguam berlawan dengan orang Melayu. Jadi, dengan sa-chara ini kalau orang Melayu itu tidak dapat memberi keterangan yang jelas maka hampa-lah hati-nya. Boleh di-adakan quota supaya kalau permohonan itu untuk orang Melayu, biar orang Melayu sahaja datang bichara dan yang mana yang patut di-beri kapada orang Melayu. Jadi dengan chara ini dapat-lah kita sa-imbangkan dalam masa 10 tahun saperti saya sebutkan tadi.

Mengenai perkhidmatan keretapi ada langkah² akan di-ambil untuk memperbaiki-nya. Jadi saya ingin-lah menegor sadikit. Pada masa sekarang ini perjalanan keretapi tidak memuaskan. Perjalanan-nya daripada Kuala Lumpur ka-Prai mithal-nya, lebeh kurang 230 batu, mengambil masa sahingga 10 jam. Tetapi kalau kita perhatikan perkhidmatan keretapi di-negara² lain saya ingat tidak sampai pun 8 jam kerana saya dapati steshen² tidak-lah begitu kerap sangat keretapi patut berhenti. Dan juga masa perhentian—manakala Mail Train itu berhenti tidak lebeh daripada 2 minit. Tetapi perkhidmatan keretapi kita di-sa-tengah tempat dia berhenti sampai 15 minit, kadang² sampai sa-tengah jam. Jadi macham mana-kah yang kita boleh anggapkan perkhidmatan ini, keretapi mail boleh bertolak daripada Kuala Lumpur daripada pukul 11 malam sampai di-Prai pukul 7 pagi dan dapat-lah ahli² pedagang² kita, orang² perniagaan, orang² yang ada urusan—menguruskan perkara perusahaan dan perkara perusahaan mereka dan balek ka-Kuala Lumpur pukul 11, malam sampai di-sini pukul 7, pagi juga ada sempat pergi ka-pejabat dan juga orang² yang ada perusahaan di-Pulau Pinang bagitu juga; saya ingat boleh di-chepatkan lagi jikalau masa berhenti itu tidak bagitu lama saperti mana yang saya dapati di-negara² yang maju.

Saya ingin berchakap atas Kepala 65, Butiran (15), Dato' Pengerusi, seranta Majlis Keselamatan Jalan Raya. Pada tahun ini ia-itu tahun 1965 peruntokan di-buat sa-banyak \$21,100,

tahun 1966 \$21,100. Mengenai laporan yang di-berikan oleh Yang Berhormat, kemalangan jalan raya bertambah. Kereta² yang di-keluarkan lesen banyak chukai yang akan di-pungut, saya ingat nombor dua banyak-nya lebih daripada 80 juta ringgit. Peruntukan hal ehwal keselamatan jalan raya chuma \$21,100. Jadi, saya harap-lah kepada Kementerian ini supaya membuat peruntukan lebih lagi daripada yang ada ini, Dato' Pengerusi, kalau di-banding dengan negara² yang maju, England mithal-nya, sa-hingga £80,000 peruntukan di-buat sa-tahun. Jauh beza-nya, jadi dengan ada-nya \$21,000 ini, 13 buah negeri, kalau di-satu² negeri di-agehkan, chuma \$1,500 sahaja yang dapat. Apa-kah yang hendak di-buat dengan wang sa-banyak \$1,500 oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya bagi sa-sabuah negeri.

Saya berasa sangat dukachita kerana saya sa-orang daripada ahli Majlis Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang ta' dapat kami buat kerja² dan ranchangan² untuk menolong Kerajaan, atau Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sendiri bagi mengurangkan kejadian kemalangan jalan raya. Jikalau ada peruntukan ini lebih, dapat-lah Ahli² Jawatan-kuasa Majlis itu membuat ranchangan² dengan chara meminta bantuan daripada lain² lagi untuk memberi, membuat satu kempen supaya tiap² orang yang menggunakan jalan raya dan pemandu² kereta di-beri dengan sa-penoh² keterangan bagaimana hendak mengelakkan daripada kemalangan dan lain². Ini ada-lah satu perkara yang sangat mustahak dari segi menyelamatkan jiwa sa-saorang yang menggunakan jalan raya.

Yang akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya menarek perhatian kepada muka 565, S. 71, Butiran (13)—Penguji Drebar Sementara. Perkara ini tiap² tahun di-bawa ka-dalam Dewan Yang Berhormat ini mengenai perkhidmatan—penguji drebar. Di-sini saya dapat 34 orang penguji drebar sementara, tahun 1966 pun 34 orang penguji drebar sementara. Saya ingin tarek perhatian Yang Berhormat Menteri chuba-lah dengan sa-berapa boleh-nya, buat perkhidmatan ini sa-bagai perkhidmatan tetap, chari-lah orang² yang ber-

kebolehan supaya mereka ini berkhidmat sa-bagai sa-orang kaki tangan Kerajaan yang tetap bukan sa-bagai sa-orang kaki-tangan yang sementara—ma'alum-lah orang bekerja dengan Kerajaan dengan chara sementara, beliau tentu-lah berasa diri-nya itu ta' tetap. Kalau saya hendak berkhidmat harus satu bulan lagi di-buang kerja, harus sa-tahun lagi di-buang kerja dengan penchen ta' dapat, dengan kemudahan lain² ta' dapat, maka dengan chara macham itu lubang² chara menerima rasuah akan terbuka. Jadi, ta' payah saya cheritakan, Yang Berhormat Menteri pun dapat tahu beberapa banyak pengaduan² Yang Berhormat itu terima sendiri.

Saya harap Yang Berhormat mengambil langkah, beri peluang kepada orang² yang ada kebolehan untuk berkhidmat sa-bagai kaki-tangan yang tetap berkhidmat kepada Kerajaan mengikut tangga gaji yang patut. Dengan chara yang sa-macham ini orang² yang demikian itu akan bekerja dengan sa-penoh minat, dengan penoh tanggong-jawab, maka dapat-lah di-elakkan daripada peluang² orang memberi rasuah, atau orang beri tumbok rusok kepada mereka ini dan dengan chara yang macham itu, tiap² orang yang hendak pergi di-uji sa-bagai sa-orang pemandu, maka ujian yang sa-benar²-nya, yang sa-baik² ujian yang di-buat ka-atas orang yang macham itu. Sa-kira-nya ujian tidak di-beri kepada orang yang meminta lesen sa-bagai pemandu yang sa-patut-nya di-buat dengan kata orang China "chinchai²" sahaja sebab itu-lah kemalangan jalan raya ini berlaku banyak. Saya berharap Yang Berhormat Menteri, kalau boleh, ambil-lah perhatian di-atas ucapan saya itu supaya memberi peluang kepada orang² yang berkelayakan menjawab jawatan ini sa-bagai perjawatan yang kekal saperti kaki-tangan Kerajaan yang lain, terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Belanjawan yang di-buat untuk Kementerian Pengangkutan. Saya ingin memberitahu kepada Menteri Pengangkutan, ia-itu keretapi mail daripada

Pulau Pinang ka-Kuala Lumpur yang patut sampai di-Kuala Lumpur pada jam 7.10 minit pagi ini tiba ka-Station Kuala Lumpur 12.25 minit, ia-itu 5 jam lebih lewat daripada yang di-tetapkan untuk jadual perjalanan yang ada bagi keretapi ini. Jadi ini di-sebabkan ada tanah runtuh di-selatan Ipoh. Pada tahun sudah juga telah ada landslide, atau pun tanah runtuh yang sa-macam ini. Jadi, ini telah jadi satu perkara biasa yang mana saya fikir Kementerian tidak lagi fikir patut di-chari jalan supaya perkara yang sa-macam ini ta' jadi lagi. Saya perchaya natural catastrophe macam ini, boleh di-katakan tidak dapat di-elakkan, tetapi negeri² lain di-mana ada tanah yang sa-macam ini juga, langkah telah diambil supaya perkara yang sa-macam ini tidak jadi selalu oleh kerana hujan. Saya perchaya Yang Berhormat Menteri tentu-lah akan mengambil perhatian yang berat berkenaan dengan perkara ini supaya pada masa² ka-hadapan kita tidak akan mendengar lagi, ia-itu keretapi mail daripada mana² terlewat, oleh kerana tanah runtuh, atau pun lain² kemalangan.

Yang kedua, berkenaan dengan keretapi ini ia-lah sunggoh pun kita sekarang ada di-dalam dunia yang morden di-mana perkataan "Express Train" itu telah menjadi satu perkataan yang semua orang tahu, tetapi di-Malaysia ini belum lagi ada "Express Train", chuma kita ada mail train, ia-itu keretapi yang membawa mail. Jadi, bukan-lah berma'ana yang keretapi ini berjalan dengan deras. Saperti mana Yang Berhormat yang baharu sa-bentar tadi berchakap, keretapi daripada Pulau Pinang ka-Kuala Lumpur dan balek ka-Pulau Pinang ini mengambil lebih kurang 10 jam untuk berjalan sa-jauh 250 batu. Saya perchaya Yang Berhormat Menteri telah pun pergi ka-negeri Jepun di-mana ada keretapi yang berjalan sa-laju 130 batu satu jam. Ini berma'ana kalau keretapi daripada Jepun di-bawa ka-sini maka daripada Kuala Lumpur ka-Pulau Pinang—chuma kita mengambil masa dua jam. Saya tidak perchaya-lah di-dalam samor hidup Ahli² Dewan ini kita akan dapat berjumpa dengan keretapi yang sa-macam itu walau pun Yang Ber-

hormat Menteri berusaha, tetapi saya fikir daripada 10 jam sampai dua jam ini kalau boleh kita kurangkan sedikit, kita boleh-lah panggil keretapi mail kita itu express train.

Yang menyusahkan hati saya ini ia-lah dengan kerana kita ini berhenti di-dalam station² terlampau lama dan pada satu tempat ia-itu perenggan antara Penang dengan Perak, ada dua station ia-itu satu di-saberaang Selatan Sungai, satu di-saberaang utara dan keretapi mail berhenti di-kedua² station ini. Ini dengan kerana jadual waktu yang di-ikut ia-lah jadual waktu di-masa kita dahulu ada Customs Barrier di-tempat itu. Jadi patut-lah orang yang hendak turun di-Perak turun di-Perak dan yang hendak turun di-sabelah Penang turun sa-belah Penang. Ini chuma perjalanan menyeberang satu jambatan sahaja. Jadi saya fikir tidak payah-lah kita berhenti di-kedua² tempat ini, kita boleh berhenti di-mana² satu station sahaja dan kalau ada orang daripada pekan yang lagi satu itu yang ingin menggunakan express train ini, boleh-lah mereka ini naik kereta motokar atau naik teksi atau pun jalan kaki pergi ka-station yang satu lagi. Bagi diri saya pun kalau hendak naik express train mesti-lah naik motokar sa-kurang²-nya 60 batu baharu-lah naik express train atau pun mail train. Saya fikir orang² di-sabelah Parit Buntar kalau hendak kena naik motokar sa-kejap sahaja tentu-lah mereka tidak akan mengadu kepada Menteri.

Saya perchaya yang tidak dapat kita jalankan mail train atau express train ini ia-lah dengan kerana kita chuma ada satu line di-sapanjang jalan. Saya tidak perchaya kita boleh belanja sunggoh pun ada dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama ini ia-itu kita akan menggunakan sa-banyak \$20 juta untuk memberi perkhidmatan keretapi ini yang lebih baik lagi, saya tidak perchaya kita dapat mengadakan dua lines, tetapi kalau kita tidak dapat adakan dua track sa-panjang jalan daripada Penang sa-hingga ka-Kuala Lumpur, sa-kurang²-nya kita adakan dua tracks ini di-mana² tempat yang ikut jadual waktu patut kereta² api itu berselisih. Maka dengan chara ini

dapat kita adakan satu keretapi yang boleh jalan dengan chepat lagi. Saya fikir kalau kita berusaha bersungguh² tentu-lah dapat kita sa-kurang²-nya mengurangkan masa 10 jam itu kepada 8 jam atau pun 7 jam. Ada tempat² pula yang keretapi ini berjalan 5 batu sa-jam ikut dia punya sign board di-situ. Ini saya tahu-lah oleh kerana tanah di-situ kurang baik dan patut-lah keretapi itu berjalan 5 batu sa-jam. Jadi di-negeri² lain juga saya perchaya, ada tanah yang sa-macham ini dan kalau mereka itu chuma mengikut keadaan tanah, maka keretapi itu selalu-lah berjalan 5 batu sa-jam. Tetapi saya perchaya di-negeri² lain mereka itu telah mencari jalan supaya keadaan tanah tidak menyekatkan keretapi express daripada berjalan dengan pantas.

Satu lagi perkara yang saya telah kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri pada tahun sudah, ia-lah berkenaan dengan teksi² yang ada di-Railway Station, Kuala Lumpur. Pagi² kalau orang yang menggunakan kere-tapi sampai di-Railway Station, Kuala Lumpur, ada berator lebih kurang 6, 7 buah teksi. Teksi ini sahaja-lah yang di-benarkan mendekati Railway Station, teksi yang lain tidak di-benarkan. Saya tidak tahu-lah fasal apa, barangkali bukan station dia di-situ. Tetapi kalau hendak naik teksi lain kena berjalan sedikit sa-belah baharu-lah dapat naik teksi yang lain. Tetapi yang bawa beg pergi ka-jalan yang menyusahkan orang² yang menggunakan teksi ini ia-lah dengan kerana teksi-nya sedikit orang-nya banyak dan driver² teksi ini yang pada fikiran saya terdiri daripada Pakistani yang kebanyakan-nya mereka ini memileh, bukan kita yang memileh teksi, tetapi mereka ini memileh orang yang hendak naik teksi. Kalau di-tanya hendak pergi ka-mana, katakan-lah hendak pergi ka-Malay Street, dia tidak kata apa pun, dia perhati ka-tempat lain sahaja, chari orang lain, tidak kata tidak, tidak kata boleh, chuma perhati ka-orang lain. Kalau ada orang lain yang hendak naik yang pergi jauh lagi, baharu-lah di-ambil-nya atau pun kalau kita kata Malay Street saya bayar satu ringgit, 'Ah boleh', tetapi kalau dia jalan dua tiga kaki, ada orang

lain lagi dia berhenti tanya, ajak naik lagi. Jadi bukan-lah dapat kita sewa sa-buah teksi tetapi di-sewakan satu tempat duduk sahaja. Jadi perkara yang sa-macham ini, saya telah terangkan kepada Menteri Yang Berhormat pada tahun sudah dan saya bawa perhatian Yang Berhormat Menteri ia-itu di-lain² tempat biasa-nya teksi² yang datang ka-tempat² yang sa-macham ini kapada air terminus atau pun lapangan terbang atau pun ka-Railway Station, selalu-lah mesti queue atau pun berator dan tiap² orang yang ingin menggunakan teksi juga berator dan siapa yang dahulu dapat-lah teksi yang dahulu dan tidak dapat di-pileh² lagi. Saya harap supaya Yang Berhormat Menteri dapat memulakan chara yang sa-macham ini sa-kurang²-nya di-Station Keretapi Kuala Lumpur ini.

Perkara yang ka-tiga yang saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat Menteri ia-lah berkenaan dengan sign board yang kita ada di-jalan² raya di-Malaysia ini. Sign Board ini kadang² di-dirikan, saya perchaya oleh State Government-kah, siapa-kah saya pun tidak tahu, tetapi tidak ada standardise. Ada sign board yang besar-nya 5'×12", ada yang besar-nya 8'×6' dan sa-bagai-nya. Maka sign board yang sa-macham ini tidak standard dan kadang² payah orang yang menggunakan. Kereta lari dengan deras mencari di-mana ada sign board itu. Selalu-lah orang silap jalan, umpama-nya kalau hendak pergi ka-Subang Airport, tentang mana kita hendak turun jalan bawah itu, itu pun tidak dapat tahu kalau sa-belah malam, ada sign board itu dekat sangat dengan corner baharu-lah kita dapat nampak sign board yang sa-macham ini. Saya perchaya kalau kita usaha supaya semua road sign, di-mana² tempat di-seluruh Malaysia ini di-jadikan standard. Itu akan membawa kapada kesenangan bagi orang² yang menggunakan jalan² raya. Umpama-nya kalau hendak pergi ka-sign board yang menunjukkan jalan pergi ka-Subang Airport kata-nya, patut-lah daripada jauh lagi kita di-beri tahu ia-itu orang yang menggunakan motor car ini di-beri tahu ia-itu kalau hendak pergi ka-Subang Airport mesti-lah ambil line yang di-sabelah kiri sa-kali

supaya dapat turun dan pusing dan sign board ini patut-lah tinggi dan besar dan boleh di-lihat daripada jauh. Ini satu benda yang sudah lama patut di-jalankan tetapi yang mana standard chuma di-buat oleh Automobile Association sahaja. Saya berharap-lah supaya Kerajaan mengambil tindakan atas perkara sign board ini. Terima kasih.

Mr Chairman: Persidangan ini ditempohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 6.15 p.m.

Sitting resumed at 6.40 p.m.

(Mr Speaker in the Chair)

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan Ahli² Yang Berhormat, jika besok, hari Sabtu, persidangan hendak di-tamatkan pada pukul satu, kena-lah pendek² sedikit perchakapan hari ini. Kalau tidak besok kena sampai malam macham biasa juga. Jadi, itu sebab saya beri ingatan kalau kehendak Ahli² Yang Berhormat suka hendak pendek sedikit meshuarat sila-lah pendekan. Tetapi, saya dukachita menengok kadang² Rumah ini kosong. Jadi kalau ikut quoram ta' chukup, tidak boleh bermeshuarat.

Enche' Chia Chin Shin (Sarawak):

Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Supply Head S. 65 Ministry of Transport, Page 535, Sub-head 15, on Publicity for Road Safety Council. I have one observation to make, Mr Chairman, Sir, I wonder whether this road safety programme could be extended periodically to the schools, especially to the primary schools, in view of the road accidents happening from time to time in many places. Recently, I think, there is an introduction of road safety games in Sarawak which was introduced by the Shell Company. I think this seems very attractive and interesting to school children. I would like to appeal to the Minister of Transport that, in future, games like these should be introduced to the schools.

I would now like to touch on Supply Head S. 66—Civil Aviation on the

Maintenance of Airports, as from time to time repairs of runways take too long a time to complete, and as a result of that the pay loads of the aircraft are being cut off and occasionally passengers are off-loaded, which may cause a lot of inconvenience to passengers. I think the Minister of Transport will be able to advise the officers concerned in that Department that repairs should be done as quickly as possible; and also for Sarawak, I would like to mention here that airports, due to the increases of population and the increase of passengers from time to time, should be opened up for Sarawak.

Now, I come to Supply Head S. 70—Marine for Borneo States—Ships Survey. Some time ago there was a safety device or safety compartment for launches, and I understand that the Authority has deferred this matter to 1st of January next year. As for merchant launches, this sort of device should be given longer time of warning to implement, so that it will not cause too much hardship to launch owners. Regarding these lights and navigational aids and river navigation—especially for the ulu rivers—at times there are broken branches lying along the rivers and also rapid rocks which cause obstruction to navigation. I hope the Ministry concerned will make an effort to see to it that this sort of thing could be checked up from time to time. On the question of ports and harbours, in view of the increased exports of timber in Miri, some time ago I made comments on Kuala Baram, but I do not know whether any survey report has been received on the development of Kuala Baram into a port. The importance of a port at Kuala Baram has been reported from time to time in the newspapers, as the export of logs is now, the main income of the Division. So looking at the Amount of loss incurred, because of shipping at the open sea has caused a lot of loss and the drifting away of the logs has caused a great loss to the timber merchants, if Kuala Baram could be developed into a port in future, then a lot of money could be saved in this respect. Thank you.

Mr Chairman: Saya suka hendak memberi tahu sa-kali lagi, tepat pada pukul tujuh, saya akan berhentikan perbahathan dan bagi peluang kepada Menteri menjawab. Jadi, saya tengok banyak lagi orang hendak berchakap. Macham mana hendak berchakap. Pukul tujuh lagi 15 minit.

Enche' Hanafiah bin Hussin: Saya chadang beri chance dekat depa semua berchakap kerana banyak yang hendak berchakap.

Mr Chairman: Jadi, barangkali kita kena bersidang melalu pukul lapan malam ini-lah. Kalau begitu ta' apalah. Kalau boleh melalu pukul lapan barangkali boleh-lah dalam 20 minit-kah apa lagi. Itu saya hendak tahu bagi kesenangan Ahli² Yang Berhormat. Tetapi tidak boleh melanggar dari apa yang kita sudah siarkan itu—surat² itu.

Enche' Hanafiah bin Hussin: Tuan Pengerusi, petang ini semua Welfare, Transport ya.

Mr Chairman: Tidak, besok kita hendak berhenti pada pukul satu. Kalau tidak, sampai malam besok.

Enche' Hanafiah bin Hussein: Tidak khabar pun di-sini.

Mr Chairman: Tetapi, mengikut Ahli² yang hadhir, saya takut kalau sampai malam esok lagi kosong—ta' chukup orang langsung.

Tuan Haji Hussein Rahimi: Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit

Mr Chairman: Ini Pembangkang pun hendak chakap juga sedikit.

Enche' Geh Chong Keat: Tuan Pengerusi

Mr Chairman: Saya bagi Ahli ini. Berapa lama hendak berchakap?

Enche' Geh Chong Keat: 5 minit.

Mr Chairman: Awak punya lima minit itu kadang² 10, 20 minit. Itu susah-nya.

Enche' Geh Chong Keat: Saya mahu berchakap lima minit sahaja.

Mr Chairman: Baik. Lima minit chukup sa-orang.

Enche' Geh Chong Keat: Mr Chairman, Sir, to start with, I would like to speak on Supply Head 65. Now, I was going to compliment the Minister in no uncertain terms on the progress he has made in the Transportation section as regards the seaports, the airport at Subang, and of course the airport at Penang Island. However, now I am going to cut that compliment to this one sentence only.

Sir, I would like to touch on Item (21), Surveyor of Ships. Touching on this subject, I understand that this Department has authorised the Fisheries Department to calculate the tonnage of a trawling boat by using the formula of length $\times$ breadth $\times$ 0.8. Sir, this is a very rough calculation, taking into consideration that the Merchant Shipping Act of 1952 requires a merchant shipping boat to be registered with the Ship Surveyor on the size of the boat. Now, these trawling boats are normally constructed for doing inshore trawling with the keel, width and length to comply with the measurements of the Shipping Act providing for a maximum load of 30 tons. Now, I understand that they are adding to the length another 15 feet, but maintaining the same width and depth, in order to gain the load capacity. Now, my contention is that in such cases the Ship Surveyor should survey the ship and issue it a certificate certifying it as exceeding a 50-ton boat in order to comply with the Government regulation, and certifying it as fit for going to 15 fathoms or 12 miles, whichever is the farthest. Sir, I have checked up and found that in assessing a certain capacity of a ship under the old measurement which has the initial of "O.M.", the depth of the vessel was assumed to be the same as its breadth, and the tonnage was obtained by multiplying the length by the breadth and the depth, and by dividing the product by the factor "94" then the quotient being the tonnage burden. Sir, this was found to be used only for

merchant ships going overseas through oceans and they even try to convert it in such a way with a very narrow depth in order to avoid port dues. But coming to our calculation, my contention, Sir, is for the 30 ton to be extended to 50 tons; and the buoyancy, the length and the stability of the boat must be taken into consideration. In trying to convert the 30-ton boat into a 50-ton boat without taking into consideration the buoyancy and stability, but just taking into consideration the capacity or the buoyancy, I am sure, will endanger the boat and the crew itself, and will contradict the purposes of registering such boats as certified fit for ocean going.

I would like to touch on another item on the transport problem, but I will make it as very short as possible.

Mr Chairman: You have already completed your five minutes!

Enche' Geh Chong Keat: Thank you, Mr Chairman, Sir.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman (Kota Bharu Hulu): Tuan Pengerusi, Kepala S. 69, muka 555, Pechahan-kepala 8, Bayaran menghantar kepada Keretapi Tanah Melayu. Tuan Pengerusi, pada Budget yang telah lepas saya telah berchakap panjang di-dalam Dewan ini, tetapi pada hari ini oleh kerana telah kerap kali Tuan Pengerusi membagi tahu tidak boleh berchakap panjang, insha' Allah barangkali berapa pendek saya mesti chari jalan. Tuan Pengerusi, keretapi yang pergi ka-Pantai Timor ini ada berlainan sedikit dengan keretapi yang pergi ka-sa-belah darat . . .

Mr Chairman: Tidak berapa dengar, kuat sedikit.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman: Keretapi yang pergi Pantai Timor tidak macham yang pergi ka-Pantai Barat ini. Baharu² ini, Tuan Pengerusi, saya rasa susah hati memikirkan yang saya ada di-dalam keretapi itu siapa yang masuk ka-dalam jamban tidak dapat keluar. Dudok dalam jamban—tiga orang pergi tendang pintu baharu-lah dapat keluar. Jadi saya rasa perkara yang sa-macham ini amat-lah mendukachitakan pada penduduk² yang ada di-sa-belah sana.

Dato' Haji Sardon: Kelas berapa jamban itu, 1, 2, 3? Saya hendak tahu itu.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman: Kelas 2.

Dato' Haji Sardon: Ya.

Tuan Haji Hussain Rahimi bin Haji Saman: Kelas dua, boleh pereksa balek sa-mula dan kalau hendak tahu keretapi mana pun saya boleh check balek sa-mula. Tuan Pengerusi, pada masa tahun yang lepas saya telah beri tahu pada Menteri yang berkenaan dengan keretapi musim orang haji. Yang saya menguchapkan terima kasih kapadanya dia bagi murah tambang pada orang² yang hendak pergi kerja haji dan pengikut²-nya. Tetapi yang mendukachitakan pada mereka² yang naik keretapi itu lebeh daripada ayam yang dudok dalam reban, ayer pun tidak ada, sa-hingga hendak minum ayer pun tidak ada. Rasa saya kalau tidak puas hati perkara yang sa-macham itu Menteri yang bersangkutan paut itu boleh-lah jemput pergi ka-station Kuala Lumpur pun—tidak payah pergi di-Kelantan—boleh-lah tengok kebersehan-nya. Tetapi boleh jadi barangkali pada tahun ini tidak-lah begitu.

Tuan Pengerusi, S. 71, muka 565, Butiran (1) Surohanjaya Transport. Ini ada-lah perkara yang mendukachitakan penduduk² di-kampong². Di-kampong saya ada-lah dudok rasa saya tidak kurang daripada 1,000 manusia. Tidak ada satu kereta plate pun di-situ dan sudah beberapa kali di-minta maka ada-lah jawapan-nya akan di-pertimbangkan. Maka itu-lah jawapan-nya akan di-pertimbangkan. Maka itu-lah jawapan-nya dan di-tempat itu ada-lah tempat gulungan manusia yang ramai kadang² berlaku kebakaran yang menyusahkan penduduk² yang ada di-situ, dan di-situ tidak ada pula talipon, tetapi masa sekarang ini sudah ada kerana saya sa-bagai Ahli Dewan Ra'ayat. Tetapi walau bagaimana pun talipon itu tidak-lah menchukupi bagi orang ramai di-situ. Ini ada-lah menyedehkan.

Dan akhir-nya, Tuan Pengerusi, S. 71, muka 565, Butir (7) Pendaftaran dan Pemereksaan Kereta Transport. Ini pun rasa saya mendukachitakan. Banyak saya pergi tengok orang² yang ada di-transport itu untuk hendak mendapatkan bayaran Road Tax. Kadang² sampai menyusup kepala manusia itu berkali². Perkara ini saya hendak sebut kena di-atas diri saya sendiri ia-itu kereta saya itu pada mula-nya saya bayar Road Tax, tidak payah-lah transfer di-Kuala Lumpur. Kemudian waktu saya berada di-Kelantan manakala habis Road Tax itu hendak pergi ambil di-Kota Bharu pula. Bila sahaja saya sampai—hendak masuk jumpa, tidak boleh—kena pergi Kuala Lumpur. Saya kata rasa saya boleh-lah orang sini tolong kira pergi Kuala Lumpur. Saya chakap begitu sahaja, dia kata tidak boleh. Saya duduk lagi di-situ sampai satu jam satengah. Saya duduk di-situ saya hendak berchakap dengan satu orang yang saya kenal di-situ, datang dia kata saya-lah yang tahu di-dalam perkara yang sa-macham ini. Tuan hendak berchakap dalam hal apa. Saya kata saya hendak berchakap ada hal lain, tetapi saya hendak chakap hal ini—dia registerkan-lah saya pada masa itu. Tetapi apa hendak di-buat perkara sudah berlaku yang sa-macham ini. Saya beri tahu-lah pada dia, besok lusa saya hendak pergi meshuarat ka-Kuala Lumpur. Kereta saya Road Tax tidak ada, tolong-lah saya—tidak boleh—ini sahaja yang saya hendak sebut kepada Tuan Pengerusi. Kemudian tidak boleh, saya pergi kepada tauke, bila saya pergi kepada tauke, saya bawa kepada tauke, tauke pergi kereta saya itu dapat terus. Jadi apa-kah macham ini kedudukan-nya? Jadi dengan hal yang sa-macham ini maka saya harap-lah Menteri yang bersangkutan paut tolong mengambil berat perkara yang sa-macham ini kalau-lah perkara itu tidak di-bolehkan kepada saya dan tauke itu pergi tidak boleh, tidak menyedehkan hati. Tetapi bila tauke pergi sudah dapat. Ini-lah kedudukan-nya dan kalau tidak dengan kerana Tuan Pengerusi sudah di-beri tahu kerap kali tidak boleh berchakap panjang di-sini maka saya ikut-lah. Sekian-lah, kalau tidak banyak saya hendak chakap.

Enche' Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Saya bangun hendak bagi terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri ini di-atas anggaran perbelanjaan-nya yang hampir \$16 juta di-dalam Dewan ini. Dato' Pengerusi, saya sangat bertimbang rasa dengan Yang Berhormat Menteri ini kerana Yang Berhormat Menteri ini ia-lah sa-orang Menteri dengan tidak ada Menteri Muda-nya, atau pun Penolong Menteri. Kawalan-nya atau pun penjagaan-nya sangat-lah luas, laut, darat dan udara. Jadi kalau boleh patut-lah juga di-timbang dan di-beri sa-orang penolong atau pun Menteri Muda.

Dato' Pengerusi, saya bangun sa-lain daripada terima kaseh banyak kepada Menteri ini, saya tahu banyak-lah juga puak² Pembangkang dan juga pehak² Kerajaan ada yang memuji dan ada juga yang marah kepada Yang Berhormat Menteri, tetapi kita tahu sa-tiap manusia itu tidak dapat hendak melayan semua-nya dengan chukup, atau pun dengan baik. Walau pun ada juga pada saya yang saya pandang tidak betul yang di-layan oleh Menteri ini, tetapi itu-lah saya kata tiap² manusia ini tidak upaya-lah hendak menyamakan, hendak memberi ka-semua-nya puas hati pada tiap² manusia.

Dato' Pengerusi, di-sini saya hendak berchakap nombor satu ia-lah saya hendak tuntutan perjanjian Menteri ini dengan saya ia-itu dalam tahun yang lepas dalam anggaran perbelanjaan tahun 1965, saya telah berchakap berkenaan dengan tracter. Tracter² ini, Dato' Pengerusi, besar dan dia pakai lampu-nya satu sahaja tengah². Jadi kadang² malam kalau kita jalan dengan berjalan kaki naik motor car atau basikal, kita pandang dari jauh kita ingat itu sa-macham lampu jalan, atau pun lain²-lah tinggi dan satu. Jadi saya sudah berchakap, Yang Berhormat Menteri sa-tahun dahulu telah mengaku dan sanggup kepada saya hendak beri tahu kepada Company² Tracter² ini supaya memasang dua lampu mengikut besar tracter. Tetapi sampai sekarang ini tidak-lah yang saya nampak yang pakai dua lampu.

Dato' Pengerusi, baharu² ini telah jadi satu kemalangan dalam kawasan

saya tetapi tidak-lah mati, Ia-itu orang yang menunggang basikal dia sangka lampu apa tinggi satu, sampai dekat tiba² dia tengok badan-nya besar, terpelanting dalam parit. Tetapi Yang Berhormat Menteri dahulu sudah berjanji dengan saya hendak pasang hendak bagi perintah, hendak pasang dua lampu. Saya harap-lah perkara ini di-jalankan.

Yang kedua Dato' Pengerusi, berkenaan dengan perkhidmatan Keretapi. Saya selalu-lah juga naik keretapi. Saperti-lah puak² pembangkang tadi menerangkan saya insaf, boleh jadi perkara yang sa-macam ini. Tetapi saya berasa lebih² baik lagi apabila saya menerangkan ia-itu Yang Berhormat sa-orang daripada pihak PAS tadi telah menerangkan apabila isteri-nya naik keretapi, dari mana entah saya lupa, di-kerumuni oleh guard².

Jadi di-sini Dato' Pengerusi, saya telah teringat satu perkara yang baik untuk Kementerian ini. Saya pandang dalam Keretapi, pekerja² yang dalam keretapi itu tidak satu orang pun wanita, elok-lah sangat pihak Menteri ini atau pun Kementerian ini menaruhkan satu² keretapi itu dua tiga, empat orang guard² wanita atau pun kaum ibu. Kerana Dato' Pengerusi, saya pandang kerja² guard memereksa tiket² ini bukan-lah berat, dapat di-buat oleh kaum² ibu atau pun wanita. Saya perchaya-lah kaum² ibu yang berada di-dalam Dewan ini tentu-lah dengan sa-penoh-nya menyokong saya. Ini-lah satu perkara saya ingat yang dapat kita jalankan supaya kaum² ibu kita dapat di-pereksa oleh guard² kaum ibu juga. Itu ia-lah satu perkara yang baik, saya ingat. Saya perchaya Menteri Yang Berhormat ini tentu-lah bersetuju dengan chadangan saya. Sekian sahaja terima kasih.

Enche' Hanafiah bin Hussain (Jerai): Mr Chairman, Sir, I will not take many minutes, but I would like to draw your attention to Standing Order No. 35 (7) in which a Member must disclose his interest, if he wants to speak on a subject matter in which he has an interest. Now, I would like to have your permission, Sir, to speak on matters of taxi operation services. May I have your permission, please?

Mr Chairman: Yes.

Enche' Hanafiah bin Hussain: Thank you. All these days in Parliament we have heard, the world has heard, the antics of the Honourable Member for Batu attacking the Sharikat Matahari Taxi Services for no apparent reason. Once he was taunted by an Alliance backbencher, asking him the reasons why he should bring this matter up again and again; he retorted in reply saying that he does not like to see Malays exploiting the Malays. Well, apparently, it is not. I thought he was raising that matter fearing that there might have been some corruption or bribery going on in the Department, but it was not so. He twisted the answer and said it was because he did not like to see Malays exploiting the Malays. Well, Sir, that argument of his has taken a new turn and a new twist. Talking about exploitation, I should say the Honourable Member himself should be the last person to talk about exploitation. Being a doctor in private practice himself, he should know that it costs 15 cents to have a penicillin injection but all these private medical practitioners charge members of the public not less than \$5. Well, that is exploitation. As regards taxi services in town, I know that the Coliseum Taxi Services rented out a taxi at \$42 per 24 hours, the Muthu Taxi Services at Pasar Road at \$36 per 24 hours, and you do not touch a steering wheel until you have paid three days' advance! Is that not exploitation, compared to Matahari? He said that we charge \$28 per 24 hours, but he does not know that we give them bonus, we give them free uniform and we pay contributions to E.P.F. on their behalf, and all that sort of things.

Now, I perceive in this attack on Malay enterprises when the Malay business people are trying to show their willingness and ability to participate in business, as some sort of economic subversion at its most subtle. Why should he want to discredit just the Malay taxi companies? If he will spend only five minutes to find out how others exploited others, he should be wiser. All this exercise of unleashing a variety

of lies and slanders against whatever adversaries, who seem to them most dangerous, represents a tactic, which is now being employed by the Honourable Member and his cohorts to exploit human weakness, to browbeat them and to frighten them into submission and inaction.

To the Honourable Minister, I ask of him not to be afraid of all these antics. Let this be a warning to all those who can perceive the shape of things to come, so that those who understand these communist tactics of spiritual terror will not readily succumb to them. To the Honourable Minister, and to all the staff in his Ministry and Departments, I say, "Well done". Let them not allow themselves to be daunted by reckless criticism from insincere, petty, and irresponsible politicians. Continue with the good work which the Ministry and each Department has done to place Malaysia on the map of world transportation. They deserve a special bouquet. Thank you very much, Sir.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak menyokong Ahli daripada Jerai tadi, dalam serangan² yang telah di-lancarkan oleh pehak Pembangkang ka-atas sharikat Matahari, sa-bagai sa-buah sharikat perusahaan bumiputra. Dan saya rasa memang-lah serangan itu serangan yang jahat sa-kali. Dan memang semua di-Kuala Lumpur ini tahu bahawa banyak sharikat² taxi yang lain yang menyewakan lebih daripada \$28 sa-hari di-merata² Kuala Lumpur ini. Dan saya sendiri telah menyiasat perkara ini beberapa hari yang lepas dan baharu saya sedar bahawa bagaimana ahli daripada Batu telah chuba mengelirukan orang ramai dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak berchakap sedikit sahaja dalam S. 66 Penerbangan Awam fasal lapangan terbang. Ini ia-lah bersangkutan dengan mala petaka yang besar yang sekarang ini meninjau Pantai Timor. Barangkali dalam mala petaka yang besar bagini ada terdapat pengajaran² yang baik bagi kita kerana dalam masa banjir ini salah sa-buah lapangan terbang yang menerima kesan-nya ia-lah Lapangan

Terbang Kuala Trengganu dan saya sendiri bersama dengan Menteri Muda Kebudayaan, yang hendak balek ka-Trengganu minggu lepas, telah terpaksa terbang ka-Kota Bharu kerana padang terbang Kuala Trengganu ditutup, tidak dapat hendak di-darati oleh sa-barang kapal terbang pada masa itu. Dan kalau hendak balek ka-Trengganu kena chari halikopter; tidak ada halikopter pada masa itu, kami terpaksa bermalam di-Kota Bharu pula sa-malam menunggu halikopter tiba. Dan ini juga yang di-alami oleh Menteri Kebajikan Masharakat yang bersama² pergi ka-sana. Saya terkenang bahawa dahulu Lapangan Terbang Kota Bharu juga dalam keadaan yang tidak begitu baik, tetapi sa-telah diadakan pembaharuan dan pembaikan dalam masa 2-3 tahun yang lepas, sekarang ini walau macham mana besar banjir sa-kali pun, lapangan terbang Kota Bharu tetap selamat daripada sa-barang pendaratan dan sa-barang penerbangan. Maka saya rasa untuk menjaga dan untuk kita menghadapi kemungkinan² yang akan datang—pada masa yang akan datang, ada baik-nya-lah lapangan² terbang di-pantai timor ini di-Kuala Trengganu, umpama-nya, yang belum di-baiki lagi, di-masok dalam peruntukan untuk di-perbaiki sa-hingga menjamin keselamatan dan daripada apa², jika berlaku banjir kerana susah kita hendak mengadakan perhubungan di-dalam negeri², macham Trengganu dalam masa menghadapi mala petaka banjir² sa-bagai itu. Itu sahaja saya rasa yang sangat mustahak satu pengajaran yang kita dapat belajar daripada mala petaka banjir yang besar, yang di-hadapi oleh pantai timor sekarang ini.

Kemudian, Tuan Pengerusi, satu perkara yang akhir yang saya hendak sebut ia-lah S. 65 Pechahan-kepala 15, Seranta Majlis Keselamatan Jalan Raya ini banyak orang berchakap dalam perkara ini dan baharu² ini pehak Majlis Keselamatan Jalan Raya telah mengadakan satu Minggu Keselamatan Jalan Raya di-Kuala Lumpur sa-bagai suatu perchubaaan yang jikalau baik akan di-jalankan di-bandar² yang lain di-seluruh Malaysia ini.

Saya terbaca pada satu masa yang lalu sa-lepas Minggu itu berjalan penerangan daripada Ketua Trafik, Kuala Lumpur menyatakan bahawa Minggu itu berjalan, tidak-lah begitu sangat berjaya kerana orang ramai terlalu indifferent, ambil endah tidak endah sahaja kepada Minggu Keselamatan Jalan Raya ini. Apa yang saya suka menarek perhatian Dewan ini ia-lah patut di-adakan penyelidekan yang menyelurohi di-atas sebab kenapa sikap yang demikian daripada orang ramai itu ada, terhadap Minggu Keselamatan Jalan Raya yang penting untuk keselamatan orang ramai di-bandar² itu. Dan di-atas hasil daripada penyelidekan yang menyeluroh ini boleh kita mengambil banyak chara² untuk kita menjayakan lebeh baik lagi, kita mengadakan minggu² keselamatan jalan raya pada masa² yang akan datang, kerana kita tidak hendak hanya di-Kuala Lumpur sahaja kita mengadakan Minggu Keselamatan Jalan Raya, kita hendak adakan di-semua bandar² yang lain kerana kemalangan bukan di-Kuala Lumpur sahaja, tetapi di-bandar² yang lain juga. Tetapi kita hendak menyiasat kenapa sikap indifferent—sikap endah tidak endah, sikap tidak ambil peduli yang banyak ada pada orang ramai ini yang di-dapati terdapat dalam masa Minggu Keselamatan Jalan Raya itu di-jalankan. Jadi bila kita mengetahui sebab musabab-nya dapatlah kita menchari, maka Majlis Keselamatan Jalan Raya ini menchari ubatnya dan dari situ dapat-lah di-jalankan apa yang patut di-jalankan, dan saya suka memberi pujian kepada usaha² daripada Majlis Keselamatan Jalan Raya itu dalam masa Minggu itu di-jalankan kerana daripada penerangan² yang di-beri menerusi radio dan talivision dan lain²-nya chukup memberi penerangan yang jelas, chara menjaga Keselamatan Jalan Raya yang memberi panduan yang baik kepada orang ramai. Dan saya rasa pekerjaan yang sa-bagai ini patut-lah di-lanjutkan untuk menyelurohi tempat² yang lain. Terima kaseh.

Enche' Harun bin Abdullah (Baling): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas S. 71 muka 565, Butiran (7) berkenaan Pendaftar dan Pemeriksa

Kereta Motokar. Berhubung dengan tugas pegawai ini, saya suka-lah memberi pandangan ia-itu satu perkara yang mana pada masa ini bersangkutan dengan kereta² sapu atau private sapu, orang Kedah panggil private churi, orang Kelantan kata kereta kominis, apa-kah. Jadi hari ini, pada masa ini jalan² baharu telah banyak di-buka ia-itu jalan² yang di-buat oleh Kerajaan menerusi Pembangunan Luar Bandar. Jalan² ini sa-tengah²-nya belum lagi di-ishtiharkan sa-bagai sa-batang jalan Kerajaan atau pun belum lagi di-gezet oleh Kerajaan. Pada masa dahulu sebelum jalan² itu ada, orang² kampung kebanyakan-nya datang berjalan tunggu di-jalan besar, menunggu bas atau taxi. Tetapi manakala jalan ini sudah banyak, orang² kampung sa-tengah²-nya walau pun duit dia tidak berapa banyak pun berlumba² membeli kereta dengan tujuan membuat private sapu. Tetapi saya berchakap ini kalau dengar oleh orang² yang berkenaan tentu-lah marah kepada saya.

Tetapi ada pula satu golongan yang lain yang tidak suka perbuatan² sa-umpama itu, sa-umpama kompeni² bas atau pun taxi² yang telah berada lesen. Jadi, dengan banyak-nya private² sapu tadi boleh mendatangkan kerugian kepada sharikat² atau pun orang persaorangan atau pun kompeni² bas yang mereka itu telah membayar chukai dengan tinggi-nya kepada Kerajaan. Kesusahan bagi pehak pejabat ini bukan di-tanggung oleh pegawai itu sahaja kerana kedua² ini berhubung—berkait dengan pehak polis dan pehak trafik. Jadi, pada hari ini trafik, saya berasa amat kurang. Kalau betul² kita hendak beri tertib, bagi semua orang mengikut peratoran, trafik juga hendaklah di-banyakkan. Kalau mustahak tiap² daerah kena di-adakan trafik bagi satu tugas mengawal dalam daerah masing². Jadi, kalau sa-kira-nya ada trafik pun dudok di-ibu² negeri sahaja, saya perchaya dia tidak boleh mengawal dengan chukup sempurna hal lalu lintas di-dalam tiap² daerah. Hari ini ada juga kita dengar banyak kompeni² bas atau pun taxi² yang menderita kerugian dengan sebab² banyak-nya private sapu. Jadi harus-lah pehak Kementerian ini mengambil perhatian

di-atas perkara ini. Walau pun banyak orang meminta lesen taxi tetapi pehak Kementerian ini pula menjadi serba salah. Hendak beri banyak takut rugi, bila tidak beri, ra'ayat pun marah juga—banyak orang minta permohonan, juga hendak timbang di-antara dua ini saya pun bertimbang rasa kapada Kementerian ini macham mana hendak beri 'adil supaya orang ramai jangan marah kapada Menteri ini supaya kompeni bas, supaya orang yang ada lesen taxi tidak menderita kerugian. Jadi saya shorkan pada hari ini mana² jalan baharu yang di-buat itu hendaklah kalau boleh pehak Kerajaan segera ishtiharkan dia itu sa-bagai sa-batang jalan Kerajaan, kerana jalan² ini-lah yang di-gunakan oleh private sapu itu tadi. Polis hendak ambil langkah bukan dia sa-bagai jalan Kerajaan, datang bawa bichara ka-mahkamah akan di-buang begitu sahaja, dia berjalan bukan di-atas jalan Kerajaan lagi, dia kata. Jadi dengan sebab itu sa-berapa daya yang boleh hendak-lah RIDA atau MARA manakala jalan baharu ini siap kalau MARA hendak masuk. Masok, buat dengan chukup sempurna, jangan beri private sapu ini mengambil kesempatan menjalankan perusahaan² mereka yang haram-lah, saya kata.

Yang kedua, berkenaan lori

Mr Chairman: Saya suka hendak mengingatkan sudah 5 minit.

Enche' Harun bin Abdullah: Saya minta sedikit sahaja lagi, Tuan Pengerusi.

Mr Speaker: Tidak, ikut ke'adilan—yang lain² itu tadi berchakap 5 minit juga, macham mana. Sadikit lagi bolehlah!

Enche' Harun bin Abdullah: Lagi satu, bersangkut dengan lori. Lori lesen A, B, dan C. Ini pun satu masaalah pula; orang A bayar lesen amat tinggi kapada Kerajaan tetapi mengambil kesempatan lesen C pun begitu juga. Bagaimana hendak kawal. Jadi, saya harap-lah Kementerian ini kaji dengan halus macham mana hendak kawal supaya orang lesen A mengambil sewa dengan chara A, mengikut sharat² yang di-tentukan oleh undang² dan C boleh

mengikut sharat² yang di-tentukan oleh undang².

Hari ini dia jadi dalchah—A pun sa-rupa, B pun sa-rupa, C pun samacham; betul tulis A, tetapi chara sewa-nya ta' dapat di-tentukan, susah pehak traffic hendak mengambil satu langkah. Jadi, dengan sebab itu, patut kita kena kaji, halusi, semak betul², buat satu peratoran bagi menchegeh supaya perkara ini tidak berlaku. Bagitu-lah juga, satu lagi, Tuan Pengerusi, bersangkut dengan keretapi. Keretapi ini, saya rasa, makin lama, makin rugi, makin lama, makin rugi, kalau ta' kena jaga, sebab hari ini, kita galakkan Bus Express terus mari Kuala Lumpur, lori daripada Pulau Pinang terus datang ka-Kuala Lumpur. Kalau kita semak, kalau kita halusi barang² yang di-bawa angkut daripada Kuala Lumpur pergi ka-Pulau Pinang, atau pun dari Pulau Pinang datang ka-Kuala Lumpur—10% pun tidak ada yang menggunakan keretapi ini sa-bagai perniagaan juga—kena-lah chari jalan menarek segala pelanggan² menggunakan pengangkut²an itu menggunakan keretapi. Jadi kalau kita tidak jaga betul² satu masa yang akan datang, keretapi pula akan rugi dan Kerajaan akan kena tambah modal pula. Jadi, sekian-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Mr Chairman: Saya ingat masa sudah sampai. Chakap-lah sedikit!

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Saya susah hati sangat menengok, sebab apa macham ada benda yang sangat² mustahak hendak di-keluarkan.

Enche' Othman bin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kaseh kerana memberi kesempatan berchakap sedikit sa-banyak dalam Majlis ini. Saya hendak berchakap sedikit sahaja, ia-itu memberi terima kaseh kapada Menteri Pengangkutan yang telah mengambil perhatian berat dan memberi kemudahan permit² teksi kapada sharikat² kerjasama sekarang ini di-mana² negeri juga yang telah di-tubuhkan dalam Persekutuan Tanah

Melayu ini, dan juga memberi kemudahan lesen² pengangkutan seperti lori dan bas kepada anak bumiputra dalam usaha memberi peluang bersama dalam perusahaan pengangkutan. Saya tertarik hati mendengar ucapan daripada rakan saya daripada Baling berhubung dengan hal ehwal masalah teksi yang di alami sekarang ini, ia-itu perlawanan dengan kereta² private sapu, terutama sa-kali, saya suka menarek perhatian dalam negeri Perlis, walau pun sekarang ini jalan² raya telah banyak bertambah mengikut rancangan luar bandar, tetapi quota yang di-untokkan bagi memberi lesen teksi itu amat kurang sa-kali. Mithal-nya pada tahun ini hanya dua buah teksi sahaja yang di-benarkan dan pada tahun hadapan akan di-tambah tiga buah teksi lagi dan quota teksi itu akan habis pada tahun hadapan. Jadi, oleh sebab memandangkan kepada kemajuan untuk mengelakkan daripada private sapu yang di-sebutkan oleh saudara saya tadi, patut-lah quota itu di-angkat balek dan di-kaji sa-mula, mengikut keadaan jalan raya yang banyak, yang maju dan ramai penduduk-nya sekarang ini.

Perkara yang kedua yang saya suka hendak sebutkan hanya saya hendak menguchapkan, terima kasih khas kepada Menteri melalui Road Transport yang telah membenarkan dua buah bas pelancong yang berkhidmat daripada Pulau Pinang ka-Thailand, ia-itu julong² kali di-benarkan kepada anak bumiputra. Pada mula di-jalankan bas pelancong itu, di-dapati amat-lah maju dan mendapat sambutan yang baik, tetapi di-masa² yang akhir ini, keadaan bas pelancong itu sangat merusot dan saya dapat tahu sedang menderita kerugian kurang lebih \$200 pada satu hari di-sebabkan tidak adanya penumpang² yang suka melancong dengan menggunakan bas yang tersebut itu.

Sa-panjang penyiasatan saya, ada beberapa perkara yang menyebabkan bas Malaysia/Thailand itu menderita kerugian, terutama sa-kali bas² Malaysia/Thailand ini di-ganggu oleh kereta² private sapu daripada negeri Thailand yang datang dengan bebas membawa penumpang² ka-Malaysia menerusi

Pulau Pinang dan memungut penumpang² dari Malaysia, ia-itu melalui Pulau Pinang ka-Thailand dengan bebas dengan tidak membayar apa² chukai atas hasil dalam Malaysia kita ini, pada hal bas kepunyaan Malaysia/Thailand yang saya sebutkan tadi itu membayar dua chukai, ia-itu chukai dalam negeri Thai dan chukai dalam Malaysia kita ini.

Yang kedua, sebab²-nya penumpang² yang di-bawa ka-Pulau Pinang itu telah di-pujuk oleh private² sapu ini tadi dari Thailand untuk pulang bersama² dengan mereka, kerana ada di-antara penumpang², atau pelancong², hanya menyewa untuk pergi ka-Pulau Pinang sahaja, dan waktu pulang-nya akan menyewa lagi sa-kali. Jadi, dengan kerana itu private² sapu ini telah menggunakan kesempatan memujuk, kerana kereta² private sapu ini tadi dapat kasana ka-sini memungut penumpang² dan dapat juga merayau di-merata² hotel yang di-tompangi oleh orang² daripada Thailand tadi.

Perkara yang ketiga ia-lah bersangkut-paut juga dengan pemereksaan kastam di-Malaysia agak-nya terlalu halus sa-hingga berjam² lama-nya, kadang² sa-hingga membosankan orang ramai yang menompang itu dan merasa shak dan waham, walau pun tidak ada apa² salah, tetapi terpaksa di-pereksa sampai bagitu lama. Jadi, dengan kerana itu, lebih baik mereka menumpang dengan taksi² private sapu apa semua dengan sedikit pemereksaan sahaja, ia-itu perhati dari belakang sahaja, boleh jalan dengan chepat. Yang keempat . . .

Mr Chairman: Ini berapa banyak ini?

Enche' Othman bin Abdullah: Sedikit sahaja, yang keempat terus yang kelima hendak habis sudah.

Perkara yang keempat keutamaan menaiki feri, ia-itu dari yang sa-patut-nya kalau ada bas pelancong bagini, ia-itu menarek pelancong² dari luar negeri, umpama-nya daripada Thailand ka-Malaysia kita ini yang sa-patut-nya kita memberi satu keutamaan pendahuluan kepada mereka itu supaya mereka itu dapat naik kapal dengan

cepat dan dapat pergi dengan cepat ka-Pulau Pinang.

Yang kelima pehak kompeni ini telah pun memohon kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat memungut sewa, di-Sungai Patani dan Alor Star belum dapat timbangan lagi. Kalau sa-kira-nya kedua² tempat itu dapat bas pelanchong Malaysia/Thailand ini tadi dapat memungut sewa, saya rasa itu pun dapat mengatasi kesulitan ini.

Tuan Pengerusi, pada pendapat saya kesulitan² ini tidak ada chara yang lain supaya tidak berbangkit salah faham yang membawa akibat perhubungan muhibbah di-antara dua buah negeri ini tadi, kalau sa-kira-nya, mengikut jawab Menteri yang selalu saya berjumpa itu. Saya rasa tidak ada jalan lain bagi Menteri yang berkenaan ini ia-itu menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa Muhibbah membuat perundingan antara pehak² yang berkuasa di-Thailand dengan Yang Berhormat Menteri sendiri dan pehak² polis dan pehak² yang berkenaan dalam Malaysia ini ia-itu satu Jawatan-kuasa Muhibbah yang dapat merundingkan soal ini dengan chara aman dan lohor, kerana saya mendapat tahu daripada keadaan negeri Thailand, pembesar² negeri Thai dan pehak² yang berkenaan sentiasa sangat bertolak ansor dalam hal² saperti ini, kalau sa-kira-nya kita buat jalan perundingan² sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi.

Mr Chairman: Saya memberi sudah lebeh 10 minit tadi, jadi tadi janji lima minit.

Enche' Othman bin Abdullah: Terima kaseh, baik-lah kemudian . . .

Mr Chairman: Gulong-lah chepat².

Enche' Othman bin Abdullah: . . . Sa-lepas daripada itu dapat-lah Menteri yang berkenaan menimbangkan bayaran hasil kedua buah negeri tadi ia-itu hasil dalam Malaysia dan hasil daripada Thailand. Kalau sa-kira-nya maseh di-benarkan dengan berleluasan teksi sapu masok memungut sewa dengan bebas-nya di-dalam Malaysia kita ini, patut di-timbangkan sa-mula supaya Menteri itu berunding meng-

hapuskan pula bayaran yang kena bayar dalam negeri Thailand itu atau pun pehak Thailand sendiri membayar hasil dalam Malaysia. Sekian, terima kaseh.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya akan menjawab dengan sa-chara ringkas dan atas perkara² yang mustahak sahaja saya akan panjangkan sedikit cerita-nya.

Kapada Yang Berhormat, Bilangan (15), saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh atas segala jasa baik kapada pegawai², bukan sahaja sa-bagai Menteri-nya sahaja. Walau macham mana saya suka menerangkan kapada pehak Wakil daripada Jerai ini, Menteri tidak takut, pegawai tidak takut atas Undang² kita jalankan kuat kuasanya, tinggal lagi sa-siapa yang mendesak dalam Parlimen ini, kami terpaksa memberi penerangan yang jelas supaya tidak ada was² sangka kapada semua orang yang berada di-Malaysia ini. Saya harap Yang Berhormat daripada Jerai dan Ahli² Sharikat Matahari tetap atas perdirian-nya, yang betul itu betul juga.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Wakil daripada Krian Darat, saya dengan sukachita-nya menerangkan berkenaan dengan Pejabat Kenderaan di-Batu Road ini, memang sudah diperuntukkan dan saya telah terangkan tadi, tidak berapa lama dalam tahun hadapan ini, saya harap-lah Pejabat Kerja Raya akan menjalankan kewajipan-nya, dan kita akan mempunyai pejabat yang istimewa yang besar dan lapang.

Yang kedua, berkenaan dengan perkara lambat orang ramai hendak membayar chukai ini, saya sudah terangkan dalam ucapan saya tadi, pehak Kementerian Kewangan telah membenarkan lebeh daripada \$400,000 sa-chara yang di-terangkan tadi di-petek sahaja meshen itu dia berjalan dengan sendiri macham di-Singapura. Saya harap apabila mesin² itu sampai, Pejabat² Pengangkutan seluroh Tanah Melayu ini menjalankan kerja² menerima wang² chukai di-kerjakan dengan lebeh lekas dan chermat dan tidak-lah tersalah dan tidak di-tipu belit macham

mana pada hari ini dengan nombor² yang di-tulis, dan memakan masa yang banyak.

Saya menguchapkan terima kaseh atas chadangan kalau hendak di-buat macham Pos Office Savings Bank ini boleh di-bayar merecheh² berkenaan dengan lesen² teksi, lesen² lori. Duka-chita tidak boleh kerana file² itu di-simpan di-dalam Pejabat Pendaftaran, tetapi kami akan rundingkan pada masa hadapan, bandar² yang besar patut di-adakan lagi pejabat² dan saya harap rakan saya Menteri Kewangan akan bersetuju kerana kita menambahkan hasil dalam tahun ini menaikkan chukai lebeh \$5 juta. Sabar-lah dahulu saya akan rundingkan.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Wakil daripada Jitra-Padang Terap, saya uchapkan terima kaseh kepada beliau. Saya harap pada masa hadapan kalau ada perkara² sa-macham itu berhubung terus dengan pegawai saya atau pun dengan Polis, nama akan di-rahsiakan, kita akan ambil tindakan di-situ juga di-tangkap dan di-siasat kalau betul di-hukum orang yang menipu chukai Kerajaan berma'ana menipu ra'ayat.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat daripada Kulim Bandar Baharu, bagitu juga berkenaan dengan rayuan lambat bayar chukai di-Alor Star dan meminta, kalau boleh, di-adakan di-Kulim. Saya akan timbangkan-lah sa-macham yang saya terangkan tadi berkenaan dengan rayuan Wakil daripada Krian Darat juga.

Wakil daripada Besut, saya duka-chita-lah atas kejadian isteri-nya yang di-pereksa fasal tidak ada chap atau tidak ada apa chap di-surat kebenarannya. Sa-benar-nya Pengurus Besar Keretapi pun telah memberi akuan dan meminta ma'af atas perkara itu. Kita telah siasat perkara ini. Yang sa-benar-nya tidak ada perintah ini tentang chap atau tidak ada chap ini dan Pengurus Besar akan berhubung terus dengan pegawai² yang berkenaan Pantai Timor dan Pantai Barat supaya perkara yang sa-macham ini tidak akan menjadi dua kali lagi. Tetapi saya harap-lah mereka² yang berkenaan ini dapat berhubung terus dengan Station

Master atau sa-siapa pegawai² yang ada di-situ supaya dapat di-selesaikan dengan segera dan orang lain pun tidak akan terkena sa-macham itu.

Berkenaan dengan soal ulang bichara, saya sa-bagai Menteri menegaskan ia itu ulang bichara menengok kepada keterangan. Kalau lori itu telah beberapa kali membuat kesalahan, saya tentu-lah bersubahat dan tidak menjalankan ke'adilan sa-kira-nya saya timbangkan rayuan yang sa-macham itu. Yang sa-benar-nya beliau itu boleh mengulangi balek memohon sa-buah lori lagi, tidak ada siapa yang boleh menyekat dan kita akan timbangkan sa-kira-nya lori itu kerana perniagaannya sendiri patut dia bermohon balek. Saya harap Yang Berhormat itu nasihatkan kepada beliau, memohon balek lori itu dan kita akan timbangkan.

Berkenaan dengan fasal apa Kaji-chuacha di-Kota Bharu ini tidak beri tahu chuacha hari². Hari² ada dia beri kenyataan² barangkali Yang Berhormat kalau buka radio ada dengar daripada Kota Bharu—24 jam lagi hendak ribut, ada hujan, berapa banyak. Tetapi hujan yang turun itu kita tidak boleh tahan, hendak jadi bah-kah atau tidak, jadi bah-kah di-Trengganu, di-Besut, di-Kota Bahru, pegawai kajichuacha itu macham kita orang biasa juga, dia bukan Allah Ta'ala "Stop" hujan (berhenti hujan), tidak boleh. Maka tentang penerangan kepada ra'ayat memang di-beri dari satu masa ka-satu masa. Maka kalau-lah Yang Berhormat itu mengatakan, kalau-lah ribut hendak turun, hujan hendak turun dalam 12 jam atau 24 jam, boleh dapat tahu daripada radar ini. Fasal apa tidak beri tahu dia, mereka telah di-beri tahu. Beri tahu ini bukan chara paksa bahkan pehak Polis juga merayu kepada orang² ramai terutama sa-kali pengail² di-laut supaya lekas balek kerana ribut hendak turun, ada hujan lebat, maka sedia-lah masing². Sa-lain daripada itu, kami daripada pehak Pejabat Kaji-chuacha memberi kerjasama yang sa-penoh-nya kepada ra'ayat seluruh-nya, sama ada ra'ayat mahu mengikut nasihat dan seruan itu, terpulang-lah kepada Yang Berhormat merayu kepada mereka bersama².

Berkenaan dengan Yang Berhormat daripada Johor Bahru Timor, saya tahu dalam negeri Johor itu ada tambahan dua, teksi tetapi di-mana tempat-nya tidak-lah dapat saya terangkan. Tetapi yang sa-benar-nya di-dalam tiga bulan ini, ada lebih 154 buah teksi akan di-peruntukkan di-seluruh Tanah Melayu ini dan bagi pengetahuan Yang Berhormat, sila-lah Yang Berhormat Wakil Ra'ayat di-situ berhubung dengan Setia-usaha Kerajaan Negeri Johor yang menjadi Pengerusi Majlis Penasihat Teksi dan kalau ia bersetuju menambah dua buah atau tiga buah dan apabila surat-nya sampai kepada saya, saya akan setujukan. Siapa yang dapat itu tidak menjadi soal pokok, tetapi akan di-peruntukkan kira-nya tempat itu sesuai dengan bilangan banyak penduduk² sa-bagaimana Yang Berhormat itu menyatakan 1,500 orang tadi.

Berkenaan dengan Yang Berhormat wakil Seberang Utara, saya ucapkan terima kaseh berkenaan dengan chadangan² dan tunjok ajar itu. Yang sa-benar-nya ini Lesen "A", kalau hendak di-berikan kepada bumiputra, kerana hendak menolong, sudah beribu² kebenaran yang sudah di-kemukakan daripada bukan bumiputra. Ini kerana hendak menolong tetapi hendak merosakkan perniagaan pengangkutan. Kita akan mengadakan siasatan lebih kurang tetapi kalau-lah ada keterangan yang berpatutan, kalau meminta 10 lori barangkali kita tidak beri 10, barangkali dua dahulu, tentu-lah kita akan beri tinggal lagi kalau hendak di-bandingkan pehak bukan bumiputra ada Lesen "A" 100, yang bukan bumiputra ada 20, fasal apa 80 lagi tidak dapat.

Kita mesti ingat perniagaan pengangkutan ini daripada bukan bumiputra telah berjalan 30-40 tahun dahulu dengan tidak ada keutamaan atau tidak ada apa² halangan. Kita baharu mula bergerak lima atau enam tahun maka saya sa-bberapa daya upaya akan juga memberi peluang kepada bumiputra supaya bersama² berunding dan berkongsi dengan yang bukan bumiputra membesarkan lagi perniagaan pengangkutan terutama sa-kali perusahaan lori² kerana ahli² per-

niagaan yang banyak ia-lah daripada orang yang bukan bumiputra. Ini satu nasehat yang baik yang telah di-ikut banyak oleh bumiputra di-pantai timor baik utara dan di-mana², ini boleh kita bersama² belajar dan dapat untong bersama² dengan yang bukan bumiputra yang telah banyak pengalaman dan sudah untong besar bersama² kita mengechap keuntongan itu. Saya sa-kali lagi menegaskan berkenaan lesen A, B ini memang kita akan beri peluang banyak kepada bumiputra dan bumiputra yang berkongsi bersama² dengan bukan bumiputra.

Berkenaan dengan keretapi lambat 10 jam itu dan ini, chuba-lah Yang Berhormat fikirkan, keretapi ini ada satu rail sahaja dan kalau hendak lari kuat, terbalek, kita salah, maka kenalah berchermat kerana keretapi ini bukan-lah untuk bawa passenger sahaja tetapi bawa mail, bawa barang² dan bawa yang lain². Maka walau macham mana pun dengan ada-nya dieselisation kita akan baiki keadaan perjalanan keretapi ini kalau boleh pun di-kurangkan sa-bberapa boleh daripada 10 jam jadi 7 atau 8 jam, tetapi itu juga menengok kepada waktu, tengok pada keadaan rail² itu, rail itu tidak kuat mengembet kalau lari kuat akan terbalek, semua sa-kali tidak boleh gunakan keretapi ini menjadi rugi ra'ayat dan Yang Berhormat sendiri.

Maka sementara saya berchakap fasal keretapi ini, biar-lah saya berchakap juga menjawab kepada wakil Yang Berhormat dari Kota Star Selatan berkenaan tanah runtoh pun mengecham saya, Allah ta'ala turunkan banyak hujan, tanah lembut maka runtoh, nasib baik Yang Berhormat dan lain² itu, runtoh tanah itu tidak kena gerabak nombor satu, kalau tidak susah juga saya bertanggungjawab dalam Parlimen ini. Maka kita berdo'a-lah kepada Allah ta'ala mudah²an berkenaan dengan tanah runtoh, berkenaan dengan accident atau kemalangan yang tidak di-sangka², bah dan bala yang tidak di-sangka², kita berdo'a-lah kepada Allah ta'ala akan di-jauhkan segala bala itu.

Tentang berkenaan dengan modernisation, 130 batu satu jam saperti

keretapi di-Tokyo, Yang Berhormat itu sendiri barangkali belum naik tetapi saya sudah berdiri sa-belah driver itu memang betul 130 batu satu jam. Tetapi keadaan jalan-nya dan pelanggan manusia-nya dan modal-nya beribu² million tentu-lah dia boleh mereka buat macham itu tetapi di-sini dengan keadaan keretapi di-Tanah Melayu ini, kadang² keretapi kena menunggu penumpang² bukan penumpang² tunggu keretapi sa-bagai mana di-negeri Jepun. Maka insha' Allah kita akan perbaiki dari satu masa ka-satu masa. Saya harap dengan tambahan rail car 15 nanti, kita akan gunakan *shuttling service*—Perkhidmatan bersambong²—yang boleh lebih laju lagi kerana rail car ini hanya dua atau tiga gerabak boleh lari 45 atau pun 50 batu satu jam sa-bagaimana yang ada sekarang ini daripada Ipoh ka-Kuala Lumpur lebih laju daripada motor car kalau dibandingkan dengan tidak ada bengkok, terus sahaja 50 batu satu jam—dua jam tentu sampai. Jalan keretapi jika ada chukup bilangan rail car, kita akan sambong daripada Ipoh pergi ka-Prai, daripada Prai kita ada ranchangan hendak pergi ka-Alor Star/Padang Besar. Tetapi sabar-lah kita hendak beri dengan keadaan kewangan kita hari ini tentu-lah tidak dapat membuat sakalian kemajuan sa-kali gus.

Bagitu juga saya ucapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat berchakap berkenaan dengan *sign² board* (tanda² nama). Yang sa-benar-nya *sign board* (tanda² nama) hendak pergi ka-Airport, *sign² board* (tanda² nama) yang lain semua sa-kali, saya sudah siap setujuhan hanya menunggu wang hendak membuat tanda² nama itu. Tanda² nama yang kecil² di-Kuala Lumpur ini bukan-lah dalam tanggungan-jawab saya, ini dalam tanggungan Bandar Raya Kuala Lumpur, saya chuma menanda tangani permohonan mendirikan tanda² nama sain dia punya order sa-bagai Menteri Pengangkutan; tetapi tanda² ini didirikan oleh pehak yang berkenaan di-dalam kawasan masing² sama ada Town Council, City Council atau pun State P.W.D.

Berkenaan dengan Road Safety—Keselamatan Lalu Lintas—Yang Berhormat daripada Kuching, saya ucapkan terima kaseh atas pandangan-nya itu. Yang sa-benar-nya kita akan galakkan permainan budak² kerana hendak berlateh macham mana hendak selamat bila berjalan di-jalan raya. Shell Company memang ada mengadakan dari satu masa ka-satu masa di-Tanah Melayu ini. Yang sa-benar-nya Sarawak kita sudah adakan perhubungan minta di-adakan di-sana Road Safety Council (Majlis Keselamatan Lalu Lintas) yang bergabung dengan kita di-sini dan kita telah menghantar juga apa² juga pamphlet².

Berkenaan dengan wakil Penang Utara, saya ada ambil ingatan berkenaan technical formula, dan ini saya dapat tahu dalam kawalan Fishery Department tetapi walau macham mana pun Kementerian saya akan bekerjasama supaya menasehatkan sa-bberapa boleh menguntong dan menyelamatkan orang yang menggunakan sampan² ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Ulu, berkenaan dengan keretapi, lambat, jamban tidak chukup tempat bagitu dan bagini. Saya akan siasat-lah atas perkara ini dan saya harap mendapat kerjasama dengan Yang Berhormat² supaya menentukan berapa ramai kawan²-nya hendak hantar orang haji, kalau nampak orang yang hendak menghantar sampai beratus orang yang hendak pergi berpuluh, terpaksa keretapi barangkali akan mengurangkan bilangan orang yang hendak pergi haji hanya boleh bawa 10 atau 15 orang sahaja di-hadkan, kalau macham hari ini, beribu. Maka kita tentu-lah tidak dapat hendak menyelenggarakan segalanya kerana mereka tidak dapat pergi haji, mereka hanya hendak menemukan orang pergi haji. Maka kita bagi peluang tetapi peluang ini sa-bagai peluang yang di-beri istimewa kenalah di-hadkan juga. Maka saya akan siasat-lah dan akan berhubung dengan Pegawai² Daerah yang berkenaan di-sana.

Berkenaan dengan diri-nya sendiri, berkenaan pembayaran lesen kereta-nya tadi, saya harap Yang Berhormat itu berutus dengan saya pada masa

hadapan ta' usah-lah bertengkar dengan pegawai itu kerana pegawai itu menjalankan kuasa yang telah ditetapkan. Saya dukachita-lah atas Yang Berhormat telah menunggu satu jam sa-tengah tetapi sa-lepas ini jika beliau Yang Berhormat di-luar supaya dapat berhubung terus dengan saya dan saya akan perentahkan Pesuruh-jaya akan menyiasat di-atas perkara ini. Berkenaan dengan tractor, saya suka hendak menjawab kepada pehak wakil Yang Berhormat dari Kulim. Yang sa-benar-nya sudah pun diperintah dan perintah itu sudah dijalankan, apabila hendak di-pereksa tractor itu pakai dua lampu sa-lepas itu dia buka satu, sebab, barangkali hendak menyelamatkan battery. Jika ada perkara sa-macam ini lekas report kepada Pejabat Pengangkutan kita akan ambil tindakan atas tractor² yang lampu satu itu.

Yang Berhormat daripada Jerai, saya akan menjalankan ikhtiar sa-bberapa boleh-lah mengamankan keadaan² taksi² yang di-Airport, saya minta-lah wakil Jerai, juga pehak² yang berkenaan supaya memberi kerjasama sa-bagaimana pengakuan telah di-beri kepada saya tetapi pengakuan dengan tidak di-jalankan perjanjian tidak akan memberi munafa'at kepada siapa juga. Saya harap tidak ada lagi perkara itu akan berbangkit baik pun dalam Dewan Ra'ayat ini atau pun di-luar.

Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi jika dia berchakap ringkas hendak padang kapal terbang, ya saya tahu saya pun sudah memohon peruntukan kerana-nya. Sudah ada peruntukan di-dalam Pembangunan Malaysia Yang Pertama dan padang lapangan terbang yang ada di-Kuala Trengganu itu sedang di-siasat dan sa-bberapa segera kita dapat kewangan lepas musim tengkujuh ini kita akan jalankan kerja² yang patut.

Bagitu juga berkenaan dengan suroh siasat fasal apa orang ramai ini tidak menyertai Minggu Keselamatan Jalan Raya. Ini tidak payah di-siasat. Yang Berhormat sendiri pun faham dan tahu manusia ini memang bagitu-lah, kalau hendak kerja yang baik itu susah tetapi saya akan ikhtiarkan-lah

macham mana hendak menarek perhatian dengan mengadakan banyak lagi kempen² supaya mereka sedar; masa ini kena kepada anak orang lain yang kena langgar masa hadapan boleh jadi kena kepada anak-nya sendiri yang terlanggar baharu ia sedar. Maka kita akan siasat-lah perkara ini, tetapi bagaimana pun saya harap Yang Berhormat ini akan memberi kerjasama, kemalangan ini bukanlah sebab kechuaian pemandu² kereta sahaja tetapi juga kechuaian orang yang menggunakan jalan raya; kadang² yang jalan kaki pun berlenggang dihadapan kereta² pun bukan-nya dia peduli kereta². Saya harap-lah kita akan merayu kepada pehak pengguna² jalan raya ini akan memberikan kerjasama mengelakkan kemalangan² jalan raya yang makin lama sa-makin bertambah.

Berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat dari Baling dan juga Yang Berhormat dari Perlis Selatan berkenaan dengan pirate taxi dengan tambahan enforcement officer, kita akan ambil tindakan yang lebeh jitu lagi mudah²an akan dapat di-sekat dengan sa-bberapa daya yang boleh. Berkenaan dengan bas² yang pergi ka-Thailand, pegawai saya dan pegawai polis sedang berunding dan akan memajukan soal ini kepada Jawatan-kuasa perhubungan antara Thailand dengan Malaysia tetapi sabar-lah dahulu perkara besar macham ini tidak dapat-lah kita hendak main rangkum² sahaja dengan keterangan yang tidak penoh dan chukup, tetapi sa-bberapa daya dan upaya kita akan jalankan ikhtiar supaya menyelesaikan perkara pirate taxi yang datang daripada Thailand, tetapi sabar-lah sementara ini. Perkara ini sedang di-siasat dan sedang di-majukan kepada Jawatan-kuasa yang berkenaan.

Berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat wakil dari Sarawak berkenaan dengan menyiasat Sungai Baram benda² ini baharu di-siasat dan report-nya belum siap lagi

Mr Chairman: Yang Berhormat Menteri kalau

Dato' Haji Sardon: Saya ambil dua minit sahaja lagi.

Mr Chairman: Tidak payah-lah, Yang Berhormat boleh ambil masa lagi—kita akan panjangkan.

House resumed.

(Mr Speaker in the Chair)

EXEMPTED BUSINESS (Motion)

The Minister for Welfare Services Tuan Haji Abdul Hamid Khan: Mr Speaker, Sir, I beg to move:

That the proceedings of the House in Committee of Supply shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 9.30 p.m. today.

Dato' Haji Sardon: Saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings of the House in Committee of Supply shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until 9.30 p.m. today.

THE SUPPLY BILL, 1965

House immediately resolved itself into a committee of Supply.

Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir: Berkenaan ucapan wakil Yang Berhormat dari Sarawak tadi menyatakan berkenaan dengan report Sungai Baram, perkara ini belum siap lagi; apabila siap kita akan bagi tahu-lah. Berkenaan dengan memperbaiki padang² kapal terbang Miri selalu menyekat perjalanan orang² ramai saya akan mengambil juga ingatan dan kita akan memperbaiki sa-bberapa boleh dan juga memberi peluang kapal² terbang boleh turun dengan senang dan selamat-nya dengan tidak mengganggu perniagaan dan orang² lalu lintas.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya sa-kali lagi menguchapkan satinggi² terima kaseh-lah kapada semua Yang Berhormat² dan mana soal² yang saya tidak jawab, saya sudah ambil ingatan dan Pegawai² saya akan mengambil tindakan, tetapi saya lupa hendak menerangkan juga ia-itu Yang Berhormat wakil dari Sarawak tadi berkenaan dengan kuat kuasa mengadakan empangan dalam kapal kerana

menyekat daripada bochor dan teng-gelam kapal itu telah pun di-panjang-kan waktu-nya daripada bulan Januari tahun 1966 sampai bulan Jun tahun 1966. Saya harap Yang Berhormat itu akan ingatkan dan akan menyampaikan kapada mereka² yang berkenaan.

Itu-lah sahaja, saya menguchapkan sebanyak² terima kaseh dan kita harap pada tahun 1966 ini Kementerian Pengangkutan akan dapat menjalan-kan kerja²-nya dengan lebeh lancar lagi, tetapi walau macham mana pun saya minta kerjasama daripada se-kelian Yang Berhormat² supaya dapat lagi kita dengan lebeh besar kejayaan-nya pada tahun 1966 nanti. Terima kaseh.

Question put, and agreed to.

The sums of \$413,332 for head S. 65; \$2,358,441 for Head S. 66; \$3,093,831 for Head S. 67; \$726,190 for Head S. 68; \$2,632,106 for Head S. 69; \$3,747,504 for Head S. 70; and \$2,951,813 for Head S. 71; ordered to stand part of the Schedule.

Head S. 72—

The Minister for Welfare Services (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menchadangkan supaya perbelanjaan sa-banyak \$4,976,048 yang di-tunjokkan di-bawah Kepala S. 72 di-di-luluskan. Anggaran perbelanjaan ini membayangkan satu bentuk perkembangan dalam lapangan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat di-negeri ini dan saya mohon izin Dewan untuk menerangkan-nya dengan lanjut sedikit.

Dalam zaman ini tidak ada sa-buah pun negeri yang sedang membangun boleh berpuas hati dengan keadaan Perkhidmatan² Kebajikan Masyarakat-nya yang di-bentuk sa-chara sementara atau pun *ad hoc*. Kemerdekaan dan tanggung²-jawab yang berthabit dengan-nya menghendaki ada-nya penubohan satu sistem atau pun bentuk Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat oleh Kerajaan yang berikhtiar, bukan sahaja untuk membaiki satu² kepincangan masyarakat, bahkan juga untuk kesentosaan ra'ayat jelata ke-seluruhan-nya. Saya berasa bangga

menyatakan bahawa sistem atau pun bentok itu sudah pun ada. Sunggoh pun ada masa sa-tengah² bahagian perkhidmatan² bagi-nya baharu sahaja diwujudkan. Kita tidak lagi berpuas hati dengan ranchangan² bantuan yang berupa sementara bahkan telah menumpukan tenaga dan kemampuan kita bagi mengadakan perkhidmatan² yang berikhtiar menchegeh dan kepinchangan² masharakat serta pemulehan tiap² ra'ayat yang berkeperluan.

Perkhidmatan² Kebajikan Masharakat pada masa ini telah menerima satu lagi peranan sa-bagai "Perkhidmatan² menyokong", ya'ani menolong gu-longan² ra'ayat yang tidak dapat, kerana satu² sebab, mengambil peluang yang penoh dalam menggunakan perkhidmatan² social yang telah di-adakan oleh Kerajaan. Oleh itu, Kementerian saya perlu menyaingi sa-chara dynamis semua kemajuan² negeri ini yang menimbulkan masaal² Kebajikan Masharakat, dan sa-memang-nya-lah semua jenis pembangunan dan kemajuan, baik dalam lapangan ekonomi, social, mahu pun politik, mempunyai akibat²-nya dalam lapangan Kebajikan Masharakat. Pada tahun yang lepas Kementerian saya, umpama-nya, telah membantu keluarga² orang² tahanan dan nelayan², akibat langkah² tindak balas yang di-ambil oleh Kerajaan untuk melawan konfrontasi Indonesia. Kementerian saya juga telah berjaya mengadakan sa-chara perchubaaan latehan² jangka pendek bagi pemuda² untuk membolehkan mereka mendapat satu² pekerjaan. Saya juga berasa bangga menyatakan bahawa Kementerian saya telah memikul sa-bahagian daripada tanggung-jawab Kerajaan Pusat bagi mengadakan Perkhidmatan² Kebajikan Masharakat di-Sabah dan di-Sarawak. Kita sedang berikhtiar supaya Perkhidmatan akhlak berjalan mengikut perinsip² dan 'amalan² yang moden dalam usaha-nya merawat belia² yang di-dapati bersalah. Kita telah menghantar dua orang pegawai² kanan Kementerian ini untuk mengkaji dan menyiasat Perkhidmatan² Kebajikan Masharakat yang ada di-Sarawak. Satu laporan yang mengandongi shor² yang membena dan perekitik telah pun

di-hantarkan kapada Kerajaan Sarawak.

Kementerian saya telah juga melanjutkan ranchangan latehan sambil berkhidmat ka-Sabah dan Sarawak dan telah pun, dan akan, bersedia menolong melateh pegawai² dalam kedua² buah negeri itu. Kita juga tidak lupa, bahkan memberi pengakuan yang sa-wajar²-nya, tentang betapa penting-nya daya usaha sukarela bagi kemajuan dasar social kita. Kementerian saya ingin menegaskan bagaimana mustahak nya kita menyokong peranan yang di-mainkan oleh pertubohan² sukarela bagi menghidupkan demokerasi bergotong royong dalam mana ra'ayat mengambil tanggung-jawab yang besar dalam usaha bersama untuk kepentingan bersama. Kementerian saya telah mendapati perlu menyatukan gerakan² pertubohan kebajikan sukarela dan oleh itu telah pun menubuhkan sa-buah Majlis Kebajikan Masharakat Tanah Melayu yang menjadi sa-buah badan perundingan dan penyatuan mewakili semua pertubohan² kebajikan sukarela. Kementerian saya juga mempunyai ranchangan bantuan kewangan yang bertujuan untuk menggalakkan pertubohan dan perkembangan Perkhidmatan² Kebajikan Sukarela dan meninggikan mutu penyelenggaraan perkhidmatan² yang di-adakan. Meliputi tiap² perkhidmatan yang di-adakan oleh Kementerian ini ia-lah perinsip permuafakatan dan penyatuan usaha dan tindakan bagi mengatasi masaal² persaorangan.

Kita akui bahawa kebanyakan masaal² persaorangan, mahu pun masharakat, boleh di-susur galor kapada beberapa pengaruh dan bukan-nya kapada satu² sebab yang tertentu. Oleh itu, untuk memecahkan-nya sa-chara berkesan, mustahak-lah tindakan bersama dari berbagai jurusan ilmiah di-ambil yang memerlukan penyatuan beberapa perkhidmatan. Satu langkah ka-arrah ini yang telah di-ambil oleh Kementerian saya ia-lah penyusunan sa-mula dan penempatan kaki-tangan Jabatan Kebajikan Masharakat, serta penubohan satu perkhidmatan kebajikan aneka jurusan yang bertujuan untuk menolong orang² persaorangan

dalam semua lengkongan keperluan-nya mengikut bentok keluarga dan masharakat-nya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menerangkan sa-tengah² daripada kejayaan² yang telah di-chapai oleh Kementerian saya semenjak Sidang Belanjawan tahun yang lepas, yang mana ada-lah hasil ranchangan² yang telah di-susun beberapa tahun yang lampau.

Sa-buah Pusat Pemulehan yang moden telah siap di-bena dan mula berjalan dengan pesat-nya bagi merawat orang² yang mempunyai kechachatan ontot dan tulang anggota. Pusat ini terletak di-Cheras, tiga batu jauh-nya daripada bandar Kajang dan mempunyai satu pasokan kaki-tangan yang terlately dan bertauliah yang terdiri daripada jurusan ilmiah yang berkaitan, termasuk-lah sa-orang pakar daripada Pertubohan Buroh sa-Dunia, sa-orang pekerja kebajikan, sa-orang Pegawai Pemulehan Perubatan, sa-orang Jurupuleh Anggota, sa-orang Jurupuleh Chara Kerja, sa-orang Juru puleh Berkata, beberapa orang pengajar guru² dan sa-orang Pegawai Penempatan.

Perlaksanaan Undang² Kuturayau, 1965, pada tahun ini, telah mendorong perhatian yang lebeh terhadap ranchangan Jabatan Kebajikan Masharakat bagi memelihara orang² tua yang dhaif, kuturayau² dan pengemis². Beberapa buah yayasan telah di-namakan untuk maksud Undang² tersebut yang bertujuan untuk pemeliharaan, perlindungan dan latehan pengemis², kuturayau² supaya mereka puleh kembali menjadi orang² yang bermaruah, mempunyai kemampuan sendiri dan mengambil tempat-nya yang sa-wajar dalam masharakat.

Dalam melaksanakan tindakan-nya yang berperikemanusiaan dan membena bagi perempuan² dan gadis² yang rosak akhlak dan memerlukan kapada bantuan, Jabatan Kebajikan Masharakat telah membena sa-buah Tempat Perlindungan bagi Perempuan² dan Gadis² di-Cheras. Sa-buah lagi bangunan yang sa-umpama itu di-ranchangkan di-bena di-Trengganu untuk Pantai Timor.

Dalam bulan Ogos tahun ini, sa-buah lagi Rumah Kebajikan Orang² Tua telah di-buka dengan resmi-nya. Rumah ini terletak di-Batu 14, Jalan Cheras untuk sa-ramai 340 orang dan mempunyai rupa bentok yang moden yang bertujuan memberi sa-berapa banyak kemudahan dan kesenangan kapada penghuni²-nya.

Pengembangan peranan kerja² kebajikan dan perkhidmatan kebajikan masharakat telah memerlukan kaki-tangan kebajikan masharakat yang terlately dengan banyak-nya. Kementerian saya telah memberi keutamaan kapada Ranchangan Latehan yang memberi latehan berperingkat² supaya, dengan jalan ini, dapat-lah kita mempunyai pekerja² kebajikan yang sesuai yang boleh meranchangkan berbagai jenis perkhidmatan kebajikan, sesuai dengan tindakan² yang di-ambil untuk membaiki dan meninggikan taraf hidup ra'ayat negeri ini. Seजार dengan hasrat ini, Kementerian saya mempunyai Ranchangan Latehan Dalam Perkhidmatan yang memberi Hadiah² Belajar bagi latehan professional di-Universiti, dan mengadakan kursus² latehan yang perekitik dan berkesan, serta Kursus² Ulang Kaji pada pegawai² kaki²-tangan peringkat rendah juga kapada kaki-tangan yang bekerja dalam yayasan² dan Rumah² Kebajikan. Ranchangan ini telah di-luaskan ka-Sabah dan Sarawak. Sokongan kita kapada latehan ada-lah merupakan, sa-bahagian-nya, kesedaran yang meluas bahawa pembangunan ekonomi dan sosial ada-lah berkaitan antara satu sama lain ya'ani kemajuan iktisad ada-lah bergantung juga memerlukan ada-nya kemajuan sosial dan kesedaran di-sisi penduduk negeri ini tentang kewajiban mereka terhadap masharakat.

Berkenaan dengan Anggaran Perbelanjaan yang di-bentangkan, chadangan² belanjawan Kementerian saya ada-lah meliputi berbagai jenis perkhidmatan² termasuk perkhidmatan² bagi kanak² yang berkeperluan di-luar dan di-dalam yayasan², perkhidmatan² bagi budak² yang bersalah, perlindungan perempuan² dan gadis², perkhidmatan² bagi orang chachat, bantuan wang kapada tanggongan² orang²

yang terkorban di-dalam masa pem-binaan landasan keretapi Burma/Siam dan juga Latehan Dalam Perkhid-matan bagi Pegawai² dalam Jawatan Kebajikan Masharakat.

Ahli² Yang Berhormat tentu-lah ketahuⁱ ia-itu jumlah Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1966 ada-lah kurang daripada peruntukan yang di-luluskan bagi tahun 1965, di-antara sebab²-nya ia-lah potongan perbelan-jaan yang di-untukkan bagi Singapura berikutan dengan pemisahan Pulau itu daripada Malaysia dan juga oleh ke-rana menjimatkan perbelanjaan sa-jajar dengan keperluan² perkhidmatan² yang di-adakan.

Di-bawah Pechahan-kepala—Gaji, sa-jumlah 20 jawatan baharu yang telah di-chadangkan. Kebanyakan-nya ia-lah untok yayasan² baharu telah siap di-bena mengikut Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Kedua dan juga untok menubuhkan satu perkhid-matan akhlak di-Sabah. Sunggoh pun bilangan jawatan² telah bertambah, Ahli² Yang Berhormat akan dapati peruntukan di-bawah Pechahan-kepala ini telah berkurangan sa-banyak \$46,114 dari peruntukan bagi tahun 1965, sebab-nya saperti yang telah di-terangkan tadi ia-lah potongan² peruntukan bagi Singapura.

Di-bawah Lain² Perbelanjaan Ber-ulang Tiap² Tahun juga kedapatan pengurangan belanja sa-banyak \$10,663 oleh sebab² yang sa-rupa. Kekurangan peruntukan di-dapati juga di-bawah Perbelanjaan Khas oleh sebab pindahan peruntukan sa-banyak \$75,000 sa-bagai bantuan kepada Persatuan Perkumpulan Perempuan Malaysia kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sunggoh pun begitu peruntukan yang ada bagi tahun 1966 ada-lah menchukupi mengikut keadaan² yang ada sekarang.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dengan hormat-nya saya menchadang-kan supaya Anggaran Perbelanjaan ini di-luluskan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Dato' Pengerusi, saya suka-lah berchakap sedikit di-

bawah S. 72, tentang Bantuan Kebaji-kan dan saya hendak rojok kepada kejadian banjir di-Pantai Timor dalam mana Kementerian Welfare Services ini telah dengan serta-merta mengambil langkah bagi mengatasi soal banjir itu. Dan suka-lah saya menyampaikan bagi pehak penduduk Pantai Timor rasa terima kaseh yang tidak terhingga di-atas langkah pehak Kerajaan yang segera mengambil langkah² bagi mengatasi keadaan banjir yang belum pernah di-alami di-negeri kita semenjak 40 tahun yang lalu. Tuan Pengerusi, saya ber-kesempatan sama dengan Yang Berhormat Menteri melawat sa-tengah tempat banjir di-Pantai Timor dan telah melihat sendiri bagaimana keadaan yang dahshat yang di-alami oleh penduduk² yang telah menerima mala petaka itu. Kebanyakan orang di-Kuala Trengganu umpama-nya hanya enam batu dari bandar di-sakeliling itu hampir kesemua rumah² itu di-banjiri ayer sa-keliling-nya dan kalau ada mereka itu menyimpan padi yang di-tanam semua sa-kali di-sapu oleh ayer. Dan mereka hanya berharap sa-mata² kepada bantuan beras dari-pada yang Kerajaan beri. Saya dapat cherita daripada beberapa orang ada pada masa kejadian banjir itu sa-tengah²-nya di-kampung yang jauh sedikit sampai duduk di-atas rabong rumah satu hari satu malam, kerana ayer terlalu besar, dan barangkali tempat itu jauh daripada orang yang hendak sampai chepat, maka dia dengan anak-nya duduk di-atas rabong rumah satu hari satu malam. Sa-hingga akhir-nya baharu datang orang yang menyelamatkan dan membawa dia di-tempat yang selamat. Bagini keadaan ada bukan perkara itu jauh ka-hulu, ini chuma enam batu, tujuh batu, lapan batu daripada bandar Kuala Trengganu sampai ka-hulu Trengganu. Dan ada tempat² barangkali yang sampai sekarang ini pun kampung² yang hanya di-hantar dengan heli-float, beras di-hantar dengan heli-float, helicopter yang pakai float di-hantar ka-sana dan entah mana jumpa dengan orang itu di-bahagi-lah beras. Jadi berapa banyak yang lapar yang menderita itu kita tidak tahu. Ini-lah keadaan

dahshat-nya gambaran daripada kejadian banjir yang ada di-Pantai Timor. Maka itu-lah di-atas langkah segera yang di-ambil oleh Kementerian ini barangkali dengan arahan daripada Timbalan Perdana Menteri, maka dapat-lah di-ubati sedikit sa-banyak penderitaan yang di-hadapi oleh penduduk² di-Pantai Timor.

Sekarang ini sa-tahu saya, Tuan Pengerusi, pehak Jabatan Kebajikan Masharakat ada menghantar pegawai² tambahan. Ada empat, lima pegawai baharu bertugas khas di-Trengganu tempat banjir itu untuk mengarahkan kerja² memberi bantuan dan menyelamatkan mangsa² banjir. Dan ini perkara² yang memang patut di-beri kepujian atas langkah² yang baik dalam menghadapi keadaan ini. Jadi ini-lah dia dua tiga patah yang hendak saya sampaikan kepada Dewan ini bersempena dengan kejadian banjir yang besar ini. Dan saya berharap bahawa keadaan yang sa-bagini, kecekapan yang sa-bagini, akan selalu di-dapati oleh ra'ayat sa-tiap masa ra'ayat menerima mala-petaka dan benchana daripada Kementerian Perkhidmatan 'Am ini. Terima kaseh.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Dato' Pengerusi, saya berchakap petang ini tidak banyak yang saya hendak katakan. Chuma saya hendak menyentuh satu perkara sahaja, ia-itu Kepala 72, Butiran (1) muka 571, Dato' Pengerusi, kita sama faham bahawa Kementerian Kebajikan Masharakat ini telah menganjorkan Loteri Kebajikan di-tanah ayer kita ini dan daripada wang itu telah di-masokkan di-dalam perbendaharaan negara bagi membantu kerja² kebajikan di-dalam negeri ini. Bagi pehak diri saya sendiri, Tuan Pengerusi, saya menchadangkan perkhidmatan Loteri ini kita panjangkan ka-Negeri Sabah dan Sarawak.

Jadi sekarang ini, sa-bagaimana saya ma'alum, Loteri Kebajikan ini chuma di-jalankan di-tanah besar atau di-Tanah Melayu ini sahaja. Jadi apa yang saya maksudkan tadi, Dato' Pengerusi, supaya Loteri Kebajikan ini di-buka ka-Sabah dan ka-Sarawak.

Pada hakikat-nya, tidak-lah kita menggalakkan ra'ayat di-negeri kita ini supaya mempertarongkan diri dalam perjudian. Sedangkan perkara ini, jikalau tidak kita bukakan loteri itu ka-Sabah dan ka-Sarawak, maka di-Sabah dan di-Sarawak sendiri ada mempunyai perjudian loteri lumba kuda. Jadi apa salah-nya kalau masalaah-nya kita adakan kedua² negeri itu dan duit daripada loteri itu kita masokkan ka-dalam perbendaharaan sa-bagaimana yang kita lakukan dan boleh kita pulangkan bagi kebajikan kedua negeri itu.

Saya tidak bermaksud bahawa-sanya menchadangkan lain daripada itu, Dato' Pengerusi. Saya pulangkan-lah kapada timbangan Menteri Yang Berhormat menimbangkan, tetapi chuma satu sahaja di-fikirkan jikalau sa-kira satu pentadbiran Loteri Kebajikan ini di-buka, saya menchadangkan pembukaan ini di-lakukan tiap² sa-bulan sa-kali. Tidak saperti mana sekarang ini, tiga minggu sa-kali atau 20 hari sa-kali. Kalau sa-kira-nya pentadbiran mengadakan loteri ini hendak kita perbahagikan ka-Sabah, ka-Sarawak, saya fikir chara yang di-lakukan sekarang ini boleh kita lakukan di-Sabah atau di-Sarawak. Jikalau sa-kira-nya perkara ini boleh dapat di-pertimbangkan, Dato' Pengerusi, saya menchadangkan supaya hadiah Loteri itu di-pernaikkan hingga kapada \$400,000. Dan hadiah² yang kecil yang sa-lain daripada hadiah yang pertama itu pun agar di-pertinggikan juga sedikit.

Dato' Pengerusi, saya tidak berhajat hendak berchakap supaya menarek ra'ayat suka kapada perjudian. Saya sendiri membeli tiket loteri ini—saya tidak buka dan apa keputusan-nya pun saya tidak tahu, tetapi tiap² bulan saya mengambil tiga atau empat tiket dengan niat dan hasrat saya ini sa-bagai kebajikan kapada negeri dan negara.

Jadi, soal yang kedua, Dato' Pengerusi, saya suka hendak menyentuh Undang² Kuturayau. Undang² ini pun sudah di-perkuatkuasakan tetapi pada hemat saya, Dato' Pengerusi kita boleh dapati dalam bandar

Kuala Lumpur ini sendiri pun maseh ada orang yang merayau² yang boleh memalukan kita dan negara. Dalam masaalah ini, Dato' Pengerusi, bukan sahaja di-bandar Kuala Lumpur ini tetapi di-bandar² lain pun maseh kita dapati orang yang menggunakan ayat² suchi bagi memperolehi mata duit sa-bagai penghidupan. Saya mohon pada Menteri Yang Berhormat ini mengambil tindakan atau mengambil pandangan apa yang saya rayukan. Saya berharap kuat-kuasa undang² kalau boleh kita lakukan kerana pada sa-tengah²-nya itu ada-lah memalukan kita sendiri. Mereka menggunakan dalam pembacaan ayat² suchi dudok di-tepi² jalan dengan menadah tangan menggunakan ayat² suchi dengan tujuan mendapat kehidupan. Maka orang yang sa-umpama ini, Dato' Pengerusi, saya fikir Jabatan ini boleh atau Kementerian ini boleh lakukan—kita menggunakan kuat-kuasa undang² dan kita minta pertolongan pegawai² polis, mereka itu di-adilkan di-makhamah. Dalam masaalah ini, Dato' Pengerusi, kalau kita lakukan sadikit tekanan undang², mudahan² kuturayau yang ada sa-panjang tanah ayer kita ini akan berkurang.

Sa-bagaimana manusia biasa, Dato' Pengerusi, dia selalu mahu menchuba. Dan daripada perchubaan itu dia boleh melepasi daripada tekanan. Jadi dengan sebab itu kalau sa-kira-nya Menteri Yang Berhormat ini boleh menjalankan undang² yang ada ini dan kalau perlu, kalau ada kekurangan dalam undang² itu, kita tambah bawa balek ka-dalam Dewan ini kita guna—kita harap tidak ada kutu² rayau yang saya maksudkan tadi.

Pada akhir-nya, Dato' Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada Kementerian ini ia-lah tertarek hati saya ia-lah sekolah budak² nakal. Pada satu ketika saya pernah melawat sekolah budak² nakal ini dan saya perhatikan susunan, chara kajian yang di-beri kepada budak² nakal ini saya sendiri puas hati; sa-bagai sa-orang bekas pendidek, Dato' Pengerusi, saya rasa langkah ini satu langkah yang baik jikalau Kera-jaan kita mengamalkan atau membesar-

kan sekolah² budak² nakal ini. Tetapi apa yang kita keliru, Dato' Pengerusi, jikalau kita besarkan sekolah budak nakal ini dengan sendiri kita menggalakkan supaya kanak² kita membuat nakal. Jadi pada hakikat-nya kita kehendaki anak² kita yang tidak ada peluang dan yang jahat dan tidak ada dapat lebeh banyak kenekmatan kita tempatkan dalam sekolah ini.

Saya menchadangkan Dato' Pengerusi, kapada Menteri Yang Berhormat ini, nama sekolah kanak² nakal ini kita mencharikan nama yang lebeh sesuai. Jadi, dengan nama ini akan lebeh menggalakkan kanak² yang tidak berpeluang dapat masok sekolah itu, menerima latehan hidup sementara menanti dia besar. Jadi, sekarang ini, Dato' Pengerusi, kita terpaksa memberi latehan akhlak—latehan hidup dia dalam masa dia bersekolah itu manakala di-dapati dia jadi sa-orang budak yang tidak begitu baik akhlak-nya. Jadi, sa-kali pintas, Dato' Pengerusi, kanak² yang tidak baik akhlak lebeh banyak peluang menerima latehan hidup untuk sara hidup atau untuk pelajaran dalam masa dia maseh kanak² atau maseh muda ini daripada anak² yang berakhlak baik. Jadi, ini dia soal pokok yang saya mohon Yang Berhormat Menteri ini menimbangkan supaya nama sekolah ini tidak di-namakan, atau di-kenal dengan nama Sekolah Budak Nakal.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya nama sekolah itu sudah pun di-tukarkan, semua sekolah di-namakan Sekolah Seliaan, tidak ada lagi nama sekolah budak² nakal—untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Tolong sa-kali lagi, Tuan Pengerusi, biasa-nya Ahli Yang Berhormat itu tidak begitu kuat berchakap.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Yang sa-benar-nya nama sekolah yang ada sekarang ini yang di-namakan sekolah akhlak itu, nama yang sa-benar-nya Sekolah Budak² Nakal. Sa-tahu saya di-tempat saya pun nama itu sudah pun di-tukarkan lama sudah di-tukarkan Sekolah Seliaan.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Terima kaseh, Tuan Pengerusi, penerangan dari sahabat saya yang mengambil tempat Menteri Yang Berhormat, tetapi pada umum-nya, Dato' Pengerusi, memang lebeh terkenal dengan nama Budak² Nakal. Jadi, apa salah-nya kita namakan yang lebeh menarek, yang boleh di-ikuti oleh satiap pehak. Jadi, saya, Tuan Pengerusi, kalau itu sudah chukup, saya fikir pun itu baik juga, tetapi pada himat saya rata² Sekolah Budak² Nakal Serendah dan baharu ini, saya baharu ini berchakap dengan Yang Berhormat sahabat saya ini di-lobby sana, dia pun berchakap berkenaan dengan Sekolah Budak Nakal Serendah. Jadi, ini-lah sahaja, Tuan Pengerusi, yang saya harap memohon timbangan Yang Berhormat Menteri dan kalau ada baik-nya pandangan saya ini di-pertimbangkan, saya ucapkan terima kaseh.

Enche' Hanafiah bin Hussain (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ambil dua minit sahaja. Ini berkenaan dengan satu pembakaran yang telah terjadi di-kawasan saya, Jerai, di-Pekan Teroi di-mana 11 buah rumah kedai habis terbakar hangus, oleh kerana tempat itu tempat orang menanam padi, maka pertolongan yang sangat² di-kehendaki daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ia-lah untuk pertolongan supaya mereka boleh membena kembali rumah² kedai mereka.

Sa-belas buah kedai meliputi 100 manusia, sampai sekarang yang saya tahu sudah berbulan², pertolongan satu sen pun tidak sampai daripada Kuala Lumpur. Rombongan² pun sudah saya bawa daripada Kedah untuk membuktikan, menunjukkan dalil. Itu hari saya tanya Ketua Jabatan, dia kata: "Oh! sudah kami utorkan \$3,000—\$3,000 tetapi wang tidak ada, sebab-nya apa, sudah semua sudah di-hantar ka-pantai timor." Saya, orang puteh kata: "Non-plus". Ini mangsa kebakaran pun berhajat juga kepada pertolongan 99 orang, 11 buah kedai dan \$3,000 bagaimana mereka hendak menggunakan wang itu: satu kedai pun tidak chukup untuk membena-nya.

Saya hendak tanya kepada Kementerian ini, bagaimana chara mereka

mengatorkan perengkat, banyak mana pertolongan hendak di-berikan kepada tiap² satu mangsa korban, kalau kebakaran macham mana pertolongan mereka dan berapa banyak di-berikan, kalau ayer bah macham mana, bagaimana? Saya tidak tahu saya tidak mahu tekankan. Kadang² saya ingat barangkali ini chara pejabat sendiri menetapkan, "Oh! kita kasi-lah \$3,000 fasal dia jauh di-Kedah, jadi tidak bising." Kalau di-Kuala Lumpur jadi kebakaran chepat pertolongan banyak kita boleh berikan. Jadi itu-lah saya merayu kepada Kementerian ini, tolong-lah tengok, orang² sana sudah merana berbulan² berkehendakkan pertolongan dan kami telah kutipkan wang banyak untuk memberi pertolongan sa-chara sukarela, tetapi daripada Pejabat Perkhidmatan Kebajikan 'Am ini, tolong-lah beri lebeh dari \$3,000—semua belanja hampir \$100,000—tetapi kalau Jabatan ini boleh beri \$10,000 atau 1/10 pun kami ambil, bershukor kepada Tuhan. Terima kaseh.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja sambil menyokong Anggaran yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri ini. Saya memandang Menteri ini-lah yang banyak membuat pahala kepada orang ramai (*Ketawa*). Jadi dengan sebab itu saya harap Kerajaan pada masa yang akan datang tolong tambah peruntukan Kementerian ini.

Di-samping itu, Dato' Pengerusi, saya chuma hendak berchakap S. 72 Pechahan-kepala 15—Bantuan kepada Badan dan Persatuan Kebajikan. Memang kita sedia ma'alum bahawa Kementerian ini memberi bantuan, kalau ada kejadian mala-petaka yang menimpa kepada sa-saorang. Saya nampak chuma Kementerian ini meluaskan ranchangan-nya pada memberi bantuan kepada perojek² kecil yang di-gunakan oleh orang 'awam yang kena mala-petaka alam. Umpama-nya sa-buah jambatan kecil di-kampung itu telah di-hanyut oleh ayer, peruntukan ini tidak banyak dalam \$500 atau \$600—boleh Kementerian ini berchakap, kita boleh meminta kepada

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar atau di-minta kepada Pegawai Daerah.

Tetapi yang sulit-nya, Dato' Pengerusi, bila kita meminta kepada jabatan yang saya sebutkan ini memakan masa lama—tiga empat bulan—wal hal ra'ayat di-tempat itu hendakkan jambatan itu memberi kebajikan kapadanya dengan kadar segera, tetapi kalau boleh Kementerian ini menolong memberi wang-nya dengan segera, alang-kah bertambah lagi kechermerlang khidmat-nya kepada orang ramai.

Satu perkara yang saya hendak sebutkan, Dato' Pengerusi, dengan hendak memberi penjelasan kepada satu shor saja yang telah saya bangkitkan dalam Dewan ini berhubung dengan Kementerian ini ia-itu berhubung dengan bantuan kepada keluarga Enche' Ahmad Boestamam. Saya gemar menerangkan, Dato' Pengerusi, dengan jitu dan ikhlas bahawa chadangan saya itu tidak mempunyai satu² niat yang tersebut, chadangan saya itu ia-lah sympathy saya kepada sa-orang keluarga yang mempunyai kepichekan hidup, malahan pula ada lorong, ada saluran yang boleh di-beri oleh Kerajaan. Itu-lah tujuan saya.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, tadi telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat waktu mengemukakan Anggaran ini telah di-buat satu pusat di-Cheras sana, kerana menamponkan perempuan² dan gadis² yang telah rosak akhlak-nya. Ini ada-lah satu kebanggaan kepada negara kita. Ada satu perkara yang saya fikir patut di-kaji dan di-timbangkan oleh Kementerian ini, satu manusia yang merosakkan dan perkara ini belum ada lagi dalam pengetahuan Kementerian ini, saya chuba hendak gambarkan ia-itu dalam Kementerian ini ada menyebutkan kuturayau, pengemis.

Ada satu masyarakat—ada satu manusia yang merosakkan masyarakat kita, Tuan Pengerusi, ia-itu yang disebut pondan (*Ketawa*). Pondan ini mengelirukan orang ramai dan merosakkan masyarakat—dan dia boleh kita kaitkan dengan manusia yang

boleh merosakkan masyarakat kita. Jadi orang yang sa-umpama ini apa yang kita hendak katakan . . .

Mr Chairman: Saya suka Ahli Yang Berhormat itu kalau sudah sebutkan perkara itu ta' usah-lah di-sebutkan lagi—macam suka sangat menyebutkan perkataan itu (*Ketawa*).

Enche' Ahmad bin Arshad: Terima kaseh, Tuan Pengerusi. Saya ta' suka tetapi ini perkara baharu. Walau macam mana pun saya harap supaya dapat perhatian Kementerian ini. Orang ini merosakkan masyarakat kadang² dia kejar military—dia kejar askar² kita. Saya tengok di-Melaka orang pondan ini kejar askar, Tuan Pengerusi. Askar kata dia ini "mu-annath"—dia kata wanita; jadi itu-lah sahaja, terima kaseh.

Enche' Ismail bin Idris (Penang Selatan): Tuan Pengerusi, saya ber-setuju dengan kata² Yang Berhormat daripada Muar Utara tadi ia-itu kita kalau hendak buat pahala, rajin²-lah kita berdamping dengan Kementerian Kebajikan ini. Saya suka-lah hendak berdamping rapat dengan Kementerian Kebajikan ini supaya saya juga dapat pahala sedikit.

Tuan Pengerusi, di-dalam ucapan Yang Berhormat Menteri waktu mengemukakan anggaran perbelanjaan ini, Yang Berhormat ini ada menyebutkan ia-itu bertambah banyak jawatan bagi Kementerian-nya ini. Apakala saya selideki sunggoh pun ada bertambah, tetapi saya dapati tentang pegawai² kebajikan maseh berada saperti mana yang telah sudah juga. Sebab pun saya kata demikian kerana di-dapati pegawai² kebajikan ini biasanya tidak-lah dapat menjalankan kewajipan-nya saperti mana yang dikehendaki oleh ra'ayat. Dan ada kala-nya apakala satu permintaan atau permohonan di-buat, maka terpaksa-lah pegawai kebajikan ini membuat siasatan, ada kala-nya sa-hingga sampai kadang² dua minggu, kadang² 18 hari baharu-lah siasatan itu di-buat. Ini barangkali pada pendapat saya hasil daripada kurang-nya pegawai kebajikan ini di-satu² daerah atau di-satu² negeri itu. Saya tidak tahu-lah

ada-kah pemberian atau pun meletakkan sa-orang pegawai kebajikan masharakat itu berdasarkan kepada kawasan² besar—besar-nya kawasan itu atau banyak-nya penduduk² dalam kawasan itu, itu saya tidak tahu tetapi pada pendapat saya kalau hendak ditempatkan pegawai² masharakat itu saya rasa biar-lah di-lebihkan sedikit pegawai² itu di-tempat² yang ada banyak orang.

Tuan Pengerusi, berbalek saya kepada muka surat 575 Pechahan-kepala 14—Alat Perkakas Otopidik dan Anggota Palsu. Saya suka-lah hendak menyatakan kepada Menteri ini, ada sa-orang yang telah membuat permohonan berkenaan dengan kaki palsu ia-itu pada bulan November tahun 1964. Pada hari itu dia telah di-jemput oleh badan atau pun kaki-tangan atau pun Pegawai Kebajikan Masharakat untuk hadir di-Kuala Lumpur supaya mengukur kaki palsu itu pada bulan November tahun 1964. Alang-kah berasa dukachita saya sa-lepas dua bulan—sa-lepas tiga bulan sa-lepas permohonan itu di-buat, lagi sa-kali jawab-nya-lah di-dalam pertimbangan sa-hingga-lah sampai hari ini maseh dalam pertimbangan. Kemudian dua hari atau tiga hari sudah, satu surat telah di-terima daripada Pejabat Kebajikan Masharakat ini mengatakan permohonan kaki palsu untuk tuan ini sedang di-selenggarakan dan di-mintalah tuan hadir lagi sa-kali untuk hendak menyukat lagi sa-kali. Ah! Ini soal yang berlaku, Tuan Pengerusi, sudah sa-tahun—bulan November tahun 1964 sekarang sudah bulan Disember tahun 1965—bulan November tahun 1964 telah pun di-ukor kaki-nya dan bulan Disember tahun 1965 ini di-minta pula orang itu datang ka-Kuala Lumpur untuk hendak di-sukat lagi sa-kali. Wal-hasil orang ini sudah mendapat satu jaminan daripada majikan apakala kaki palsu-nya sudah siap maka majikan akan memberi balek kerja. Tetapi sudah sa-tahun dia tidak mendapat kerja apa pun—bagitu juga bantuan daripada Kebajikan Masharakat pun tidak di-beri. Berapa kali juga dia telah minta supaya perkara ini dapat di-kemukakan. Apabila di-kemukakan satu soal jawapan yang datang maseh di-dalam pertimbangan.

Saya harap-lah muga² dengan permintaan saya bagi pehak orang yang tidak ada kaki itu, Tuan Pengerusi, dapat di-segerakan dan jangan-lah pula dapat jawapan maseh di-dalam penyelenggaraan atau pun di-dalam timbangan. Saya tidak hendak dengar lagi sa-kali surat yang sa-macham itu.

Saya beraleh pula kepada nombor (15) ia-itu Bantuan kepada Badan dan Persatuan Kebajikan \$190,000. Tuan Pengerusi, saperti mana Tuan Pengerusi ma'alum di-dalam negeri saya itu ada banyak badan² kebajikan atau pun rumah² welfare ini yang di-bantu oleh Pejabat Kebajikan Masharakat. Walau bagaimana pun bantuan itu saya mintalah lagi sa-kali terutama sa-kali rumah² anak yatim supaya dapat di-timbangkan muga² dapat di-lebihkan sedikit bantuan yang di-beri sekarang ini. Kerana kita dapati anak² yatim ini telah bertambah daripada sa-tahun ka-satahun.

Akhir-nya, saya suka-lah hendak bertanya, Tuan Pengerusi, kepada Yang Berhormat Menteri ini ada-kah menjadi dasar Kementerian ini tidak memberi apa² bantuan kepada rumah² yang sudah binasa bukan hasil daripada kejadian terbakar atau di-timpa pokok dan sa-bagai-nya. Oleh sebab kemiskinan satu² family itu, dia tidak dapat hendak memperbaiki rumah-nya. Umpama-nya, bumbong rumah dia bochor, langsung jatuh atau pun dinding rumah-nya pecah dan langsung jatuh dia tidak berupaya dan daya mencari wang untuk hendak menampung atap rumah-nya dan sa-bagai-nya. Ada-kah dasar Kerajaan ini tidak akan memberi pertolongan atau pun bantuan terhadap perkara² yang bagitu? Kerana, ada satu perkara yang berlaku di-dalam kawasan saya sa-buah rumah itu sunggoh² dha'if sunggoh²! Kalau-lah siapa² tengok rumah itu pun tentu tidak dapat hendak menerima kata rumah ini patut di-dudoki oleh manusia. Tetapi apa boleh buat oleh sebab kemiskinan, terpaksa-lah dia tinggal juga. Dia telah meminta bantuan kepada Pejabat Kebajikan Masharakat. Tiga tahun dia tunggu—tunggu tidak dapat! Tunggu tidak tahu! Jawapan tidak ada—apa pun ta' ada. Akhir-nya perkara itu di-bawa-lah kepada wakil

ra'ayat. Wakil ra'ayat pun berjumpa dengan pehak yang berkenaan. Itu-lah jawapan-nya dasar Pejabat Kebajikan Masharakat sekarang ini tidak memberi bantuan kepada rumah² yang keadaan sa-macam ini. Jadi, saya pun tidak tahu-lah yang kita tahu, kalau orang² itu betul miskin—susah sunggoh²—tidak upaya keluarga-nya hendak memberi, patut-lah, pada pendapat saya di-beri bantuan. Kerana dia memang² dha'if. Dia memang miskin. Tetapi apakala jawapan yang samacham itu, wakil ra'ayat itu tentu-lah tidak boleh buat apa². Dia terpaksa-lah pergi chari jalan lain siapa ada boleh tolong bagi bantuan sa-kupang, 20 sen, sa-ringgit dan sa-bagai-nya. Kumpul², dapat-lah lima enam puluh ringgit—tolong buat rumah. Itu-lah saya hendak minta, Tuan Pergerusi, supaya dasar itu patut-lah di-pinda sedikit, di-longgarkan sedikit supaya dapat menolong orang² yang chukup² miskin di-atas soal ini. Terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Dato' Pengerusi, saya ambil bahagian sedikit terutama sa-kali saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun melaksanakan Undang² Kuturayau, yang mana kita luluskan dalam Dewan ini. Nampak-nya perkara ini sudah pun berkurangan dan sudah berjalan dengan memuaskan.

Yang kedua-nya mengenai pertubohan Majlis Kebajikan Pusat—Central Welfare Council. Ini ada satu perubahan yang baik yang patut di-sanjong tinggi mengenai pertubohan Central Welfare Council yang mana chawangan²-nya di-tubohkan di-seluruh daerah dan dapat terus berhubung dengan Jawatan-kuasa Pusat. Saya ingin-lah menarek perhatian Yang Berhormat mengenai bantuan sementara kepada orang² yang miskin. Di-atas pengalaman saya sendiri sa-lama lima tahun, Dato' Pengerusi, dasar yang ada sekarang ini ia-lah di-beri wang bantuan sa-lama tiga bulan. Tiap² bulan di-hantarkan wang kepada orang yang di-dapati chukup² susah dan patut menerima bantuan itu dan peruntukan satu² chawangan tidak menchukupi. Mithal-nya pada satu chawangan yang meliputi satu daerah yang pendudok-

nya lebih daripada 110,000 orang mendapat lebih kurang \$12,000 sa-tahun. Jadi, sa-bulan boleh-lah di-belanjakan \$1,000. Jadi, banyak orang² yang meminta bantuan yang Jawatan-kuasa memikirkan orang² itu patut menerima bantuan. Oleh sebab hendak memberi bantuan itu meliputi dan hendak memuaskan pemohon², maka di-kurangkan bantuan sa-takat \$10 sahaja untok satu² pemohon. Yang mana sa-orang bujang, mithal-nya ada anak tiga orang—jadi dengan chara yang macham ini, tidak boleh menchukup bagi sa-orang yang menerima bantuan itu.

Oleh yang demikian, saya mengeshorkan kepada Yang Berhormat Menteri chara memberi bantuan dengan wang buat sementara sa-lama tiga bulan mithal-nya, di-rentikan, dan digantikan dengan satu chara yang mana di-beri modal sa-kali gus. Kata-lah sa-orang keluarga itu—yang saya kata sa-orang bujang, anak-nya ada tiga orang—kita beri modal kapada-nya untok membeli ayam yang bertelor. Sa-orang sa-banyak 25 ekor mithal-nya—dengan harga sa-ekor, kalau Pegawai Kebajikan Masharakat itu berunding dengan Pegawai Haiwan, dapat-lah harga ayam dara yang akan bertelor ini yang berharga kata-lah enam ringgit sa-ekor. Dengan memberi 25 ekor ayam dan ayam ini boleh bertelor, hetong panjang 20 biji sahari dengan di-jual 12 sen maka dapat-lah \$2.40 dan untok makan ayam itu 3 sen untok sa-ekor. Maka dapat-lah keluarga ini untok \$1.50 atau pun \$1.60. Dengan chara yang sa-macham ini dapat-lah bantuan yang kita berikan itu berpanjangan. Ini mithalan sahaja saya kata, Tuan Pengerusi.

Mithalan yang kedua sa-orang yang sa-macham ini boleh kita beri modal sa-banyak \$100 atau pun \$50 untok membeli alat perkakas membuat kueh mithal-nya maka dapat-lah ibu-nya membuat kueh dan menjualkan kueh² itu dan faedah-nya balek kapada keluarga yang kecil. Dan di-bandar² kita boleh beri modal sa-kali gus, kata \$100 atau sa-takat mana yang chukup untok jual rokok mithal-nya. Jadi sa-orang yang miskin ini boleh

menjual rokok ini dapat keuntungan \$1.00 atau \$1.50 sa-hari untuk sara hidup bagi keluarga-nya yang kecil. Dengan sa-chara ini dapat-lah faedah berpanjangan jikalau kita jalan samacham sekarang juga, wang yang kita beri itu hangus sahaja. Lepas tiga bulan balek pula dia kapada Jawatan-kuasa memohon bantuan pula, lepas tiga bulan balek pula. Jadi tujuan-nya kita hendak beri bantuan sementara sahingga orang itu dapat berdiri di atas kaki-nya tetapi pada keseluruhannya, Dato' Pengerusi, orang² ini tidak dapat berdiri di atas kaki-nya sendiri bahkan mereka balek meminta lagi bantuan daripada Jawatan-kuasa yang menguruskan perkara ini.

Yang ketiga, berkenaan dengan mala petaka yang biasa-nya jadi sa-tahun sekali di-kawasan² saya sendiri kalau tidak kena banjir, kena ribut atau pun kebakaran. Baharu² ini sudah pun jadi satu banjir yang besar yang melibatkan hampir² 1,000 orang. Yang susah-nya bagi Jawatan-kuasa ini kerana wang peruntukan simpanan untuk negeri Pulau Pinang tidak ada. Jadi saya harap-lah Yang Berhormat Menteri kalau boleh buat satu peruntukan "reserve fund" untuk mala petaka yang harus berlaku, jikalau mala petaka itu tidak berlaku wang itu di-simpan. Jikalau berlaku dapat di-ambil wang itu memberi bantuan dengan serta merta. Jadi saya sa-bagai Pengerusi dan juga bekerjasama dengan Jawatan-kuasa Kebajikan Masharakat dan juga Pegawai Kebajikan Masharakat merasa satu kerumitan yang besar oleh kerana pada masa itu kita tidak ada wang melainkan jamin daripada kedai² yang boleh beri barang makanan kapada orang² itu—tunggu wang, tidak datang. Jadi kalau ada wang simpanan kita boleh ambil kata \$500 boleh beli beras, boleh beli gula, boleh beli ikan² kering bagi bantuan sementara kapada orang² ini. Saya harap dapat perhatian dari Yang Berhormat Menteri supaya dapat peruntukan ini sa-bagai satu wang simpanan bagi sa-luruh negeri untuk di-gunakan bagi membelanjakan pada masa yang keche-masan.

Yang keempat, tadi sahabat saya telah berchakap dalam Butiran (19)

dengan (20) mengenai Pegawai Kebajikan Masharakat. Jadi saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri ambil perhatian dalam perkara ini supaya di-tambahkan beberapa banyak lagi pegawai Kebajikan Masharakat untuk menjalankan kewajipan-nya dengan lebih sempurna lagi, sa-boleh²-nya ambil-lah daripada gulongan wanita ini sama banyak dengan laki². Saya dapati gulongan wanita ini bekerja lebih baik lagi daripada laki².

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, mengenai Penubohan Chawangan Majlis Kebajikan Masharakat bagi daerah. Sa-boleh²-nya saya harap-lah supaya yang menjadi Pegawai Kebajikan Masharakat itu di-tugaskan untuk menjadi Setia-usaha bagi Chawangan² Majlis Kebajikan Masharakat Pusat. Dengan sa-chara ini dapat-lah kerja² itu di-jalankan dengan lchin-nya. Pada masa sekarang ini di-pileh daripada orang yang dengan sukarela, dengan hendak menggunakan kertas, mesin taip, dan lain² tidak dapat di-jalankan dengan sempurna sa-boleh²-nya biar-lah Pegawai Kebajikan Masharakat itu sendiri menjadi Setia-usaha bagi Majlis² Kebajikan Masharakat di-chawangan² untuk menyempurnakan perjalanan dan pentadbiran Majlis² atau chawangan² itu. Sekian-lah sahaja.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Dato' Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Kepala S. 72 muka 571, Butiran (1)—Menteri Kebajikan Masharakat dan bagitu juga Butiran (2)—Setia-Usaha, Kementerian Kebajikan Masharakat dan Butiran (15)—Pengaruh Kebajikan Masharakat.

Saya sangat-lah tertarek hati dengan apa yang telah di-bentangkan di-dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masharakat berkenaan dengan kemajuan² dan perkhidmatan² Kementerian ini yang telah menjalankan tugas-nya untuk memberi perkhidmatan yang chemerlang kapada ra'ayat di-dalam Persekutuan Malaysia ini. Oleh kerana itu, saya ada satu perkara hendak mengemukakan kapada Menteri Yang Berhormat—satu kejadian yang telah berlaku

di-dalam kawasan saya, Perlis Selatan, ia-itu daerah Simpang Empat, yang mana barangkali Menteri Yang Berhormat tentu-lah membaca yang tersiar dalam surat khabar ada sa-orang perempuan dan lima orang anak yang chukup menderita yang tidak ada mempunyai rumah dan berkenaan dengan hal yang tersebut, penduduk² di-situ terutama sa-kali dari pehak guru² telah mengambil satu tindakan ia-itu dengan chara hendak mengutip derma untuk mendirikan rumah bagi perempuan yang malang itu dan minta kebenaran daripada pehak Kerajaan terutama sa-kali daripada pehak polis, hendak mengutipkan wang dengan sa-kadar \$1,000 sahaja tetapi jawapannya amat-lah mendukachitakan kerana polis tidak sanggup hendak memberi kebenaran kepada satu kumpulan yang hendak membuat kebajikan—membuat kebaikan—untuk menolong wanita yang tersebut. Jadi, dengan kerana itu saya berharap-lah kepada Menteri yang berkenaan dan bagitu juga kepada Setia-Usaha Kementerian ini dan kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat ini supaya mengambil berat dan supaya dapat kumpulan tadi menjalankan kutipan itu supaya dapat mendirikan sa-buah rumah untuk menolong dan memberi kebajikan kepada perempuan tadi, yang ada anak²-nya. Dengan chara yang demikian dapat-lah hamba Allah ini dudok sabagai manusia yang ada pada hari ini yang hidup dalam sa-buah negara yang merdeka.

Akhir-nya sa-kali, Dato' Pengerusi, saya hendak mengemukakan satu fikiran dalam Dewan ini bahawa pada hari ini Kementerian ini membuat perkhidmatan bagi Malaya, Sabah dan Sarawak. Jadi, saya fikir patut-lah Kementerian ini menubuhkan satu Jabatan yang tetap ia-itu di-Mekah. Kerana sunggoh pun pada hari ini kita ada badan², kita ada pegawai² kebajikan masyarakat yang pergi kerana menolong orang² haji tadi, tetapi mereka itu hanya-lah pergi kerana sabagai sukarela sahaja. Jadi, kalau dapat Kementerian ini mengambil tanggungjawab itu, saya rasa dapat-lah kita memberi perkhidmatan yang chemerlang kepada orang² kita yang menunai-

kan fardhu haji di-Mekah tadi dengan dapat kita memberi pertolongan kepada mereka itu dengan chara yang terator dan dengan chara yang lebeh lagi kerana saya tahu bahawasa pegawai² yang ada dalam Kementerian ini ada-lah pegawai² yang terlatah dan pegawai² yang mahir. Jadi dengan chara ini dapat-lah kita melipat gandakan lagi kerja² kita untuk memberi perkhidmatan² kepada orang kita di-masa mereka itu menunaikan fardhu haji di-Mekah. Jadi sa-kadar itu sahaja, Dato' Pengerusi, saya ucapkan berbanyak² terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan:

Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah mendatangkan fikiran atau pun rayuan atau pun telah memuji Kementerian saya di-dalam usaha-nya untuk berkhidmat kepada ra'ayat keselurohan-nya.

Saya akan chuba-lah menjawab satu persatu perkara² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat pada masa membinchangkan Kementerian saya baharu² tadi. Berkenaan dengan perkara yang di-bangkitkan berkenaan dengan kutu² rayau, saya suka-lah mengatakan ia-itu sa-telah berjalan kuat kuasa undang² kutu rayau, sa-jumlah 366 orang kutu² rayau telah pun dapat di-berkas atau di-tangkap dan di-antara mereka itu 103 telah di-ikat jamin dan di-beri amaran. Yang lain itu telah di-tahan di-dalam beberapa tempat rumah² orang tahanan. Meraka² ini ada-lah di-rumah Melaka 17 orang, di-Seremban 17, di-Cheras dan Serdang 76, di-Tanjong Rambutan dan Taiping 31, di-tahan di-rumah orang tua Bedong, Kedah 104 orang, Taman Kemuning, Kelantan 4 orang, Bukit Payong 3, Rehabilitation Centre di-Mersing 85 dan Rehabilitation Centre Ayer Keroh 7.

Di-antara ini sa-banyak 46 orang kanak² dan orang² yang di-tangkap pada masa meminta sedekah juga 24 kanak² ini telah pun di-masokkan dalam rumah kanak². Dan kita di-dalam perkara menchegeh kutu² rayau ini ada-lah kita mendapat bantuan yang erat daripada pehak polis dan sekarang ini kutu² rayau ini ada-lah berkurangan.

Ahli daripada Pulau Pinang Selatan telah membangkitkan perkara kemiskinan untuk membaiki rumah yang burok ia-itu rumah anak² yatim piatu di-Pulau Pinang. Saya suka menyatakan ia-itu bantuan bagi anak² yatim ini ada-lah di-dasarkan di-atas bilangan penduduk² dalam satu² rumah itu dan rumah anak yatim di-Pulau Pinang ini mengikut bilangan penduduk² dalam rumah itu ada-lah pada tahun ini menerima sa-banyak \$31,700. Jadi ini ada-lah berdasarkan bilangan yang ada di-rumah.

Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Pinang Selatan, telah membangkitkan perkara kaki tiruan. Kata-nya telah beberapa lama menunggu dan saya suka-lah menyatakan ia-itu Kebajikan Masharakat sudah mendapat tahu di-atas perkara ini dan telah mengambil tindakan dan perkara ini dan kaki tiruan-nya sedang di-buat pada masa sekarang di-Pusat Alat² Tiruan ia-itu Artificial Limb Centre dan kelambatan ini ada-lah oleh sebab perkakas dan benda² untuk membuat itu datang daripada luar negeri, itu-lah terlambat.

Ahli Yang Berhormat daripada Muar Utara ada bertanya, kalau dapat, Jabatan Kebajikan Masharakat ini mendirikan jambatan² perojek² yang sa-macam itu, yang kechil². Ini ada-lah di-bawah Kementerian lain dan ini luar daripada tanggung-jawab Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Jerai, telah membangkitkan berkenaan dengan bantuan kepada mangsa² mala petaka ia-itu menolong mereka itu dan saya suka menjawab dan memberi tahu ia-itu kita dan beliau bertanya ada-kah kita membeza²kan di-antara satu tempat dengan satu tempat yang lain—ini tidak, Tuan Pengerusi, memang semua negeri walau pun Kedah atau Negeri Sembilan atau mana sekali pun ada-lah kita pandang sama dan kita memberi bantuan itu ia-lah untuk menolong mangsa² itu, bukanlah untuk membayar ganti rugi atau sa-bagai-nya, satu badan insuran—tidak.

Wakil daripada Lipis, minta supaya nama² sekolah budak² nakal ini diubah. Saya suka menyatakan di-sini,

nama² sekolah ini biasa-nya tersebut sa-bagai sekolah laki², sekolah laki² sa-umpama-nya sekolah laki² Sungai Besi, Sekolah Laki² Taiping, akan tetapi yang di-Telok Ayer Tawar itu nama-nya ia-lah Sekolah Seriang. Telok Ayer Tawar, jikalau untuk anak² perempuan, sebutkan sekolah² budak perempuan sa-umpama-nya di-Sungai Lereh, Melaka.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lipis meminta supaya loteri ini dipanjangkan ka-wilayah Sabah dan Sarawak. Tuan Pengerusi, saya suka-lah menyatakan, memang-lah perkara ini telah di-ambil tindakan dan saya sendiri telah pergi ka-Sabah dan Sarawak pada bulan September tahun ini untuk berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagaimana-kah dapat persetujuan daripada dua² Kerajaan Negeri itu supaya loteri ini dapat di-adakan dan di-panjangkan ka-negeri Sabah dan Sarawak dan perkara itu sekarang maseh lagi dalam perbincangan di-antara dua² buah Kerajaan.

Saya suka menguchapkan berbanyak terima kasih kepada wakil Kuala Trengganu Utara yang telah memuji di-atas kecekapan Kementerian saya ini dalam masaalah ayer bah yang berlaku di-Kelantan dan di-Trengganu dan saya suka-lah menyatakan di-sini untuk pengetahuan Ahli² Yang Berhormat ia-itu kita telah memberi ka-negeri Kelantan wang tunai sa-banyak \$40,000, selimut 11,000 helai, biskut 100 tin dan 11 buah tong pakaian lama yang telah di-dermakan oleh Palang Merah, susu 145 tong, beras 40 ton, guni kosong 5,000 untuk menyediakan bekalan², garam 1,250 kati Untuk negeri Trengganu kita telah memberi wang tunai \$25,000, selimut 10,000 helai, 11 buah tong pakaian lama dan bagitu juga beras dan sa-bagai-nya.

Langkah² yang perlu sedang di-ambil untuk menyimpan bekalan beras yang chukup bagi dua bulan di-dalam negeri² itu juga supaya jika ada menjadi ayer bah lagi berpanjangan dan jika kita sekarang ini berusaha mengambil tindakan supaya di-simpan di-Kelantan sa-banyak 7,000 ton beras dan Trengganu sa-banyak 5,000 ton.

Itu sahaja-lah yang dapat saya menjawab pada masa ini dan perkara² yang lain ada-lah di-chatit dan juga di-ambil ingatan oleh pegawai² saya dan saya harap perkara ini ada-lah memuaskan.

Question put and agreed to.

The sum of \$4,976,048 for Head S. 72 ordered to stand part of the Schedule.

House resumes.

Mr Speaker: Ahli² Yang Berhormat saya hendak menyatakan ada-lah Committee of Supply bagi Supply Bill tahun 1966 telah meluluskan hingga Kepala S. 72 bagi Jadual Bill itu.

Meshuarat di-tanggohkan sa-hingga pukul 10.00 pagi esok.

House adjourned at 9.05 p.m.